

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 67

Rabu

10 November 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Perbekalan 2011	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40	(Halaman 28)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 27)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 159)
Usul Anggaran Pembangunan 2011	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.6 dan P.7	(Halaman 28)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 10 November 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Lilah Yasin [Jempol]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perancangan kerajaan bagi meningkatkan pendapatan rakyat yang berada di bawah garis kemiskinan.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Jempol dan saya juga menyebut Salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari masih terdapat pendapatan yang rendah daripada Paras Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM763 di Semenanjung Malaysia, RM1,048 di Sabah dan RM912 di Sarawak. Pelbagai langkah telah diambil dalam usaha mengurangkan jurang pendapatan ini khususnya kepada kumpulan miskin dan secara keseluruhan kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah.

Program Modal Insan ditambah dan dipergiat bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan lantas meningkatkan taraf hidup kumpulan berpendapatan 40% terendah berkenaan. Program yang akan terus dilaksanakan ialah penjana pendapatan melalui pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dan perkhidmatan melalui agensi kementerian sebagai pemudah cara fasilitator dengan izin kepada isi rumah berpotensi untuk terlibat dalam aktiviti tersebut. Program pendidikan dan latihan khususnya kepada belia memberikan pendedahan dan asas sebelum isi rumah terbabit menyertai aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada peningkatan taraf hidup.

Program untuk usahawan seperti kursus peningkatan kemahiran dan mikro kredit disediakan bagi membantu kumpulan mendapat modal awalan untuk memulakan perniagaan atau membesarkan perniagaan sedia ada. Kesemua program yang disediakan menyasarkan peningkatan kepada kelompok bandar dan luar bandar yang tergolong di dalam kumpulan 40% terendah termasuk golongan yang berada di bawah PGK seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Dengan petunjuk ekonomi yang semakin baik dan usaha yang berterusan kerajaan yakin isu kemiskinan dan jurang pendapatan akan dapat ditangani. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. 80 tahun yang lampau Pendeta Zaaba pernah menulis tentang soal kemiskinan. Antara pandangan Pendeta Za'ba, miskin disebabkan oleh kemiskinan kepandaian, kemiskinan sikap, kemiskinan keperangaian. Hari ini setelah 80 tahun idea ini dilontarkan apabila kita buat kajian tentang rakyat termiskin di dalam negara kita unsur-unsur yang sama masih lagi menyelubungi masalah kepada kumpulan rakyat termiskin. Apakah kementerian Yang Berhormat bercadang untuk mengadakan transformasi kepada rakyat supaya kita dapat melahirkan kumpulan masyarakat yang bukan sahaja negara berpendapatan tinggi tetapi juga rakyat akan menjadi kumpulan rakyat yang berpendapatan tinggi sekali gus akan membasmi kemiskinan dalam negara kita.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Jempol. Saya tertarik dengan pandangan beliau yang mengungkapkan pandangan Za'ba seorang pendeta yang begitu unggul. Tiga konsep yang diutamakan dalam pembinaan modal insan ini adalah minda, sikap dan nilai yang begitu penting sekali.

Kita telah memulakan pelbagai program seperti mana Yang Berhormat sedia maklum melalui Skim Program Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, ICU. Lepas itu kita ada Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Lepas itu kita ada Program Mikro Kredit dan juga Program Perumahan Rakyat dan juga melalui tiga agensi. EPU sendiri kita ada di bawah naungan NKRA lagi tetapi fokusnya adalah kepada Model Ekonomi Baru iaitu Rancangan Malaysia Kesepuluh akan fokus balik perkara-perkara yang telah ditunjangi oleh Yang Berhormat tadi iaitu modal insan, inovasi, kreativiti.

Ini akan diberi banyak bantuan dari segi kewangan untuk menjana keupayaan manusia ini kerana itulah yang menjadi masalah seperti kalangan masyarakat Orang Asli dan juga di Sabah dan Sarawak dan masyarakat di Semenanjung iaitu India, Melayu dan sebagainya terpaksa mereka diberi keupayaan sendiri untuk mengharungi cabaran di depan baru boleh mereka keluar daripada garis kemiskinan. Saya setuju dan banyak komponen yang mungkin sukar untuk saya senaraikan di sini, telah termasuk dalam NKRA dan juga dalam kementerian lapan agensi kerajaan yang sedia ada untuk melaksanakan segala-galanya. Percayalah kalau sekiranya implementasi...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, ini selalu sudah memang janji. Balik-balik janji, janji mana betul. Tidak ada kenyataan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kita semua tahu ini tipu punya janjilah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya berharap bahawa – saya belum habis lagi. Sabar Yang Berhormat Ipoh Barat, sabar. Yang Berhormat Kalabakan sabar. Saya berharap kalau kita bandingkan 2006 sampai sekarang kalau dahulu...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh sabar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Saya boleh sabar tapi rakyat tidak boleh sabar.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Jangan harap-harap sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan, saya habiskan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Implementasikan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sabar, sabar.

■1010

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sabar, sabar. Sabar Yang Berhormat Kalabakan. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menafikan bahawa dalam tempoh satu, dua dasawarsa ini peningkatan pendapatan rakyat telah meningkat. *[Disampuk]* Memang. Akan tetapi kita juga akui bahawa inflasi juga telah meningkat, maka kita perlu tahu bahawa jurang itu perlu didekatkan. Maka itu sebabnya kita ada *high income policy*...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawapan itu tidak memberi jawapan kepada soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Betul, betul.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa Yang Berhormat Kalabakan kata, rakyat miskin ini...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Sri Gading, izinkan saya bercakap dahulu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan, benar-benar meyakinkan rakyat. Kita wakil rakyat.

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bagi jawapan yang benar.

Dato' Lilah Yasin [Jempol]: Saya minta soalan ini dijawab secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Bagi jawapan yang benar.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh memberi kepada Yang Berhormat apakah program-program yang jelas dan jitu yang ada. Saya akui di peringkat pelaksanaan ada masalah. Itu saya akui dan saya akui denyutan hati mereka. Akan tetapi saya tidak boleh kata bahawa kerajaan tidak prihatin. Itu salah. Kalau tidak, 40% garis kemiskinan...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Sabah masuk Malaysia sudah 47 tahun...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Kemiskinan masih banyak. Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, Sabah banyak mendapat peruntukan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sabah banyak dapat peruntukan. Jangan risau. Mesti ada. Banyak peruntukan untuk mengatasi masalah kemiskinan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beritahu kepada Yang Berhormat Jempol, saya akan beri secara bertulis segala program yang ada supaya boleh digembleng usaha-usaha untuk memperkasakan. Terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, nombor satu saya terima baiklah pengakuan Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi pihak kerajaan bahawa ada macam-macam misi untuk menolong masyarakat yang miskin dan juga dengan sekali gus mengata bahawa ada masalah pelaksanaan - *delivery system*.

Akan tetapi ini bukan sahaja masalah di negara ini. Yes, kita hendak mengatasi masalah kemiskinan tetapi kenapa program-program kerajaan untuk membasmi kemiskinan adalah mengikut bangsa? Ini betul. Saya boleh kata, satu di antara programnya adalah TEKUN, di mana nampaknya hanya orang-orang bumiputera dan India yang betul-betul miskin di negara ini. Walhal tidak ada program langsung dalam program TEKUN ini untuk menolong masyarakat Cina. Kenapa ada diskriminasi dalam hal ini? Kerana *poverty does not look at color, creed and the people*. Ini masalah. Jadi macam mana program macam ini dapat betul-betul berkesan?

Dalam proses untuk mengatasi masalah kemiskinan, jangan kita pilih kasih. Jangan kita kata ada satu bangsa yang kaya-raya, yang lain bangsa tidak. Yang sebenarnya, orang Melayu, bumiputera yang lain, Cina, India, semua ada dalam keadaan ini. Ada miskin tegar dalam masyarakat Cina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Maka, adakah kerajaan akan berusaha - nombor satu, akan menerima bahawa satu kesilapan telah dibuat kepada masyarakat Cina? Nombor dua, akan meminta maaf kepada masyarakat Cina? Ini kerana dalam 20 tahun ini mereka telah tidak ada apa-apa peruntukan untuk menolong masyarakat ini. Adakah Yang Berhormat Menteri akan memberi satu *guarantee* hari ini supaya membawa perkara itu kepada Kabinet, membawa satu reformasi dalam arena ini?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, ia *racist*. Ia sangat *racist*, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, jangan gunakan medan ini - Dewan yang mulia ini untuk tujuan politik. Itu bukan caranya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Then tell me* macam mana?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Izinkan saya jawablah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ini forumkah?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Izinkan saya jawab. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa mulai tahun 2008 TEKUN telah dibuka untuk semua termasuk masyarakat Cina, saya boleh bagi bukti ada. Sudah diberi kerana saya sendiri berada di Rawang bila beberapa orang Cina telah mendapat pinjaman TEKUN. Saya sendiri telah menyaksikan. Maka saya mohon supaya pihak-pihak yang terlibat dalam perwakilan masyarakat Cina untuk mengemukakan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, bukan begini caranya Yang Berhormat...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya ada pergi ke pejabat TEKUN. Baru enam bulan dahulu, mereka katakan tidak ada. Saya sendiri pergi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat hendak mencabar saya, susahlah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, saya sendiri pergi.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: *Racist*, ini, *racist!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Barat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Untuk masyarakat India, sejak tahun 2008 sudah ada RM35 juta yang telah diperuntukkan untuk TEKUN. Untuk Sabah Sarawak, termasuk dalam permintaan dan permohonan bumiputera.

Maka kerajaan dalam konsep baru keterangkuman - *inclusiveness*, telah membuka supaya ruang bantuan ini diberi kepada semua. Bantuan kemiskinan yang di bawah kementerian-kementerian berkenaan tidak mempunyai agenda kaum. Tidak ada. Cuma siapa kumpulan sasarannya? Bawalah Yang Berhormat Ipoh Barat, saya akan tolong bantu Yang Berhormat Ipoh Barat.

Kalau ada agensi yang diskriminasi, kita cari ia kerana itu bukan dasar kerajaan dalam konsep kemiskinan ini. 40% ke bawah keterangkuman - *inclusiveness*, semua mesti dapat. *Everyone must get the help that is due to them if they are poor* dengan izin. Maka kalau ada diskriminasi di peringkat itu, tolong beritahu kerana saya juga akan berjuang bersama-sama Yang Berhormat untuk tujuan itu. Maka janganlah gunakan medan ini untuk mengucar-ngacirkan

keadaan. Ini tidak sihat. Kalau ada masalah dalam pelaksanaan, bawa kerana saya juga bersama Yang Berhormat untuk perjuangkan itu. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya pergi ke pejabat...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup. Cukup Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Delivery system* tadi, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ia tidak jawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita dalam sesi soal jawab.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

2. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan berapakah kes tuntutan yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna di Ipoh bagi tahun 2009 dan 2010, jumlah kes dibatalkan, jumlah kes *award* tidak dapat diserahkan dan kes penalti ingkar patuh *award*. Nyatakan sebab dan jenis kes tuntutan tersebut.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah atas soalan ini. Salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 2009 sebanyak 352 tuntutan dan bagi tahun 2010 - setakat 31 Oktober 2010 adalah sebanyak 197 tuntutan yang difailkan di Tribunal Tuntutan Pengguna di Ipoh. Sebanyak 150 kes dibatalkan bagi tahun 2009 dan sebanyak 89 kes setakat 31 Oktober bagi tahun 2010. Manakala untuk kes yang *award* tidak dapat diserahkan kepada penentang bagi tahun 2009 adalah sebanyak 15 kes dan bagi tahun 2010, setakat 31 Oktober 2010 adalah tujuh kes. Bagi kes yang *award* tidak dipatuhi bagi tahun 2009 adalah sebanyak 35 kes dan bagi tahun 2010 adalah sebanyak 10 kes setakat 31 Oktober 2010.

Antara sebab kes-kes tidak dapat diserahkan dan kes tidak patuhi *award* adalah disebabkan kerana premis telah ditutup, tidak beroperasi dan tuan punya peniaga tidak dapat dikesan. Jenis untuk *award* tidak dapat serah dan tidak patuh adalah gores dan menang, pembelian kereta terpakai, telefon bimbit, perkhidmatan tangkap gambar paket perkahwinan, kedai jahit pakaian dan pengubahsuaian rumah oleh kontraktor, individu dan lain-lain. Terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa statistik yang diberi menunjukkan berkenaan dengan jumlah kes yang dibatalkan untuk tahun ini melebihi setengah daripada yang difailkan. Saya rasa pihak kementerian boleh memberi perhatian sebab jawapan 167 kes, daripadanya 89 kes dibatalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya memberi objektif baik tribunal ini. Akan tetapi apakah pihak kementerian boleh meneliti semula peraturan yang dibuat oleh pihak menteri di bawah akta yang berkenaan. Di mana pandangan saya telah menghalang proses tuntutan yang cepat dan efektif melindungi pengguna. Saya bagi contoh - ini kes pengalaman saya membawa *consumer* di mana *award* telah diberi tanpa kehadiran penentang dan selepas itu mengambil lebih daripada satu tahun, baru dapat diserahkan. Selepas diserahkan, ada peruntukan dalam peraturan membenarkan penentang untuk *set aside* dengan izin, *award* yang diberi dan pihak tribunal membenarkan *set aside*. Selepas itu *proceed* bicara, selepas itu apa berlaku? Kes dibatalkan. Selepas *consumer* menunggu lebih daripada setahun selepas *award* diberi.

Jadi saya pohonlah pihak kementerian boleh meneliti aspek ini. Aspek kedua, berkenaan di mana ada dua kes di mana presidennya meminta laporan kimia, laporan makmal daripada pihak penuntut.

■1020

Jadi, bagaimanakah pihak penuntut mampu untuk mengemukakan laporan untuk membalas laporan penentang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu memerlukan kepakaran dan saya rasa ini dua perkara yang pihak kementerian patut beri perhatian. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Ya, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah atas keprihatinan Yang Berhormat terhadap golongan pengguna. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kes yang dibatalkan iaitu sebanyak 89 kes yang dibatalkan di Ipoh ini, sebenarnya kerana kes ini telah pun selesai di luar tribunal. So, untuk makluman Yang Berhormat.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya tribunal ini telah pun ditubuhkan, merupakan satu alternatif bagi *consumers redress* yang cepat, yang mudah dan murah. Mudah di sini disebabkan kerana prosedurnya senang dan cepat disebabkan dapat diselesaikan. Kalau dahulu, kalau ikut Akta Seksyen 112 iaitu untuk menyelesaikan dalam 60 hari daripada pendengaran pertama tetapi kini kita telah pun mengambil langkah yang lebih cepat di mana kita telah pun buat dalam 45 hari daripada *first filing* sebab kita hendakkan supaya kes ini dapat diselesaikan dengan seberapa cepat dan *award* diberi kepada penuntut.

Untuk soalan kedua, tentang untuk mendapatkan laporan. Kadang kala kita bukan sengaja hendak menyusahkan penuntut tetapi disebabkan kerana kadang-kadang kes-kes tertentu ini, bukan semuanya, kes-kes tertentu, *one or two* sahaja. So, saya harap Yang

Berhormat sebagai peguam perlu faham kadang kala untuk supaya hendak memberi keputusan yang adil, kita terpaksa menuntut sesuatu. Itu ialah *specific cases* sahaja. Sekian, terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menghormati Yang Berhormat Batu Gajah kerana semangat keghairahan yang tinggi bertanya berkaitan Ipoh. Angka ini ada relevannya jika Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat membandingkan dengan jumlah di peringkat kebangsaan.

Saya hendak tanya di negeri Melaka sebenarnya. Memandangkan kebanyakan kes-kes langsung kepada pengguna yang kita masih lagi melihat terdapat rungutan yang sampai ke pejabat wakil rakyat yang mengatakan *delivery system*, sistem penyampaian yang tidak cekap dan berkesan. Tidak sampai kepada hasrat pengguna. Tidak dapat memuaskan hati pengguna-pengguna. Jadi, di sana Yang Berhormat, yang secara langsung itu tidak dapat diselesaikan dengan sempurna. Apatah lagi berkaitan dengan penuntut dengan penentang yang berkaitan dengan insurans umpamanya.

Apatah lagi tentang perlindungan mereka tentang bagaimana syarikat telekomunikasi membebaskan nama mereka kepada penggiat-penggiat insurans. Ada yang menyampaikan maklumat ini kepada ah long-ah long dan sebagainya. Jadi, apakah di mana secara proaktif tindakan kementerian ke arah perlindungan pengguna-pengguna yang lazimnya menjadi mangsa kepada sindiket-sindiket ini Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak TTPM ini ditubuhkan 1999 dan beroperasi pada tahun 2000, kes yang telah difailkan setakat ini ialah 53,657 kes dengan nilai tuntutan ialah 248.7 juta dan nilai *award* yang telah diberikan ialah 190.3 juta.

Untuk kes yang telah Yang Berhormat bangkitkan tentang bagaimana kita sebagai kementerian yang menjaga pengguna ini untuk melindungi pengguna daripada ah long dan sebagainya. Sebenarnya kita telah pun menubuhkan satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada iaitu SKM, SSM dan juga iaitu daripada Securities Commission (SC) dan begitu juga dengan PDRM.

Tujuan kita ialah untuk supaya kita dapat membuat penyiasatan dengan adanya gabungan tenaga daripada agensi-agensi kerajaan ini supaya kita dapat melindungi pengguna daripada terus dihantui oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab ini. Sekian, terima kasih.

3. Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud] minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kerajaan berhasrat mengkaji sukatan mata pelajaran dan juga keberkesanan sistem pengajaran sedia ada berhubung aspek pendidikan reproduktif di sekolah menengah.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan

Sosial sejak tahun 1989 bagi sekolah menengah dan pada tahun 1994 di sekolah rendah khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Kesihatan dan secara merentas kurikulum mata pelajaran lain seperti Bahasa, Sains, Biologi, Pendidikan Islam dan juga Pendidikan Moral.

Istilah Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial digunakan susulan daripada kelulusan Kabinet pada 20 Disember 2006. Nama Pendidikan Kesihatan Keluarga yang digunakan pada tahun 1989 hingga 2002 dan Pendidikan Seksualiti dari tahun 2003 hingga 2005 telah digantikan dengan istilah baru ini.

Pendidikan seks tidak digunakan dalam konteks pendidikan di Malaysia. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial mencakupi skop yang luas daripada pelbagai perspektif dan bukan hanya terbatas kepada isu seksual atau hubungan seks semata-mata. Antaranya aspek fisiologi, amalan tingkah laku yang sihat dalam konteks kehidupan yang menyentuh tentang seksualiti, etiket perhubungan antara jantina serta persediaan untuk kedewasaan, perkahwinan dan keibubapaan.

Pendidikan ini juga merangkumi kemahiran berkomunikasi secara berkesan serta kemahiran membuat keputusan secara bijak dan bertanggungjawab. Pendidikan ini adalah memfokuskan kepada keluarga sebagai institusi asas manusia di samping gaya hidup sihat serta menyumbang kepada pemeliharaan integriti institusi tersebut secara berterusan dan berkekalan.

Justeru, pendidikan ini dibekalkan kepada semua murid dengan harapan mewujudkan masyarakat Malaysia yang sihat sejahtera serta bebas daripada gejala sosial yang semakin meningkat. Pendidikan Kesihatan Reproduktif dan Sosial ini disemak dan ditambahbaikkan dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dimaklumkan bahawa Pendidikan Reproduktif di sekolah ini adalah merupakan kokurikulum dan bukannya sebagai sebahagian daripada kurikulum pendidikan. Jadi, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa sebarang kelewatan melaksanakan Pendidikan Reproduktif sebagai kurikulum wajib di sekolah menengah hanya akan menyebabkan ramai anak-anak muda terutamanya perempuan yang akan menghadapi masa depan yang gelap akibat kehamilan remaja atau pun *teen pregnancy*, akibat jangkitan AIDS dan *sexually transmitted diseases* (STD) dengan izin.

Seterusnya akan merompak potensi mereka untuk menjadi rakyat yang produktif kepada negara kita. Sedarkah Yang Berhormat Menteri, kalaulah ada hasrat kerajaan untuk melaksanakannya sebagai kokurikulum, apakah Yang Berhormat Menteri menyedari bahawa hasrat kerajaan itu mungkin akan terbantut jika guru-guru yang mengajarnya terdiri daripada mereka yang masih tidak memahami bahawa Pendidikan Reproduktif ini bukan lagi berkenaan dengan isu *the birds and the bees*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, atau pun mereka yang masih merasakan perbincangan mengenai Pendidikan Reproduktif ini mesti terbatas kepada budaya, tradisi dan fahaman agama semata-mata. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang telah dikemukakan. Ingin saya memberi sedikit penjelasan bahawa mungkin dari segi laporan yang telah dibuat di media, ada yang mengatakan bahawa sebelum ini memang ada satu kajian secara *pilot* dilakukan oleh Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat di mana mereka telah memilih lima buah sekolah di lima negeri untuk dibuat secara rintis iaitu bagaimana kita hendak memperkenalkan satu modul - '*I'm in Control*' kepada mereka yang berisiko tinggi. Itu dibuat secara kokurikulum.

Akan tetapi, bagi Kementerian Pelajaran itu semata-mata sebagai satu program bagi kokurikulum. Bagi kementerian kita, kita memang dari segi sukatan pelajaran kita, kita ada satu mata pelajaran Pendidikan Kesihatan di mana kita sudah menetapkan bahawa untuk sekolah menengah, sekolah menengah sebelum ini memang hanya dua minggu sekali. Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah bersetuju supaya ditambah menjadikan kekerapannya seminggu sekali untuk 40 minit. Ianya mengambil kira penambahbaikan aspek-aspek yang perlu kita beritahu dari segi bagaimana hendak mencegah AIDS, HIV dan sebagainya.

■1030

Keduanya, apa yang akan dilakukan ialah kita juga dari segi sekolah rendah, 30 minit iaitu setiap minggu sekali. Kita masukkan elemen-elemen ini bagaimana kita hendak memberi pendidikan dan pendedahan kepada anak-anak kita. Apa yang sering kita dapat perhatikan ialah dari segi kelazimannya kita dapat melihat seseorang wanita itu mengadakan hubungan seks dalam keadaan yang tidak sukarela. Dengan cara itu, kita kena memberikan pendedahan kepada mereka apabila mereka menghadiri parti ataupun menghadiri satu program sosial dan bagaimana mereka dapat menghindari dan melindungi diri sendiri.

Saya rasa aspek-aspek ini telah kita masukkan. Oleh sebab itulah kementerian telah mengadakan satu mesyuarat secara khusus dengan NGO yang memang pakar dalam soal ini pada 24 Mac tahun ini. Selepas itu kita memanggil satu lagi mesyuarat dengan semua agensi dan NGO juga pada 24 Ogos tahun ini. Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran telah bersetuju supaya dari segi Pendidikan Kesihatan, kita buat secara komprehensif merangkumi semua, bukan semata-mata kepada hubungan seks. Banyak lagi perkara yang perlu kita pertekankan. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memang ada sedikit perubahan di dalam sikap. Ini adalah kerana apa yang ada sekarang pada sekolah menengah, *syllabus* itu saya rasa sudah lamalah. Ia sudah *outdated*. Ia tidak dapat memenuhi keperluan pada masa sekarang dan keganasan terhadap kanak-kanak ataupun *sexual abuse* terhadap *the children* bukan berlaku di sekolah menengah sahaja tetapi berlaku kepada budak-budak di sekolah rendah juga.

Jadi saya rasa adalah perlu untuk memberi maklumat tentang bagaimana hendak melindungi diri sendiri. Saya rasa ini bukan sahaja kepada budak-budak perempuan tetapi juga

kepada budak-budak lelaki. Di sini saya juga hendak merayu supaya memberi perhatian kepada budak-budak yang *special* iaitu mereka yang di *shelters* yang *disable* kerana mereka lebih *vulnerable*. Itu yang pertama.

Keduanya, bukan sahaja untuk mengajar mereka iaitu kanak-kanak bagaimana mereka hendak melindungi diri sendiri, tetapi juga memberi nilai untuk menghormati orang lain. *Not to abuse others, not to take advantage*. Ini kerana di sini saya rasa banyak kali dia ambil *advantage*. Cikgu juga mengambil *advantage*, kesempatan ke atas murid-muridnya. Jadi saya rasa adalah perlu kita – dan mesti cepat. Sudah lambat, sudah banyak tahun ‘ditanggung-tanggungkan’. Saya rasa bolehkah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bukan ditanggung Yang Berhormat, tangguh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah kementerian..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ditangguh-tangguh.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ditangguh-tangguhkan. Bolehkah kementerian memberikan satu tarikh yang mungkin bila ia akan dilaksanakan? *Thank you*.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam. Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Mertajam, satu cadangan penambahbaikan dan strategi penyebaran Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial serta Pelancaran Garis Panduan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan telah di bentang kepada Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran pada April tahun ini telah pun meluluskan.

Oleh sebab itulah, dalam kurikulum baru kita iaitu KSSR yang akan diperkenalkan pada tahun hadapan, sudah pasti elemen-elemen yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu akan dimasukkan. Seperti mana yang saya nyatakan, kita telah mengambil pandangan daripada semua pihak untuk kita melakukan penambahbaikan termasuk apa yang disarankan oleh Yang Berhormat.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa Pendidikan Kesihatan itu bukan semata-mata untuk pelajar-pelajar perempuan. Kepada lelaki juga kita ajar. Jadi saya rasa itu adalah satu mata pelajaran wajib dihadiri dan didengar oleh pelajar.

Kita juga akan memasukkan elemen bagaimana hormat-menghormati dari segi kita hendak menonjolkan nilai-nilai kekeluargaan itu dan apabila kita memberitahu kepada pelajar sejak kecil lagi – mereka dari Tahap Satu, Tahap Dua selama enam tahun setiap minggu telah didedahkan Pendidikan Kesihatan, saya rasa ia akan membantu. Kemudian, disambung pula di sekolah menengah dengan setiap minggu ada 40 minit. Saya rasa dengan cara ini, ia dapat membantu dan membendung gejala sosial yang kita idam-idamkan. Sekian, terima kasih.

4. **Tuan Loke Siew Fook [Rasah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan secara terperinci jumlah kes tangkapan mengenai kesalahan pengedaran dadah yang melibatkan warganegara asing mengikut negara asal masing-masing pada tahun 2008, 2009 dan 2010 serta jumlah kes yang telah dihadapi ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman pada tahun-tahun tersebut.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menjawab soalan nombor empat ini, saya ingin mengalu-alukan kehadiran para pelajar dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Yu Hua Kajang [Tepuk] dan juga Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist ACS Sitiawan. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Rasah yang mengemukakan pertanyaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, mengikut data yang dikumpulkan oleh PDRM, butiran berkaitan dengan kes-kes pengedaran dadah yang melibatkan warganegara asing adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah Tangkapan (Orang)	Kes Yang Dituduh	Status Pertuduhan
2008	227	214	menunggu perbicaraan
2009	225	137	menunggu perbicaraan
2010 (Jan-Sept)	382	222	menunggu pembicaraan
Jumlah	834	573	menunggu perbicaraan

Sehubungan dengan warganegara asing yang terlibat di dalam kes tangkapan pengedaran dadah ini, mengikut pecahan negara asal adalah seperti di dalam lampiran yang akan dibekalkan kepada Yang Berhormat kerana senarainya panjang.

Di antara mereka yang ditangkap ini, jumlah pecahan daripada lima negara yang tertinggi bagi tempoh tiga tahun mulai dari tahun 2008 sehingga September 2010 adalah seperti berikut:-

Negara	Jumlah (orang)
Myanmar	219
Indonesia	132
Thailand	118
Iran	117
Nigeria	51

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang serius kegiatan pengedaran dadah termasuklah yang melibatkan warganegara asing ke dalam negara. Dalam hal ini, langkah-langkah yang diambil oleh PDRM untuk membanteras aktiviti pengedaran dadah oleh sindiket warga negara asing adalah seperti berikut:-

- (i) Meningkatkan jaringan hubungan kerjasama antarabangsa dengan agensi penguat kuasa negara luar untuk bertukar-tukar maklumat risikan bagi membendung pengedaran dadah ke dalam negara oleh warga asing;
- (ii) pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara terutamanya di lapangan-lapangan terbang antarabangsa yang diperketatkan dengan penggunaan peralatan teknologi tinggi seperti mesin pengimbas; dan
- (iii) mewujudkan profil penumpang pesawat dari luar negara yang disyaki sebagai *courier* dalam pengedaran dadah ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1040

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya mengapakah ada jurang perbezaan yang begitu besar di antara kes-kes yang telah ditangkap dengan kes-kes yang dituduh mahkamah khususnya pada tahun 2009 dan tahun 2010 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Keduanya, dengan penangkapan yang begitu besar di kalangan warga-warga asing ini walaupun mereka tahu bahawa hukuman yang begitu berat di negara Malaysia hukuman gantung sampai mati, tetapi ramai lagi warga negara asing ini menggunakan Malaysia sebagai satu *transit point*. Adakah ini melambangkan bahawa ada satu sindiket yang meluas dalam negara kita. Baru semalam dalam berita ada sorang warganegara Togo dia membawa 2.2 kg syabu masuk ke Malaysia melalui KLIA, ganjarannya hanya USD2000. Dia sanggup menanggung risiko yang begitu tinggi. Apa yang saya hendak tanya ialah adakah penangkapan warga negara asing ini membantu untuk menumpaskan sindiket-sindiket dalam negara kerana kalau mereka masuk ini mereka mesti ada orang-orang tengah dalam negara kita. Adakah warganegara asing ini kalau telah ditangkap dapat menumpaskan sindiket-sindiket di Malaysia ini, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan soalan pertama yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Rasah, iaitu berkaitan dengan kurang perbezaan di antara jumlah orang yang ditangkap dengan kes yang dituduh yang mana masih belum dapat diselesaikan. Oleh kerana masalah berkaitan dengan perbicaraan ini adalah di bawah *jurisdiction* mahkamah yang mana ini merupakan ini ada *back log of cases* yang dihadapi oleh pihak mahkamah. Keduanya berkaitan dengan mengapa negara kita banyak kes-kes yang melibatkan pengedar asing datang ke negara kita ini. Apa pun bagi pihak penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak negara Malaysia, kita memang sedar terdapat sindiket-sindiket yang datang mengedar dadah di sini untuk ada di antaranya kegunaan di dalam negara dan ada sebagai *transit point*.

Di sini kita melihat bahawa ianya perlu diperketatkan dalam tindakan-tindakan yang telah kita buat supaya kita dapat mengatasi masalah pengedaran daripada penagih-penagih ini. Jadi dari segi tangkapan-tangkapan dibuat, bahawa ada penurunan dari segi penangkapan yang dibuat terhadap pengedar-pengedar ini.

Berkaitan dengan sama ada orang-orang yang ditangkap itu membantu dalam siasatan yang dilaksanakan oleh pihak penguat kuasa kita. Ada juga kes yang dapat kita memperoleh maklumat-maklumat daripada pengedar-pengedar ini yang mana memberi bantuan kita dalam melaksanakan tugas dalam penyiasatan. Sebab itu, kalau kita lihat penangkapan yang dibuat oleh agensi penguat kuasa banyak juga kes yang ditangkap yang melibatkan daripada segi rampasan yang begitu besar sekali. Itu sahaja Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Sedang berbincang sesuatu dengan Yang Berhormat Bukit Gelugor]*

Dato' Seri Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat tidak boleh dapat khidmat nasihat daripada Yang Berhormat Bukit Gelugor. Dia ada masalah di Perak, hendak disembelih oleh Pengerusi dan Setiausaha Agung, hendak dapat khidmat nasihat balik keluarlah. Kenapa dalam Parlimen? *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Duta besar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak ada kena mengena dengan kita Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Duta besar patut berada di New York, bukan di sini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apakah benar ada dakwaan yang mengatakan negara kita sebuah negara yang paling baik untuk transit dadah? Adakah kepercayaan bahawa negara kita ini mewah dan mudah mendatangkan keuntungan yang besar kalau dibawa dadah ke negara kita? Ini dakwaan sebenarnya, persepsi, dakwaan yang menyebabkan macam Yang Berhormat Rasah katalah semalam perempuan pun berani bawa. Tidak dinafikan bahawa sistem keselamatan kita di pelabuhan, di *airport* begitu canggih dan usaha yang telah dijalankan oleh kementerian dan pihak penguat kuasa tidak dinafikan.

Akan tetapi bagaimana kementerian hendak mengatasi dakwaan ini, kekeliruan dakwaan ini supaya kalau jelas bahawa negara kita bukanlah sebuah negara yang begitu mudah dalam fikiran pengedar-pengedar dadah seperti yang saya dakwakan tadi? Bagaimana jalan-jalan yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam mengatasi supaya mereka rasa gerun, takut mereka tahu bahawa negara ini payah dan pelbagai supaya mengurangkan pengedar-pengedar dadah antarabangsa sewenang-wenangnya untuk menggalakkan pengedar-pengedar dadah antarabangsa datang dan menyeludup dadah ke negara kita. Minta sedikit penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Sehubungan dengan dakwaan yang dibuat oleh sesetengah pihak bahawa kononnya negara kita ini adalah merupakan satu negara transit yang disering digunakan oleh pengedar-pengedar dadah ini adalah tidak benar. Ini kerana apa yang kita lihat bahawa memang ada juga kes yang melalui transit di negara kita oleh kerana negara kita ini satu negara yang daripada segi luasnya begitu luas dari segi tempat kemasukan bagi penagih-penagih dadah ini untuk melalui negara kita. Walau bagaimanapun, atas kesedaran dakwaan ini bahawa pihak penguatkuasaan sentiasa memperketatkan lagi dalam mengambil tindakan untuk memastikan supaya penagih-penagih dadah ini tidak akan menggunakan negara kita dengan secara meluasnya untuk membawa dadah ke negara kita.

Oleh kerana itu juga kita berasaskan daripada maklumat-maklumat yang diterima bahawa kita sentiasa mengadakan perhubungan *bilateral* di antara negara kita dengan negara di mana pengedar-pengedar dadah yang dijalankan aktiviti-aktiviti dadah di antara negara asal dengan negara kita yang mana kita selalu mendapat maklumat-maklumat untuk membanteras pengedar-pengedar dadah ini.

Begitu juga daripada segi sebagaimana yang telah saya nyatakan di tempat pintu-pintu masuk di negara kita ini telah kita ketatkan pertamanya dalam pemeriksaan, keduanya dalam membekalkan alat-alat elektronik pengesanan seperti pengimbas untuk mengesan dadah-dadah yang disorokkan oleh penagih-penagih dadah ini. Jadi saya rasa dakwaan kononnya negara kita ini sebagai negara transit adalah tidak betul.

5. Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:-

- (a) mengapakah pembinaan Jalan Meritam-Telahak Fasa 1 yang sedang dibina mengambil masa yang terlalu lambat (projek sakit) sehingga 60 peratus '*behind schedule*' sedangkan projek ini adalah projek Pakej Rangsangan Ekonomi (Projek Rancangan Ekonomi); dan
- (b) mengapakah sesetengah projek elektrik luar bandar di kawasan Limbang terlalu lambat hendak bermula sedangkan ia sudah diluluskan di bawah projek NKRA.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sebenarnya soalan ini dengan izin agak *over taken by event* Tuan Yang di-Pertua tetapi saya jawab jugalah.

■1050

Projek pembinaan Jalan Meritam-Telahak Fasa 1 merupakan salah satu projek RMKe-9 yang dilaksanakan pada tahun 2010. Projek dijadualkan siap pada 11 Ogos tahun ini, tetapi sekarang jalan ini sudah siap Yang Berhormat. Ia siap pada 29 Oktober. Jadi kelewatannya 79 hari sahaja dan siap di bawah LAD iaitu kontraktor yang membina jalan ini dikenakan denda di atas *liquidated ascertained damages* sebanyak lebih kurang RM20,000. Kelewatan 79 hari ini adalah disebabkan:

- (i) kesukaran pihak kontraktor untuk mendapatkan bahan-bahan mentah binaan;
- (ii) kesukaran pihak kontraktor menghantar bahan-bahan binaan, peralatan dan jentera berat ke tapak kerana satu daripada jambatan yang pergi ke sana runtuh, tetapi telah siap dibina.

Untuk bahagian (b) soalan ini, bagi projek bekalan elektrik di luar bandar di bawah tempoh NKRA pula semua projek yang dirancang dan diluluskan akan dilaksanakan secara berperingkat bermula dari tahun 2010 sehingga tahun 2012. Kementerian akan memastikan bahawa semua projek yang telah diluluskan akan disiapkan sebelum berakhir tahun 2012. Sebenarnya ini juga dengan izin, *apply* kepada projek-projek yang lain bukan sahaja bekalan elektrik luar bandar, walaupun ianya sudah diluluskan di bawah NKRA, ini bukan bermakna ia akan siap dengan serta-merta tetapi secara berperingkat, mana-mana projek akan siap pada hujung tahun 2012.

Bagi projek BELB di kawasan Parlimen Limbang seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Limbang, kementerian pada tahun ini sedang melaksanakan 17 projek berjumlah RM11.64 juta dan akan memberi manfaat kepada 340 buah rumah. Pelaksanaan projek bekalan elektrik luar bandar yang diluluskan oleh kementerian sedang mengikut jadual dan semua projek yang diluluskan akan disiapkan mengikut kontrak yang ditawarkan iaitu sebelum 1 Jun 2011. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya saya ini memang sudah *prepare* soalan tambahan, tetapi apabila mendengar jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri terutama sekali Jalan Meritam-Telahak ini, saya baru balik dari kawasan itu Timbalan Menteri. Itu bohong, jawapan sudah siap. *[Ketawa]* Kalau jawapan tadi mengatakan 30% atau 40% saya percaya juga, itu pun selepas saya pergi melawat tapak dan saya panggil kontraktor dan agensi berkenaan barulah mereka bergegas hendak membinanya, hendak simpan *surcharging*, tetapi apabila cakap sudah siap ini, Allah. *I suggest* kalau boleh saya minta kementerian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Timbalan Menteri tegak-tegak dia jual kita dalam Parlimen ini. Apa punya, *astaghfirullah 'azim*.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Soalan saya ialah saya minta kalau boleh pegawai-pegawai daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk betul-betul, kalau boleh hujung minggu ini pergi dengan saya ke kawasan hendak tengok sendiri apa yang sebenarnya. Itu tentang jalan dan tentang bekalan elektrik luar bandar ini, yang sebenarnya kontraktor sudah berjanji dengan saya sejak April lagi dan berjanji sebelum hari raya, yang untuk rumah tercicir tidak payahlah *the new project*, yang tercicir itu dijanjikan sebelum Hari Raya Puasa, sampai hari ini masih lagi dan rakyat sudah beritahu kepada saya Yang Berhormat. Kalau boleh saya minta pergi tengok sendiri kita sama-sama lakukan lawatan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua yang mana satu betul ini Timbalan Menteri cakap siap, wakil rakyat cakap tidak siap. Mana satu betul?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biar Timbalan Menteri jawab semula Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Bagus bawa satu panel pergi *check* sana, Parlimen ini satu panel *check* mana satu betul ini.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah memandangkan kelambatan-kelambatan dalam pelaksanaan boleh membantutkan perancangan kerajaan untuk mempercepatkan menyediakan kemudahan kepada rakyat luar bandar dan juga sebagai langkah untuk menjana ekonomi. Jadi, apakah kerajaan bersedia untuk mengkaji semula kaedah *direct nego* kerana dengan izin, *lowest tendered* ini tidak menjamin *a good delivery* terutamanya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan datang ini, membatalkan ataupun dengan izin, *terminating and existing contract and tendering is costly to the government*.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Tuan Yang di-Pertua, saya sewaktu melawat kawasan, sama juga dapati elektrik luar bandar tidak siap juga mengapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tiada kapasiti untuk bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Putatan sila duduk.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Apa jadi gaduh sesama sendiri?

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Ini adalah untuk memastikan slogan penyampaian diutamakan ini dapat direalisasikan kerana rakyat di kampung-kampung sekarang sudah cukup bijak untuk menilai prestasi penyampaian kita. Sekian terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat dari Limbang. Saya akan periksa hujung minggu ini dengan Yang Berhormat sekali di Limbang dan sekiranya betul maklumat ini tidak tepat, saya berjanji saya akan berbincang dengan bos saya, Menteri saya apakah tindakan yang sepatutnya dan sewajarnya diambil kemudian kerana...

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: *Astaghfirullahal 'azim.*

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tunggu saya jawab dahulu. Ada peluang yang kedua untuk menyoal soalan tambahan. Tadi sebelum saya menjawab ini, saya betul-betul tanya pegawai saya, betulkah ini sudah siap? Jadi dia kata "Betul", *check* dengan orang di bawah sana, dia kata, "Betul sudah *check*". Jadi saya sendiri akan tentukan kemudian kalau tidak ada ruang yang lain untuk saya melaporkan kepada Yang Berhormat, saya akan jawab dengan secara bertulis apakah kedudukan yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat kalau jawapan ini tidak tepat apa integriti Parlimen ini pada mata rakyat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tunggu dahulu.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Timbalan Menteri sudah jawab Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Timbalan Menteri memang menjawab. Soal kita menjawab di Parlimen ini tanggungjawab besar kepada rakyat dan tidak boleh sedikit pun silap.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Kita jangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soal tidak tahulah...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, kami ditipu BN macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading duduklah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya masuk politik umur lebih tua daripada umur *you* lah.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyalahkan sesiapa sebelum perkara ini disiasat, kerana kemungkinan perkara ini timbul dari salah faham jalan mana yang dimaksudkan. Boleh jadi begitu, jadi jangan salahkan sesiapa dahulu sebelum disiasat di peringkat akar umbi di sana dan saya akan buat siasatan ini.

Kedua berkenaan dengan BELB. Kontraktor itu kemungkinan berjanji dengan Yang Berhormat tetapi mengikut jadual kita tidak ada kelewatan dari segi pelaksanaan BELB di Limbang. Kemajuannya sekarang lebih kurang 15% untuk mana-mana projek yang kita laksanakan di bawah NKRA dan dari segi *direct nego*, seperti mana Yang Berhormat sentuh tidak ada jaminan bahawa *company* atau syarikat yang terendah *bid* nya akan melaksanakan projek dengan betul.

Kita tidak terikat dengan mana-mana peraturan bahawa yang mana terendah, itu yang kita akan bagi tender tersebut. Kita siasat dahulu manakah syarikat yang layak, berwibawa dan selepas itu baru kita lihat sama ada kos atau pun *bid* yang dikemukakan oleh syarikat tersebut patut ataupun tidak diterima sebagai syarikat yang menjadi kontraktor untuk projek tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya keenam. Sebelum itu Tuan Yang di-Pertua, saya sangat seronok hari ini kerana ada murid-murid dari sekolah saya dari Setiawan SCS. Saya rasa sangat bangga dengan kehadiran mereka dan anak-anak kita yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sedang melihat wakil rakyat mereka Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya bukan wakil rakyat dari Setiawan tetapi di Parlimen ini, hari ini bersejarah kerana kita ada tujuh 'Ahli Parlimen' dari Setiawan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Semuanya dari SCS Setiawan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah sebut soalan nombor enam?

6. Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) adakah kerajaan menyedari bahawa kebanyakan Government-Linked Investment Companies berada dalam keadaan kemunduran; dan
- (b) senaraikan bilangan pengarah ke pekerja bawahan di setiap GLCs dan GLICs mengikut kaum.

■1100

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, sejak bermulanya program transformasi syarikat berkaitan kerajaan atau GLC pada bulan Mei 2004, rata-rata GLC khususnya di bawah kumpulan G-20 iaitu GLC tersenarai terbesar diletakkan di bawah program transformasi GLC telah berjaya mengukuhkan lagi kedudukan kewangan serta meningkatkan kecekapan operasi masing-masing.

Ini terbukti dengan peningkatan pendapatan agregat G-20 daripada RM9.6 bilion pada tahun 2004 kepada RM19.3 bilion pada tahun 2007 sebelum menyusut kepada RM11.7 bilion pada tahun 2009, akibat kelembapan ekonomi ekoran krisis kewangan dunia. Kadar permodalan pasaran G-20 pula meningkat daripada RM159 bilion pada bulan Mei 2004 kepada RM273 bilion pada bulan Disember 2009. Pada tahun kewangan terkini, sejumlah 18 buah daripada 19 buah GLC di bawah kumpulan G-20 telah mencatatkan keuntungan, sekali gus membuktikan kebanyakan GLC telah berjaya mempamerkan prestasi kewangan yang positif. Oleh itu, dakwaan

yang mengatakan bahawa kebanyakan *government-linked company* (GLC) dan *government-linked investment company* (GLIC) berada dalam keadaan kemunduran adalah tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelantikan kakitangan GLC pula. Pelantikan dibuat berdasarkan kepada merit pengalaman, kepakaran khusus serta kesesuaian individu berkenaan dan bukannya berdasarkan kepada latar belakang etnik masing-masing. Pecahan-pecahan dan kakitangan bagi kumpulan G-20 yang dihimpunkan mengikut syarat-syarat syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan masing-masing setakat bulan Disember 2009 adalah seperti berikut - jumlah keseluruhan pekerja di bawah G-20 iaitu sebanyak 238,390 orang pekerja. Daripada jumlah tersebut, 159,565 orang pekerja atau 66% adalah bumiputera; 20,217 orang pekerja atau 8.5% adalah kaum Cina; dan 13,701 orang pekerja iaitu 5.7% adalah kaum India. Sekian.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak khusus tanya mengenai syarikat-syarikat GLC yang saya difahamkan kebanyakannya tidak menggunakan *the best accounting practice and the best business practice*. Ini kerana jika prinsip-prinsip ini digunakan dan diimplementasikan, keuntungan syarikat-syarikat GLC ini akan berlipat ganda. Kalau mereka berfungsi sebagai satu syarikat swasta, saya difahamkan keuntungan mereka *two times or three times* daripada apa yang diberikan sekarang. Apakah rasionalnya - walaupun saya berpendapat bahawa kita perlu mengambil kira semua aspek, lebih-lebih lagi untuk memberi pertolongan kepada orang-orang. Akan tetapi ada penyelewengan dalam hal ini di mana kalau macam kita kata FELDA, di mana berjuta-juta ringgit digunakan untuk projek-projek Barisan Nasional, projek-projek ahli-ahli politik. Ini adalah di mana wang disalahgunakan. *[Dewan riuh]*

Kalau kita ada *best business practice and best accounting practice*, perkara ini tidak akan berlaku dan khususnya saya ada tanya mengenai pengarah-pengarah. Ini adalah kerana rungutan-rungutan yang saya terima, di mana kalau kita tengok senarai ramai di antara masyarakat Cina dan masyarakat India tidak diwakili. Kalau kita ada 20 orang pengarah, kita hanya ada satu atau dua. Bolehkah tindakan diambil supaya kalau prinsip yang dikatakan *based on meritocracy - the best men* yang dapat itu, tetapi Yang Berhormat sendiri akan tahulah. Kalau *you touch your heart, you will know* ini bukan betul. Mungkin saya boleh tolong Yang Berhormat, kita kutuk orang-orang yang macam ini yang ada fikiran cacat, yang tidak mengambil kira semua ruangan bangsa dan masyarakat di mana itu adalah prinsip dan 1Malaysia, kalau saya boleh kata. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Ipoh Barat. Dakwaan Yang Berhormat bahawa GLC ini mereka menjalankan *accounting system* tidak menggunakan yang terkini, memang itu saya pun tak pasti. Yang Berhormat seorang peguam, saya seorang jurutera - kita memang tidak faham. Saya akan tanya, saya akan jawab kepada Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya faham. Kerana itu saya beritahu Yang Berhormat.

Dato' Donald Lim Siang Chai: *You* mana tahu, *you* peguam. Untuk makluman Yang Berhormat, syarikat-syarikat GLC ini ramainya adalah syarikat yang ada di Bursa Saham Malaysia. Mereka memang akan mengamalkan *practice* yang terkini. Oleh itu Yang Berhormat jangan bimbanglah, kita ada *Securities Commission* dan juga Bursa Saham Malaysia yang jaga mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, dakwaan bahawa ada pilih kasih melantik pengarah dan lain-lain. Memang itu tidak benarlah, bahawa pelantikan memang dibuat berdasarkan kepada merit, pengalaman, kepakaran khususnya serta kesesuaian individual. Seperti kita sedia maklum, semua GLC ini ada lembaga sendiri. Antaranya wakil daripada pihak kerajaan, pihak swasta, pihak profesional. Kita tahulah syarikat-syarikat semua ini pun ada *external auditors*. Oleh itu jangan bimbang. Kalau kes yang spesifik, Yang Berhormat boleh rujuk kepada sayalah. Sekian.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada ketika ini, kebanyakan daripada syarikat-syarikat GLC kita menjalankan perniagaan-perniagaan dalam negara dan kurang mendapat pertumbuhan dan dalam masa yang sama syarikat-syarikat ini terpaksa bersaing dengan syarikat-syarikat tempatan. Kita seharusnya mengubah pendekatan kita dengan memiliki teknologi sendiri ataupun IPR. Walaupun kita terpaksa mengambil masa yang panjang ataupun dengan izin *organic growth*, ataupun kita ambil satu jalan pintas seperti mana yang telah dibuat oleh syarikat *Temasek Holdings*.

Jadi soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk *GLCs* kita supaya mencebur perniagaan di luar negara dan membawa balik keuntungan dalam negara sebagai *reverse investment*? Atau kita dengan cara mengambil alih ataupun menguasai syarikat-syarikat berteknologi tinggi daripada negara-negara asing dan membawa kembali teknologi tersebut dalam negara dengan nilai tambah? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu benar dan juga sesuai. Seperti kita sedia maklum, kita hendak *GLCs* kita boleh pergi ke negara luar supaya mereka bukan hanya ada di negara kita dan bersaing dengan syarikat kita. Mereka ada modal yang besar dan mereka boleh lantik perunding atau profesional. Buat masa ini melalui Kementerian Kewangan, kita telah bincang dengan beberapa GLC seperti Khazanah. Mereka buat masa ini berada di China - ada pejabat di Beijing dan ada beberapa projek mereka sedang dijalankan. Juga *Sime Darby* menjalankan projek di *Shandong Province*. Baru-baru ini Perdana Menteri dari India pun datang ke Malaysia. Mereka pun jemput syarikat kita terutama sekali GLC bagi membina jalan-jalan di India.

■1110

Kita harapkan Yang Berhormat dari Jasin kalau ada pandangan yang lebih baik boleh hubung dengan saya. Kita boleh bincang selanjutnya. Sekian.

7. **Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan jumlah panggilan yang diterima melalui talian NUR 15999 dan nyatakan kes-kes yang dirujuk termasuk kes buang bayi.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Talian NUR, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan sebuah *call centre* bersepadu yang menerima pertanyaan, aduan dan permohonan melalui telefon daripada orang ramai. Talian ini boleh dihubungi melalui nombor 15999. Seramai 29 orang *call agent* dengan izin, yang dilantik terdiri daripada pelbagai bangsa yang mana boleh menjawab sebarang pertanyaan, aduan dan permohonan dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Tamil, Mandarin, Iban, Bidayuh, bahasa Melayu Sarawak, Hokkien, Kadazan dan Dusun. Waktu operasi talian NUR adalah 24 jam.

Tuan Yang di-Pertua, sejak dilancarkan pada 5 Disember 2007 oleh Yang Amat Berhormat mantan Perdana Menteri sehingga 7 November 2010, talian NUR telah menerima sebanyak 125,721 panggilan. Daripada jumlah tersebut 38,437 iaitu 31% merupakan panggilan produktif. Manakala 87,284 panggilan iaitu 69% pula merupakan panggilan yang tidak produktif.

Bagi panggilan produktif, sejumlah 34,221 panggilan iaitu 89% telah berjaya diselesaikan oleh *call agent* dengan izin, yang menerima panggilan tersebut. Manakala 4,216 panggilan iaitu 11% daripadanya telah dipanjangkan kepada agensi kementerian yang berkaitan. Merujuk kepada panggilan-panggilan produktif yang telah diterima oleh talian NUR, sebanyak 3,002 panggilan iaitu 7.8% adalah berkaitan dengan kanak-kanak. OKU sebanyak 1,142 panggilan, warga tua dan keluarga sebanyak 3,271 panggilan iaitu 8.5%, bantuan sebanyak 13,986 panggilan, kaunseling dan psikologi sebanyak 6,031 panggilan iaitu 15.7% dan perundangan dan advokasi sebanyak 242 panggilan iaitu 0.6%.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, talian NUR belum pernah menerima panggilan berkenaan dengan kes pembuangan bayi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sabak Bernam.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab soalan tadi. Kalau kita tinjau permasalahan ini ditimbulkan disebabkan dua, kumpulan sasar lelaki dan wanita. Kita tidak boleh salahkan wanita sahaja dan tidak boleh salahkan lelaki sahaja masalah ini. Jadi adakah kementerian bercadang mewujudkan jabatan khas hal ehwal lelaki ataupun hendak tambah jawatan jabatan itu, Menteri pembangunan wanita dan lelaki.

Ini kerana masalah ini melibatkan lelaki. Begitu juga keberkesanan, apakah langkah-langkah keberkesanan yang proaktif kementerian ini untuk membendung menyelesaikan masalah-masalah sosial ini yang berlaku. Terutama dalam menghadapi masalah dalam menghadapi masa cuti sekolah ini. Oleh kerana kita takut kanak-kanak sekolah ini akan terlibat dengan masalah sosial yang akan berlaku nanti.

Adakah kerajaan ataupun kementerian bercadang mengadakan kerjasama dengan kerajaan Indonesia bagi mempromosikan talian NUR iaitu 15999 ini kepada pekerja Indonesia, khususnya. Terutama masalah-masalah penderaan pembantu rumah yang di Malaysia ataupun menyelesaikan masalah-masalah penderaan yang lain dan pekerja-pekerja Indonesia yang berada di Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Sebenarnya talian NUR ini adalah untuk semua, bukan khas untuk wanita sahaja. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga bukan sahaja menjaga kepentingan wanita sahaja bahkan kita menjaga kepentingan semua pihak.

Ini kerana keluarga itu meliputi wanita, lelaki, kanak-kanak, orang tua dan sebagainya. Iaitu pendek kata kementerian ini menjaga kepentingan dan memperjuangkan hak semua lapisan masyarakat. Semua warga Malaysia. Untuk menjawab soalan yang dikemukakan tadi, sama ada kementerian ini bercadang untuk bekerjasama dengan kerajaan Indonesia bagi menangani masalah penderaan pembantu rumah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sebenarnya melalui talian NUR, kita juga sering menerima aduan ataupun panggilan berkaitan dengan isu iaitu penderaan pembantu rumah. Bila talian NUR menerima aduan berkenaan maka kita akan merujuk kes itu terus kepada Polis Diraja Malaysia untuk tindakan yang selanjutnya. Jadi sebenarnya keperluan untuk kerjasama dengan kerajaan Indonesia dalam hal ini tidaklah perlu.

Oleh kerana kita percaya bahawa kerajaan Malaysia sendiri melalui talian NUR ini kita dapat menangani masalah ini dengan baik. Sekian, terima kasih.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya mengenai masalah pembangunan keluarga ini. Kini kita dapat melihat bahawa apabila dijalankan kursus-kursus pembangunan keluarga, ramai di antara yang menghadirinya adalah kaum wanita. Kita jarang mendapati kaum lelaki berminat di dalam pembangunan keluarga.

Jadi apakah sebenarnya usaha Kementerian Pembangunan, Keluarga dan Wanita ini untuk memastikan bahawa kaum lelaki ini turut mengambil bahagian di dalam kepentingan keluarga itu sendiri. Saya bagi contoh, sekiranya jabatan-jabatan kerajaan membuat program-program motivasi keibubapaan dan sebagainya boleh dikatakan 90% adalah daripada kalangan kaum wanita.

Kaum lelaki jarang kita lihat. Jadi apakah program atau insentif yang perlu kita beri pada kaum lelaki untuk turut sama-sama dalam pembangunan keluarga ini. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Walaupun ianya tidak berkenaan dengan soalan ini akan tetapi saya juga akan cuba jawab iaitu kita memang mengakui bahawa penglibatan kaum lelaki adalah kurang memuaskan dalam program yang telah dijalankan oleh kementerian ini.

Ini disebabkan mungkin kerana kaum lelaki ini lebih sibuk dengan kerjaya masing-masing dan kaum wanita ataupun ibu selalunya merupakan mereka yang lebih mempunyai masa dan juga prihatin tentang isu-isu berkaitan dengan keluarga. Walau bagaimanapun kementerian ini memang mengambil iaitu melipatgandakan usaha kita untuk meningkatkan penglibatan kaum lelaki dalam segala program yang dijalankan.

■1120

Umpamanya, kita telah pun menyediakan program-program yang khas untuk kaum lelaki kita iaitu kita ada kem untuk anak lelaki dan bapa, kita ada kursus atau ceramah motivasi untuk kebapaan dan sebagainya. Kesemua program-program ini adalah khusus untuk kaum lelaki dan saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan yang mulia ini supaya bersama-sama kita menggalakkan kaum lelaki kita terutamanya Ahli Yang Berhormat lelaki yang ada di sini untuk lebih giat dalam semua program yang dijalankan. Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, boleh pohon soalan tambahan?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya menawarkan diri untuk program ini. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua boleh? Apakah maksud panggilan '*tidak produktif*'?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

8. Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai] minta Menteri Kewangan menyatakan;

- (a) Apakah langkah-langkah untuk mengatasi aktiviti pemalsuan kad kredit yang berleluasa; dan
- (b) berapakah jumlah tangkapan dan nilai pemalsuan untuk tahun 2008 hingga kini.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia telah melaksanakan penggunaan kad kredit bercip berasaskan piawai EuroPay, MasterCard, Visa (EMV) secara sepenuhnya mulai tahun

2006 bagi membanteras aktiviti pemalsuan kad kredit. Kad kredit bercip ini lebih selamat berbanding kad kredit berjalur magnetik yang digunakan sebelum ini. Sejak penggunaan kad kredit bercip dilaksanakan, tiada kes penipuan akibat pemalsuan kad kredit ke atas kad yang dikeluarkan di Malaysia. Kes-kes penipuan yang masih dilaporkan adalah kes-kes di mana pemegang kad kredit dipalsukan dan digunakan di luar negara. Oleh sebab Malaysia hanya menerima kad kredit bercip, kerugian akibat kes-kes penipuan tersebut tidak ditanggung oleh pemegang kad kredit tetapi ditanggung oleh bank pemeroleh di negara berkenaan.

Bank Negara Malaysia sentiasa memantau kadar penipuan kad kredit di Malaysia dan terus mengambil langkah yang wajar bagi memastikan penggunaan adalah selamat. Usaha-usaha lain yang diambil termasuklah menjalankan kerjasama erat dengan industri melalui penyertaan dalam pasukan bertugas pengurusan risiko atau Malaysian Risk Management Task Force (MRMTF).

Task Force MRMTF ini turut dianggotai oleh pengeluar dan pemeroleh kad kredit dan *card charge* serta Polis Diraja Malaysia yang merupakan forum perbincangan dan kerjasama dalam menangani penipuan kad kredit. *Task Force MRMTF* ini turut menjalin hubungan dengan negara-negara Asia Tenggara yang lain bagi menangani isu-isu penipuan kad kredit dan berkongsi maklumat tentang pengalaman masing-masing serta ancaman penipuan yang bakal muncul.

Statistik daripada Polis Diraja Malaysia bagi jumlah tangkapan dan nilai kerugian akibat pemalsuan kad kredit adalah seperti berikut;

Tahun	Jumlah Kes (kes)	Jumlah Kerugian (RM)	Jumlah Tangkapan (orang)
2008	279	2.3 juta	107
2009	580	4.7 juta	153
2010 (Januari hingga 18 Oktober)	375	2.3 juta	93

Tuan Mohsin Fadzil Samuri [Bagan Serai]: Terima kasih dengan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi. Nampaknya langkah-langkah telah dilakukan dengan baik sekali terutama sekali dengan adanya kad kredit bercip. Walau bagaimanapun, apa yang saya perhatikan bahawa dalam sedar tidak sedar iaitu dalam kes penipuan ini ada dua kaedah pemalsuan kad kredit.

Pertama, dari segi penipuan oleh mereka yang profesional yang mempunyai kerjaya yang demikian. Sedar atau tidak sebagai contoh kita pergi ke hotel-hotel dan kita hanya tunjukkan kad dan pihak pengurusan hotel memegang kad yang diletakkan di bawah kaunter, kemudian membuat apa yang sepatutnya. Sedar atau tidak sedar bahawa untuk menggunakan kad tersebut, ia memerlukan empat digit nombor akhir di belakang kad itu. Jadi apa yang saya risaukan bahawa dengan adanya empat digit kod nombor itu tadi, pihak-pihak yang profesional itu akan menggunakan nombor tersebut untuk mengurus niaga. Tidak seperti apa yang kalau kita perhatikan misalnya di pasar raya Tesco ataupun di Giant apa yang dilakukan memang di depan kita. Akan tetapi, bagi pihak hotel melakukan di bawah kaunter dan kita tidak tahu apa yang berlaku. Jadi di sini apa yang saya harapkan bahawa kita perlulah meningkatkan tahap sekuriti yang lebih tinggi lagi.

Kedua, apa yang kita perhatikan bahawa dalam keghairahan bank untuk mengeluarkan kad-kad kredit, mereka mengenakan syarat-syarat yang begitu rendah dan mudah sekali. Sehinggan apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang telah menerima kad kredit yang dia tidak minta pun tetapi diberi juga. Jadi apa yang peliknya iaitu bank pun minta dia punya pembayaran bil.

Oleh yang demikian apa yang saya harapkan kepada pihak kementerian cubalah fikirkan apakah langkah-langkah yang lebih sesuai supaya perkara ini terutama sekali siapakah yg membelakangi dalam kes tersebut dan siapa pula *mastermindnya*? Adakah orang-orang dalaman bank ataupun VIP-VIP bank besar-besar itu?

Contohnya kalau kita perhatikan dalam kes dadah bahawa kita dapati yang kena tangkap itu ialah anak kenit-kenit yang kecil dan ikan-ikan bilis sahaja. Namun, dia punya ketua tidak pernah kena. Begitu juga dengan kes yang besar sebegini kalau kita perhatikan dalam kes kad kredit siapakah dalangnya. Jadi apa yang harapkan bahawa apakah langkah-langkah dan perkara yang penting untuk dilakukan supaya dapat membendung terutama sekali kalau kita perhatikan dengan penggunaan kad kredit itu tadi. Sekian, terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat kata ada profesional, mereka bukan profesional tetapi mereka itu sindiket jenayah. Oleh itu jangan guna perkataan yang tidak sesuai. Untuk makluman Yang Berhormat, perkara Yang Berhormat bangkitkan itu memang seperti yang saya katakan tadi ada satu pasukan petugas pengurusan risiko iaitu pihak polis dan juga profesional yang kita ada. Kita memang akan menjaga dan berhati-hati dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Mengenai isu bayaran di hotel-hotel itu kita memang buat masa ini tidak menerima apa-apa dakwaan. Oleh itu Yang Berhormat, kalau kes yang spesifik boleh beritahu kepada Bank Negara atau Kementerian Kewangan. Mengenai isu syarat lebih rendah untuk mendapatkan kad kredit, buat masa ini Bank Negara Malaysia sedang dalam kajian dan kita belum buat keputusan muktamad lagi. Sekian.

■1130

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, setakat itulah sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan untuk pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.30 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis, 11 November 2010.”

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan, Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2011****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dan Anggaran Pembangunan 2011 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" *[Hari Kedua]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

**Maksud B.1 hingga B.9 dan B.40 [Jadual] –
Maksud P.6 dan P.7 [Anggaran Pembangunan 2011] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Gelugor.

11.31 pg.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi saya rujuk kepada butiran 09000. Tuan Pengerusi, dalam tahun 1963 apa yang di buat adalah satu perkara yang serius iaitu Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja boleh membawa ke mahkamah untuk menghadapi pertuduhan-pertuduhan jenayah atau kes-kes sivil.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Apa yang penting Tuan Pengerusi adalah ini barangkali semasa itu ingatan tidak diberi kepada perkara yang serius ini. Bagi seorang rakyat biasa, jika beliau turun di mahkamah dia ada tiga peringkat. Jika satu kes yang serius, kes bunuh khususnya untuk dibicarakan di Mahkamah Tinggi, jika kalah pergi ke Mahkamah Rayuan dan selepas itu Mahkamah Persekutuan.

Ada lagi satu peringkat iaitu *review* keputusan Mahkamah Persekutuan. Lima peringkat tetapi bagi seorang Raja termasuk Yang di-Pertuan Agong, jika beliau dituduh untuk satu kes serius khususnya pembunuhan di mana hukuman *mandatory* adalah maut. Ada satu mahkamah sahaja satu peringkat iaitu Mahkamah Khas. Habis, tidak ada *review*. Satu peringkat sahaja Raja itu diwajibkan untuk menerima keputusan mahkamah itu. Jika hukuman maut *skill as those* digantung.

Adakah sistem itu baik untuk institusi Raja-raja? Raja-raja pun harus diberi keadilan. Selepas Mahkamah Khas ditubuhkan dalam tahun 1993, Tuan Pengerusi prosedur-prosedur dan diikuti dalam mahkamah-mahkamah biasa. Mengikut Tuan Pengerusi, seksyen 7 Kanun Acara

Jenayah dan seksyen 15 Akta Kehakiman tahun 1964, mahkamah adalah terbuka, terbuka untuk rakyat menghadiri prosiding dalam mahkamah-mahkamah itu.

Ada kecualian iaitu jika seorang kanak atau seorang yang dituduh bahawa seksyen 3(76) rogol, mangsa ada hak untuk memberi keterangan tertutup iaitu *in camera*. Akan tetapi, baru-baru ini Tuan Pengerusi dan apa yang ada dibuat adalah sangat radikal. Saya rujuk kepada Tuan Pengerusi dengan izin *Rules of the Special Court (Amendment) 2010*. Tajuk, "*In exercise of the powers conferred by clause 7 by Article 182 of the Federal Constitution Yang di-Pertuan Agong on the advice of the Chief Justice of the Federal Court makes the following rules*".

Pada beberapa peraturan-peraturan di sana yang ada dipinda. Akan tetapi, Tuan Pengerusi apa yang terkejut adalah kemasukan peraturan baru iaitu Peraturan 14A. *Notwithstanding any written law or rules of court and subject to rule 20(1), the hearing of any proceeding in the Special Court shall be in camera.*

Peraturan 20 adalah ini, "*Pronouncement of Judgment. 1) At the close of the hearing the Special Court shall, either on the same day or on some future day which shall either then be appointed for the purpose or of which notice shall subsequently be given to the parties, deliver its judgment in open court.*" Ini bermakna Tuan Pengerusi sekarang prosedur adalah ini. Semua prosiding dalam Mahkamah Khas adalah prosiding-prosiding tertutup kecualian keputusan diberi dalam mahkamah terbuka.

Ini bermakna Tuan Pengerusi, kami ada dalam negara ini apa yang boleh dikatakan *a secret court*. Bolehkah itu situasi seperti itu wujud dalam satu negara demokratik? Adakah pindaan ini, pindaan ini khasnya pindaan kepada Peraturan 14 iaitu kemasukan peraturan baru ini Peraturan 14A. Adakah majlis, rakyat, raja mencontohi apa itu *consequence* peraturan ini. Adakah Majlis Raja-Raja memberi sokongan untuk kemasukan Peraturan 14A kepada peraturan-peraturan Mahkamah Khas tahun 1994.

Dalam majlis Raja-raja khasnya Sultan Perak. Satu masa dia jadi Ketua Hakim Negara adakah Sultan Perak mencontohi ada kemasukan Peraturan 14A dalam peraturan-peraturan ini. Tidak boleh, tidak boleh wujud satu situasi di mana ada satu *secret court* di mana boleh melihat prosiding-prosiding tertutup.

■1140

Ini bermakna seorang Raja boleh didakwa dalam Mahkamah Khas. Saya dikecualikan untuk masuk. Raja-raja lain pun tidak ada hak untuk masuk, menghadiri dan mendengar *proceeding* itu. Isteri Raja dan anak-anak itu pun tidak ada hak untuk masuk. Ini adalah satu peraturan yang dahsyat. Satu peraturan yang dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong ke atas *advice* atau nasihat Ketua Hakim Negara. Adakah Ketua Hakim Negara ini tahu apa *consequence* peraturan 14A ini? Akan tetapi apa yang saya ada menyatakan kerap kali dalam Dewan yang mulia ini dan luar daripada Dewan, negara ini ada seorang Ketua Hakim Negara yang *corrupt*. Satu Ketua Hakim Negara yang harus dipecat dan diletak sebagai Ketua Hakim Negara oleh

kerajaan untuk menutupkan jika ada kes-kes di mana kerajaan terlibat, Ketua Hakim Negara ada di sana untuk selamatkan. Kerajaan atau Yang Berhormat Menteri-menteri yang terlibat.

Tuan Pengerusi, pada 20 Ogos tahun ini selepas dengan izin, *the Judges Committee, Ethics Committee Act* tahun 2009 berkuat kuasa pada 8 Mac tahun ini jika saya tidak silap. Saya telah hantar satu aduan kepada Ketua Hakim Negara iaitu Ketua Hakim Negara dibawa depan *the Ethics Committee* untuk dibicarakan ke atas *misconduct*, sehingga hari ini tidak ada apa-apa balasan daripada Ketua Hakim Negara itu. Malangnya ada peruntukan dalam *the Judges Ethics Committee Act* iaitu Ketua Hakim Negara adalah pihak yang mempertimbangkan satu aduan. Bolehkah seorang Ketua Hakim Negara dalam situasi di mana satu aduan dibuat ke atas dia mengendalikan perkara itu iaitu menentukan adakah satu *prima-facie* kes untuk harus dihantar kepada *the Ethics Committee* untuk dibicarakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa Yang terhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Satu atau dua minit jika boleh Tuan Pengerusi. Kenapa amaran kepada Ketua Hakim Negara ini? Jika dia tidak balas, tidak jawab apa yang saya hantar sebagai satu aduan ke atas dia, dalam tujuh hari saya akan bawa dia ke mahkamah. Saya buat dalam kepentingan orang ramai iaitu kepentingan rakyat dan bukan kepentingan diri sendiri. Akan tetapi apa yang lebih penting Tuan Pengerusi, adalah apa yang saya nyatakan tadi, peraturan 14A yang membolehkan satu *secret court* mengadakan dalam negara ini? Saya harap kerajaan ambil berat ke atas apa yang saya bangkitkan tadi dan mengambil langkah-langkah untuk menarik semula dengan serta-merta peraturan 14A ini yang adalah satu peraturan yang tidak boleh di mempertahankan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan. 10 minit Yang Berhormat.

11.45 pg.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi, tidak sampai 10 minit. Hanya dua butiran sahaja. Saya juga ingin turut berbahas dalam peringkat Jawatankuasa bagi Butiran Bekalan 020100 iaitu perbelanjaan Ahli Parlimen yang Bertugas Ke Luar Negara dan Butiran 020200 iaitu Persidangan *Parliamentary*. Ingin saya membuat satu cadangan kalau dianggap sebagai cadangan bahawa apa yang kita lihat dalam buku bajet ini Tuan Pengerusi, mungkin perbelanjaan kita ke luar negara ini mungkin agak bertambah kerana ada satu atau dua institusi yang baru kita tubuhkan atau wujudkan di Parlimen Malaysia ini. Satu daripada dia adalah *Malaysian Scout Parliamentary Association* yang baru juga direstui oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Presidennya sendiri adalah Tuan Pengerusi sendiri.

Baru-baru ini kita telah dijemput oleh Persatuan Pengakap Sedunia Parlimen yang mengadakan satu persidangan atau pun *delegate conference* di *Seoul*, Korea yang bertarikh

pada minggu yang lepas iaitu 1 hingga 5 November yang mana negara kita gagal menghantar delegasi kita ke *conference* tersebut disebabkan mungkin kekangan masa yang singkat. Masa yang mana kita menghadapi pilihan raya kecil di dua tempat di negara kita yang mana Ahli-ahli Parlimen termasuklah ahli-ahli MAPSA terlibat dengan secara langsung. Oleh kerana mungkin itu, maka kita mungkin terlepas pandang oleh pegawai kita, meluluskan walaupun telah direstui oleh Tuan Pengerusi Dewan kita.

Saya harap ini tidak akan berlaku pada masa-masa akan datang sebab ini perwakilan kita di peringkat antarabangsa telah gagal yang mana negara kita dicadangkan akan menduduki ataupun menyertai dalam peringkat eksekutif antarabangsa pada *delegate conference* di *Seoul*, Korea pada minggu yang lepas. Jadi, walau bagaimanapun saya harap pegawai-pegawai di Parlimen ini bersikap cekap oleh kerana kehendak itu agak sempit sedikit masa. Jadi, ini mungkin tidak diambil berat. Saya harap ini tidak berlaku dan berharap perbelanjaan atau pun peruntukan bagi Institusi Pengakap Parlimen Malaysia ini disediakan dengan spesifik kalau boleh. Kalau boleh ditambah di dalam butiran yang saya sebutkan tadi.

■1150

Keduanya Tuan Pengerusi, iaitu satu institusi yang mana negara kita sudah pun terlibat iaitu dinamakan *Asia-Pacific Parliamentarians' Conference on Environment and Development (APPCED)* yang mana saya adalah Setiausaha Agungnya dan seorang daripada Ahli Parlimen kita iaitu Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit adalah Naib Presiden dalam institusi ini.

Saya juga kecewa kerana pada asalnya kita berharap untuk menjadi hos pada tahun yang lepas tetapi oleh sebab mungkin ada kegagalan pegawai kita mendapatkan persetujuan daripada Kabinet yang menghantar *Cabinet Paper* pada ketika itu, maka kita tidak dapat mengadakan *conference* ini di Kuala Lumpur. Jadi adalah dicadangkan apabila – kita telah pun membuat kunjungan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang juga merestui *conference* ini diadakan di Kuala Lumpur pada tahun hadapan iaitu pada bulan Ogos 2011 di Kuala Lumpur.

Keahliannya melibatkan 41 negara termasuk Amerika Syarikat, China, Kanada dan juga negara-negara di Asia Pasifik termasuk India, Indonesia, Australia dan New Zealand. Ini satu kebanggaan bagi negara kerana ada dua Ahli Parlimen yang berada di dalam institusi ini pada peringkat antarabangsa. Saya mengharapkan peruntukan yang wajar diberikan agar kita dapat mengurus ataupun menjadi hos kepada negara-negara yang akan menyertai *conference* ini di Kuala Lumpur. Saya juga berharap dalam bajet ini dapat dilihat oleh pihak yang berkenaan agar kita dapat menerima delegasi-delegasi dari luar negara ke negara kita bagi mempromosikan satu *common* agenda global iaitu soal *climate change* dan berbagai-bagai lagi soal pembangunan alam sekitar di seluruh dunia. Jadi saya berharap peranan kita selepas COP15 di Copenhagen,

kita juga dilihat di mata dunia bahawa kita juga serius menangani masalah-masalah *carbon emission* di atmosfera.

Itu sahaja Tuan Pengerusi. Saya berharap apa yang saya bawa di peringkat Jawatankuasa ini dapat dilihat dan disokong oleh Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

11.54 pg.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Boleh? Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Putatan. [Ketawa] Tuan Pengerusi, saya juga turut mahu berbincang secara ringkasnya beberapa butiran dan bekalan khususnya bermula dengan Maksud Bekalan 4 – Suruhanjaya Pilihan Raya yang tertera di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011 yang memperuntukkan RM45 juta berbanding dengan peruntukan pada tahun 2010 sebanyak RM34.79 juta.

Tuan Pengerusi, amat mustahak untuk kita memerhatikan sementara kita mahu membangunkan negara yang pada akhirnya harap-harap akan menjadi sebuah negara maju, mempunyai tamadun yang tinggi, punya amalan *best practise* sama ada di Parlimen mahupun di seluruh institusi-institusi penting dalam negara, juga budaya kerja nilai rakyatnya begitu, begitu jugalah peruntukan Suruhanjaya Pilihan Raya ini perlu kita pastikan dengan perbelanjaan yang begini besar, kalau lah tidak kerana pilihan raya yang dikatakan, diuar-uarkan berlaku tahun depan, maka peruntukan RM45 juta ini perlu, Tuan Pengerusi. Diperhatikan benar-benar memperkukuh dan memperkasakan perjalanan amalan demokrasi di negara ini.

Justeru dalam Bekalan itu, saya perhatikan peruntukan 020000 dalam dasar baru itu, peruntukan sebanyak RM2.263 juta itu, ingin saya bertanya, apakah dasar-dasar yang bakal dikaji dan mahu diperkenalkan? Ini kerana antara lain, kalau dapatlah peruntukan seperti ini untuk membuat kajian-kajian yang lebih spesifik untuk memperkukuhkan amalan demokrasi di negara kita ini yang jika kita bandingkan dengan negara jiran Tuan Pengerusi, perlu *lot of catching up* dengan izin, yang perlu kita lakukan. Khususnya, untuk memperkasakan lagi amalan demokrasi seperti yang kita lihat di negara yang terdekat, jiran kita iaitu Indonesia yang telah pun melonjak jauh ke depan dalam amalan demokrasi dan memperkukuhkan institusi dan amalan mereka.

Jika diambil negara-negara Eropah seperti Jerman contohnya, juga Indonesia yang sudah pun memberikan peruntukan kepada parti-parti yang bertanding sebagai satu cara untuk mengelakkan politik wang. Ini saya kira satu pembaharuan dan amalan yang cukup menyegarkan kalau dapat kita perhatikan kajian dasar itu. Itu pertama, Tuan Pengerusi.

Kalau boleh saya singgung sedikit, *One-Off* itu yang diperuntukkan sebagai hampir RM3 juta di situ, saya ingin tahu apakah perbelanjaan ini dan bagaimanakah ia akan terus dapat mempertingkatkan amalan demokrasi di negara ini, Tuan Pengerusi?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Kuala Selangor, sedikit sahaja.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sebentar tadi, baru dilangsungkan ucapan secara *live* Presiden Barack Obama di Indonesia. Nadanya akan menggambarkan Indonesia akan berkembang amat jauh, tetapi inti patinya ialah amalan demokrasi yang telah menjadi tonggak pembangunan ataupun dengan izin, *national development policy*. Tadi Yang Berhormat Kuala Selangor mengatakan bahawa Indonesia punya lonjakan. Soalan saya, adakah benar yang dikatakan Barack Obama itu bahawa Indonesia maju sehingga hari ini disebabkan oleh amalan demokrasi, dikatakan tadi kebebasan media, komitmen untuk membasmi korupsi dan sebagainya? Ini kerana usaha juga dibuat oleh Malaysia tahun ini – Malaysia-US (Congressional) Caucus, *special ambassador to Amerika*, tetapi tidak langsung disebut terutama dalam agenda-agenda dialog barat dan timur, langsung tidak diungkap apa-apa *connection* dengan Malaysia di sini. Saya mohon penjelasan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Ini teguran yang cukup penting Tuan Pengerusi, kerana pada akhirnya, dunia akan melihat kita daripada perspektif amalan demokrasi. Ini sebenarnya ada hubungan langsung dengan bagaimana – kita juga sekali gus menjadi destinasi pelaburan yang baik yang dilihat sebagai mengamalkan *best practices* dalam demokrasi. Saya tidak dapat *over emphasize* ataupun menekankan lagi perkara ini kecuali untuk mahu memasukkan ucapan Yang Berhormat Balik Pulau tadi sebagai sebahagian daripada huraian saya di sini, kerana perkara itu perlu diambil perhatian oleh Menteri dan kementerian.

Tuan Pengerusi, kalau boleh saya lanjutkan sedikit, saya ada beberapa perkara lain secara ringkas hendak saya bangkitkan di dalam peringkat Jawatankuasa ini. Pertamanya isu PEMANDU, keduanya Talent Cooperation dan kalau ada masa yang lain itu saya mahu menyinggung juga perkara bersabit dengan pembangunan lima koridor dan peruntukan-peruntukan yang lain.

■1200

Saya pergi kepada PEMANDU. Tuan Pengerusi, PEMANDU ini, hari ini sudah menjadi satu - hampir-hampir hendak saya katakan satu kementerian. Satu *the new kid on the block* lah dalam bahasanya dengan izin. Peruntukan ini cukup lumayan, cukup mewah dan pengharapan ke atas PEMANDU cukup besar Tuan Pengerusi. Lalu saya memperingatkan. Ulangan-ulangan seperti ini yang telah pernah kita lalui dahulu. Jadi saya amat mengkhawatiri dengan peruntukan yang begini besar – kalau boleh saya sebutkan sedikit Tuan Pengerusi. Dalam peruntukan-peruntukan yang saya lihat, pertama secara rasminya PEMANDU diberikan *allocation* dalam Butiran 310000. Secara rasminya peruntukan itu adalah RM20.67 juta.

Namun, peruntukan-peruntukan pada waktu yang sama dalam dasar baru, ia mendapat peruntukan hampir sampai RM1 bilion. Tidaklah sampai RM1 bilion tetapi hampir RM900 juta, RM897 juta secara tepatnya dalam Butiran 320800. Begitu juga *payment* ataupun bayaran *one-*

off juga. Dalam peruntukan *one-off*, PEMANDU mendapat peruntukan RM18.43 juta dalam B.6 - 331800. Begitu juga dalam peruntukan-peruntukan yang lain, dalam NKRA yang walaupun saya tahu ini adalah dalam – Dalam NKRA ini saya kira dalam Butiran 331300, Butiran 331100, Butiran 331200, kita mendapati semacam PEMANDU mengambil alih ataupun menindih kerja-kerja dalam NKRA di Kementerian Pendidikan, *crime prevention* dan sebagainya dengan izin. Kesemua ini Tuan Pengerusi, mahu kita mendapat penjelasan daripada kementerian, bagaimana agaknya dalam membawa satu tanggungjawab yang cukup besar dan perbelanjaan yang juga besar. Itu tidak masuk dalam item Butiran 332100 di muka surat 136 yang memperuntukkan RM355.9 juta dan pada akhirnya NKEA, itu lebih banyak, RM5.4 bilion Tuan Pengerusi.

Seluruhnya perkara ini Tuan Pengerusi, kita ingin tahu apakah ia akan menimbulkan pertindihan kerja dengan banyak entiti-entiti seperti NEAC dan juga yang lain dan juga tindih tindannya ke atas kementerian, kementerian yang bertanggungjawab langsung ke atas perkara ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Masa Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, ada banyak lagi perkara hendak saya sebutkan. Sedikit lagi Tuan Pengerusi kalau boleh. Saya sambung sedikit dalam Butiran 90000 – *Talent Corporation* ini. Sedikit sahaja hendak saya tanya pada kementerian, apakah yang akan membezakan pada kali ini usaha kita untuk mencapai *brain gain* itu setelah beberapa usaha yang lalu sama ada dalam tahun 90-an, dalam tahun 2000, dalam tahun 2005 ditangani oleh MOSTI contohnya. Apakah yang kementerian yakin pada kali ini kita akan berjaya mengambil ataupun menggamit kembali *talent-talent* yang merupakan hari ini diistilahkan sebagai diaspora di luar negara? Apakah ia juga termasuk dalam usaha kita membina *talent-talent* yang ada, *local breed* yang masih kekal di negara ini?

Jadi, ini pertanyaan-pertanyaan saya Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa lagi perkara lain hendak saya sebutkan. Dana fasilitasi, projek kerajaan elektronik, tentang koridor tetapi mungkin Tuan Pengerusi akan mengizinkan saya mencelah Yang Berhormat Menteri ketika membuat penjelasan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Yang Berhormat Johor Bahru.

12.04 tgh.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya ada satu perkara iaitu di bawah Jabatan Perdana Menteri, Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin merujuk kepada satu hartanah iaitu di Johor Bahru iaitu JB Sentral yang dimiliki dan diurus oleh Bahagian Pengurusan Hartanah Jabatan Perdana Menteri.

Masalahnya ialah hari ini bangunan itu telah siap dibina begitu indah dan begitu moden tetapi apa yang telah berlaku ialah bahawa beberapa peniaga-peniaga kecil yang telah membuat perniagaan kecil di kawasan Tambak Johor telah menjadi sebenarnya mangsa daripada pembangunan yang indah JB Sentral itu. Apabila sudah siap JB Sentral, peniaga-peniaga ini yang sudah lama berniaga di Tambak Johor telah diminta keluar, telah diusir keluar dan mereka telah dijemput untuk berniaga di JB Sentral.

Akan tetapi malangnya, dasar JPM atau Bahagian Pengurusan Hartanah JPM yang mengurus hartanah ini telah pula melantik satu syarikat sendirian berhad untuk menguruskan hartanah mereka iaitu JB Sentral. Apabila diurus oleh sebuah syarikat swasta, maka sewa-sewa yang telah dikenakan di JB Sentral biarpun untuk ruang niaga yang kecil melebihi daripada kemampuan pihak peniaga-peniaga kecil yang lama berniaga di Tambak Johor, maka mereka tidak dapat masuk ambil peluang untuk berniaga dalam satu bangunan yang serba indah dan serba moden.

Saya mengucapkan tahniah kerana kita sudah maju ke hadapan dengan bangunan yang moden, bangunan yang indah. Akan tetapi, pembangunan secara begini telah pula mempunyai mangsa-mangsanya yang tersendiri di mana peniaga-peniaga kecil yang sudah lama berniaga di Tambak Johor tidak pula berpeluang untuk berniaga dalam bangunan yang lawa dan indah kerana kadar sewa yang telah ditetapkan oleh syarikat swasta yang mengurus JB Sentral itu sendiri lebih tinggi daripada kemampuan peniaga-peniaga kecil.

Pada pandangan saya Tuan Pengerusi ialah bahawa sudah menjadi satu dasar awam di mana bila berlakunya perubahan dan pembangunan yang baru, harus juga diambil kira golongan-golongan yang berniaga dan terutamanya golongan-golongan peniaga kecil yang sudah berniaga di kawasan berkenaan. Malangnya, kita lihat bahawa Jabatan Perdana Menteri melalui Bahagian Pengurusan Hartanahnya tidak melaksanakan satu dasar awam yang sudah diterima sebagai amalan biasa dalam sebuah kerajaan dalam kerajaan kita ini.

Jadi saya berharap bahawa pihak JPM, Menteri yang bertanggungjawab dalam perkara ini boleh pertamanya menyatakan *detail* tentang kontrak yang telah ditandatangani, yang dimeterai dengan pihak syarikat swasta yang berkenaan, berapa sewa yang mereka telah dikenakan dan kemudiannya boleh atau tidak Menteri yang berkenaan memberi jawapan bahawa tindakan-tindakan sesuai boleh diambil supaya peniaga-peniaga kecil ini dapat masuk berniaga dalam kompleks atau dalam bangunan JB Sentral ini pada kadar yang munasabah untuk memenuhi satu keperluan sosioekonomi. Ini kerana kita rasa bahawa ini...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Johor Bahru. Yang Berhormat Johor Bahru ini Ahli Parlimen yang begitu popular di Johor Bahru. Tukar dia, BN kalah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Sri Gading samalah.

Berkenaan sewa. Ini yang dibangkitkan oleh peniaga-peniaga Melayu di KLCC, di KLIA, di Alamanda Putrajaya yang menyebabkan peniaga-peniaga kecil ini tidak termampu, tidak terdaya. Bangunan indah, antara yang terindah di dunia.

■1210

Akan tetapi rakyat yang ingin menikmati segala pembangunan yang begini hebat yang dibelanjakan melalui wang rakyat, tetapi rakyat kecewa. Di KLIA empat kaki persegi yang untuk bungkus apa itu, empat kaki persegi sahaja – RM8,000 saya difahamkan sewanya! Jadi apakah hanya indah kepada mata yang memandang, tetapi faedah kepada orang yang benar-benar memang hendak berniaga ini kerana tingginya harga sewaan, mereka terpaksa berputih mata. Bagaimana Yang Berhormat Johor Bahru?

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Inilah perkara Yang Berhormat Tuan Pengerusi yang kerap kali timbul, kalau pihak kementerian terutama Jabatan Perdana Menteri membiarkan perkara ini dilaksanakan atau diuruskan di peringkat pegawai-pegawai semata-mata. Seperti yang saya katakan memang sudah ada dasar awam atau *public policy*, di mana mestilah diberikan perhatian kepada golongan peniaga-peniaga kecil, golongan berpendapatan rendah dalam kawasan-kawasan bandar terutamanya walaupun di Putrajaya umpamanya yang di mana peluang seperti ini harus juga dibuka kepada peniaga-peniaga kecil. Kalau sewa terlalu tinggi tentunya memang seperti mana Yang Berhormat Sri Gading menyatakan tidak akan memberikan manfaat kepada peniaga-peniaga kecil dan golongan berpendapatan rendah.

Jadi sebab itu saya berharap bahawa Jabatan Perdana Menteri yang ada bahagian pengurusan hartanya khusus kepada hartanah yang dimiliki oleh kerajaan. Janganlah nanti kerajaan pula Menteri-menteri hanya bercakap kepada sektor swasta, majlis bandar raya, dewan bandar raya atau majlis tempatan tetapi apabila kuasa sudah ada di tangan, sudah dilaksanakan dengan wang rakyat, alih-alih yang untung Tuan Pengerusi ialah pihak yang menjadi kontraktor, yang membina dan pihak satu lagi syarikat swasta yang mengurus. Akan tetapi golongan ramai yang berpendapatan rendah tidak mendapat faedah. Jadi apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat Sri Gading memang benar dan saya setuju kerana yang malangnya dasar itu sudah ada dan sudah pun dilaksanakan atau diminta dilaksanakan di tempat-tempat lain. Akan tetapi mengapa Jabatan Perdana Menteri dikecualikan apabila mereka mempunyai harta? Bagaimana pula Putrajaya dikecualikan sedangkan Alamanda juga merupakan kemudahan untuk semua pihak dan bukan hanya kepada golongan peniaga-peniaga yang besar dan tinggi.

Saya berharap Tuan Pengerusi, Jabatan Perdana Menteri melihat secara serius perkara ini walaupun mereka berada di Kuala Lumpur, harta mereka di Johor Bahru, hartanah mereka di Johor Bahru maka saya sebagai Ahli Parlimen Johor Bahru memang bersimpati kepada peniaga-peniaga kecil di Johor Bahru yang sudah lama berniaga. Seharusnya mereka mengambil satu

tindakan *affirmative* yang membantu golongan berpendapatan rendah. Janganlah buat projek, kontraktor untung dan syarikat besar yang mengurus kemudahan itu yang untung sahaja.

Jadi Yang Berhormat Tuan Pengerusi, itu sahaja yang saya hendak cakap dan saya harap bahawa pihak Jabatan Perdana Menteri akan dapat mengambil tindakan – hendak huraikan, beri jawapan, ini semua kita boleh dengar tetapi ambil tindakan dan betulkan keadaan kerana itu yang rakyat mahu. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Balik Pulau.

12.14 tgh.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pada hari ini mungkin berbeza sedikit. Saya secara 100% mengguna pakai ucapan Yang Berhormat Johor Bahru di dalam ucapan saya sebagai mukadimah kerana spirit beliau.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Akan tetapi saya rasa saya punya *copyright*. Jangan ambil, cakap sendirilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Baik Yang Berhormat Balik Pulau datang ke mari sahajalah, senanglah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Akan tetapi di segi *copyright* untuk tujuan pendidikan ia tidak ada *royalty*, dengan izin. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, bagi tujuan pembahasan saya mahu membahaskan di bawah B.8 di bawah tajuk 040000 – Penasihat di bawah Jabatan Peguam Negara, 06000 – Penyemakan dan Pembaharuan Undang-undang, 070000 – Pendakwaan dan 080000 – Guaman.

Tuan Pengerusi, jikalau kita berbahas mengenai bajet ini, di kampung, saya baru terima maklumat 12 keluarga kalah kes dan dikatakan sebagai penceroboh. Tinggal di situ dari nenek moyang berpuluh-puluh tahun kalah kes pergi Mahkamah Tinggi dengan usaha sendiri, duit sendiri tetapi dipanggil penceroboh. Bayar sewa kepada kebetulan ceti tuan punya tanah tersebut. Ceti apabila ada desas desus pembangunan, ya mewah, lumayan, jual! Dikatakan mahu membina *resort*, tempat yang khusus dia kata di Telok Kumbar. Tempatnya cantik tepi laut. Isunya di sini seperti yang dibangkitkan oleh rakan bijaksana saya walaupun dari Barisan Nasional, banyak saya belajar, Yang Berhormat Johor Bahru. Betul saya setuju dengan Yang Berhormat Sri Gading, hebat orang Johor Bahru ini. Nadanya lain. Walaupun berbicara isu hak tetapi tidak *racial* bunyinya, tidak perkauman bunyinya. Bunyinya hak asasi.

Tuan Pengerusi, isunya di sini saya menggesa sekali lagi di Dewan yang mulia ini di atas bajet-bajet yang ada kekuatan yang hebat di kala berbincang di atas nama *greater* Kuala Lumpur, *high income economy* dan sebagainya. Cuba kita beri keutamaan kepada mereka yang di bawah iaitu mereka yang berpendapatan pertengahan ke bawah. Apa isunya di sini? Apa guna ada bangunan tinggi kalau hendak berteduh pun belum tentu lagi, betul Yang Berhormat Sri Gading?

Tuan Pengerusi, secara khusus saya menggesa Menteri di Jabatan Perdana Menteri terutamanya Yang Berhormat Menteri Undang-undang segera pinda – saya rasa Yang Berhormat Padang Rengas mampu, beliau ada kekuatan itu. Pinda Kanun Tanah Negara (*National Land Code*) kerana sehingga ke hari ini kita sudah 50 tahun merdeka, semangat undang-undang tanah kita ini masih di setakat Torrens System Australia, pengalaman warisannya berbeza. Betul ada pengalaman mengenai mengurus orang-orang asal dengan izin, *the native* tetapi isunya di sini bagaimana undang-undang yang diambil itu apabila diguna pakai di Malaysia pengiktirafannya itu terutama kepada nenek-nenek moyang kita tidak ada.

Saya tahu di Rompin, ramai keluarga saya berasal dari Rompin, teroka Rompin tetapi kalau hari ini kita buat dokumen kata Sultan beri kita tempat ini dan sebagainya, mungkin itu pengiktirafan yang berbeza di bawah *National Land Code*. Akan tetapi bukan itu hujah saya. Hujah saya ialah bagaimana teman-teman hari ini ada yang datang daripada Aceh, ada datang daripada Tanah Besar, ada datang dari pelbagai tempat. Mereka membangunkan sesuatu kawasan contohnya di Balik Pulau Tuan Pengerusi, asalnya di situ ramai orang Aceh, orang Siam dan macam-macam. Akan tetapi hari ini apa yang berlaku? Atas nama pembangunan mereka menjadi mangsa. Kita buat pembangunan..

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Balik Pulau, sedikit boleh?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey boleh. Jangan panjang sangat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ringkaskan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hendak mendengar pandangan Yang Berhormat Balik Pulau sahaja. Tidak kiralah apa hendak beri pandangan pun.

Pertamanya, di Balik Pulau sendiri apabila kerajaan negeri hendak membangunkan projek besar - universiti. Apakah yang dibuat oleh kerajaan negeri itu memang betul mengambil kira kepentingan rakyat dan dipersetujui oleh Ahli Parlimen Balik Pulau. Itu satu.

Keduanya, bercakap tadi Barack Obama pergi ke Indonesia menyebut bahawa Indonesia akan menjadi sebuah negara yang mungkin berkuasa besar di segi ekonominya dan menyebut tentang amalan demokrasi yang betul dan yang akan menjadi penyebab kepada kenaikan Indonesia. Apakah amalan demokrasi yang dimaksudkan tadi sebagaimana amalan yang dibuat oleh parti Yang Berhormat? Kalau ada teguran, jangan peduli, kronisme, tentukan ketua yang hendak kita pilih, jangan pedulikan rakyat di bawah kata apa, yang penting apa ketua hendak itu yang kita pilih. Apakah itu pendirian?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sesekali dengar soalan dari Yang Berhormat Lenggong ini kadang-kadang Tuan Pengerusi bagus sebenarnya, tetapi masa pendek, saya cuba.

■1220

Pertama, agenda pembangunan mesti berdasarkan kedudukan setempat. Saya kebetulan minggu lepas Sabtu, Ahad pergi sendiri *check* sudah kecoh orang UMNO pergi Dewan Undangan Negeri habis sudah orang Melayu 11 biji rumah, 12 biji rumah habis, habis orang Melayu ini. Saya kata habis kat mana ini, aku orang Balik Pulau, hari-hari kayuh basikal di situ. Kebetulan tanah itu sebelah tanah bapa aku tanah pusaka. Pergi-pergi tengok Yang Berhormat Rompin, kena bagi tahu nanti balik Amerika kena bagi tahu. Pergi-pergi tengok rumah orang Melayu ada satu itu pun sudah tepi sangat. Kalau bahasa orang Pulau Pinang dia panggil tepi "terbiak". Tidak boleh sudah.

Yang lain tahu apa dalam tu Yang Berhormat? Yang Berhormat Lenggong apa dia dalam itu? Rumah bangsa Tionghoa paling ramai. Apa lagi dalam itu? Ladang khinzir. Apa lagi dalam itu? Reban ayam itu pun sudah tidak pakai sampai sudah jadi makmal untuk kegiatan jenayah dadah. Pilih yang mana hendak selamat ini. Satu, agenda Barisan Nasional yang telah membangun Balik Pulau selama 50 tahun, rakyat Balik Pulau tidak bangun. Yang bangun macam kata tadi Yang Berhormat Johor Bahru saya setuju *development by contractors*. Yang kaya kontraktor. *Human development* tidak berlaku di Balik Pulau. *Literacy rate* masih rendah. Ada sekolah ada tapi yang untung kontraktor. Siapa yang jadi pengerusi tanah? ADUN...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, 20 tahun...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Duduk-duduk bagi saya *explain*. Tadi saya tidak campur. Yang jadi pengerusi tanah semenjak merdeka di Pulau Pinang, di Balik Pulau orang UMNO. Kebetulannya ialah...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Anwar jadi pengerusi perhubungan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Tidak, kebetulannya pula ialah...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Anwar jadi pengerusi perhubungan.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Orang Balik Pulau, anak Balik Pulau.

Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis [Rompin]: Anwar jadi pengerusi perhubungan!

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Balik Pulau...[*Dewan riuh*]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *Relax* dahulu, *relax* dahulu. Tadi kata hendak bahas. Tuan Pengerusi...

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Yang Berhormat Balik Pulau...

Dato' Seri Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis [Rompin]: Anwar Ibrahim pengerusi perhubungan.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Jelutong cuma hendak jadi saksi apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat Balik Pulau, Jelutong berhampiran sahaja.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Okey, okey.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Saya jadi saksi. Apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Balik Pulau benar, betul dan sah. [*Tepuk*]

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat-Yang Berhormat, kita kena hormati Tuan Pengerusi. Saya sudah baca buku yang dia tulis ini. Banyak benda saya sudah belajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tak payahlah Yang Berhormat, tak payah cakap hormat Yang Berhormat. Hormat dengan Dewan lebih elok lagi Yang Berhormat. Saya malu tengok perangai Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, bagi saya bahas. Yang malu yang ini. Saya dok bahas dia dok cerita asas undang-undang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Itu kawan-kawan kat atas, adik-adik kat atas itu tengok kita perangai macam budak.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya, siapa perangai budak-budak ini. Yang Berhormat Lenggong budak-budakkah? Yang Berhormat Rompinkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tak apa Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat sudah habis sudah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ya Tuan Pengerusi, kalau isu ini kita tidak pinda undang-undang ini nombor satu undang-undang tanah saya cakap dengan ringkas. Nombor dua 18,000 *voters* yang di *transfer* tanpa hak salah daripada mana pos. Ini Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dia bukan faham. Dia jadi *lawyer* pun mengarut. Tuan Pengerusi...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Peraturan mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 36(6). Peraturan mesyuarat cuba hendak menghina Ahli Dewan. Saya cuma sebut Yang Berhormat Balik Pulau tidak mahu sebut ketua umum dia sekarang ini pegang Pulau Pinang 20 tahun. Apa dia buat? [*Tepuk*]

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Apa ini tidak ada standard Tuan Pengerusi. Tidak ada standard.

Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]: Itu sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, baik sudah Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Ketiga, *before*...

Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]: 20 tahun dia pegang.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kesimpulan, kesimpulan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Satu minit Yang Berhormat, satu minit.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Kesimpulannya, di Dewan yang mulia ini...

Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]: Ha, tidak mahu jawab?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Hak tanah *property rights* ialah hak asasi.

Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]: Jawablah.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri Undang-undang mesti pinda undang-undang ini...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Jawablah yang itu.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Demi kepentingan rakyat. Saya kata tadi daripada mula saya guna saya guna semangat yang dikatakan oleh Yang Berhormat Johor Bahru saya guna semangat orang-orang bawahan bahawa *property rights* kalau tidak dipinda rakyat Malaysia akan jadi penceroboh, akan jadi setingan di tanah kampung tanah air mereka sendiri dan saya gesa Dewan yang mulia ini di sesi yang ini buat pindaan secepat mungkin. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat saya nampak dari semalam Yang Berhormat Jelutong minta tolonglah tunjukkan peradaban yang elok sedikit. *[Dewan riuh]*

Saya berat perasaan saya. Semalam saya memikirkan. Jadi tolonglah khususnya di hadapan anak-anak kita tunjuklah. Kadang-kadang ada orang kata bahasa menunjukkan bangsa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Betul Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Peraturannya bukan payah sangat, sedikit sahaja. Jadi ya Yang Berhormat Labuan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]: Bolehlah rehatkan Yang Berhormat Jelutong! *[Ketawa]*

12.24 tgh.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan ruang untuk Labuan turut serta...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya saya peringatkan Yang Berhormat dalam peringkat jawatankuasa ini kalau hendak cukup masa itu 10 minit bertanya Yang Berhormat. Ucapan seperti mana Yang Berhormat Balik Pulau tadi bukan saya mengata masalah.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Tidak sampai 10 minit pun Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Balik Pulau tadi macam dasar.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Tuan Pengerusi, waktu cukup. Tidak sampai 10 minit pun. Bagi saya peluang dahulu. Saya ingin mengucapkan terima kasih pertama-tama

adalah kepada Jabatan Perdana Menteri iaitu JAWI (Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan) yang mana telah pun meluluskan sekolah menengah agama yang kita pohon berkali-kali. Alhamdulillah dengan Menteri yang baru telah pun melihat Labuan itu sendiri sebagai satu kawasan pusat ilmu yang mana telah pun diluluskan sebuah sekolah menengah agama. Terima kasih sebanyak-banyaknya.

Cuma saya ingin bertanya sedikit mengenai butiran 04801 – Pembangunan dan Penaiktarafan Masjid dan Surau di Seluruh Wilayah Persekutuan. Apa yang kita lihat cuma peruntukan sebanyak RM3.7 juta sahaja diperuntukkan. Dalam hal ini saya rasa kalau kita lihat untuk pembangunan masjid dan surau terlalu sedikit kerana kalau kita lihat keseluruhan Wilayah Persekutuan itu sendiri termasuk mungkin Putrajaya tidak memerlukan tetapi apa hal dengan Labuan yang begitu jauh daripada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mana masih memerlukan peruntukan-peruntukan yang banyak untuk pembangunan masjid dan surau. Saya mengharapkan kalau boleh ditambah ataupun diperbanyakkan dan juga berapakah peruntukan untuk Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri. Jadi diharapkan pembangunan dan juga pembaikan masjid dan surau kami masih memerlukan di pulau yang indah ini.

Yang kedua adalah agensi penguatkuasaan maritim iaitu Butiran 18000 yang mana memperuntukkan RM184,204,100 yang mana inilah kalau tidak salah saya dalam buku ini menyatakan untuk pembaikan ataupun pembinaan kapal-kapal maritim APMM. Jadi kalau dahulu cuma ada 54 buah dan kelihatannya untuk tahun 2011 ditambah dua buah lagi iaitu kepada 56 buah. Jadi berapa unitkah yang diperuntukkan untuk kawasan Sabah yang mana kawasan Sabah dan juga Labuan adalah kawasan perairan yang begitu luas dengan masalah-masalah yang begitu banyak dengan pendatang-pendatang tanpa izin dan sebagainya dan juga kalau ada pembinaan baru berapakah kecepatan kapal tersebut yang akan dibuat. Kalau cuma kecepatan yang tidak mencukupi saya rasa tidak ada manfaatnya kita membuat kapal-kapal yang baru.

Seharusnya dengan keadaan sekarang dengan sistem yang canggih dan sebagainya sekurang-kurangnya kecepatan kapal maritim itu tidak kurang daripada 60 knot per jam ataupun 60 batu nautika per jam untuk kita dapat memintas penyeludup dan juga penjenayah-penjenayah di kawasan perairan tersebut kerana kalau kita lihat Pulau Labuan itu sendiri adalah sebuah pulau bebas cukai di mana kalau kita lihat secara langsung penyeludupan-penyeludupan cukup banyak di situ. Kalau kita lihat kemasukan kontena untuk minuman-minuman keras dan sebagainya saya rasa lebih daripada 100 kontena per bulan.

Jadi ke manakah perginya kontena-kontena tersebut? Kalau ia digunakan untuk Labuan saya rasa seluruh penduduk Labuan boleh mandi dengan minuman keras tetapi dalam hal ini ke mana perginya. Kalau tidak keluar daripada Labuan dengan cara penyeludupan ataupun secara langsung ataupun secara *on paper* saya rasa benda ini harus kita lihat sebaik-baiknya kerana dengan adanya agensi maritim yang seharusnya lebih canggih untuk membantu

kastam, polis marin dan juga Jabatan Laut saya rasa dengan adanya peruntukan tersebut kita harus menggunakan kapal-kapal yang lebih canggih untuk mengejar ataupun memintas mana-mana juga penyeludup-penyeludup tersebut.

Yang ketiga adalah MKN (Majlis Keselamatan Negara) dengan butiran 040400 – Pasukan Petugas Khas Persekutuan untuk Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Seperti mana yang kita lihat MKN ini adalah tugasnya untuk menjaga pendatang-pendatang tanpa izin dan juga penduduk IMM13.

■1230

Jadi kalau kita lihat berapa banyakkah petugas-petugas akan diperuntukkan untuk Labuan kerana kalau tidak salah, lebih daripada 10,000 IMM 13 berada di Labuan. Kalau cuma setakat satu, dua orang petugas, saya rasa tidak mencukupi. Saya rasa MKN harus lebih peka untuk melihat keadaan tersebut kerana walaupun tidak banyak kes-kes jenayah di Labuan, tetapi pemantauan dengan adanya petugas-petugas khas tersebut akan dapat membantu masalah-masalah sosial, masalah-masalah lain yang dilakukan oleh mereka yang memegang IMM 13. Ini kerana bukan sahaja di Sabah, Labuan juga adalah salah sebuah tumpuan IMM 13 kerana dengan adanya pembangunan dan sebagainya, mereka juga boleh bekerja secara legal di Labuan.

Jadi oleh itu saya harapkan apa jua yang saya suarakan tadi untuk kepentingan Labuan itu sendiri dapat dipertimbangkan oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

12.31 tgh.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Kepala B.6 – Butiran 010500, 050300 dan 080000 berkaitan dengan BTN, JAKIM dan Mahkamah Syariah bagi isu pertama.

Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan isu yang dibangkitkan semalam oleh Yang Berhormat Bandar Kuching berkenaan dengan menyalahkan kurikulum latihan di Biro Tatanegara, yang kononnya melahirkan guru-guru dan pegawai-pegawai kerajaan yang *racist*. Beliau merujuk secara khusus kepada satu kes yang berlaku di Sekolah St. Thomas, Kuching di mana didakwa pada 15 Oktober lepas, seorang murid, Basil anak Baginda dikatakan dirotan sepuluh kali kerana membawa makanan haram dari segi syarak iaitu sosej babi dan nasi goreng.

Isu yang dibangkitkan ialah seolah-olah guru ini *racist*, ekstremis mengambil tindakan menafikan hak budak ini untuk membawa makanan kesukaannya. Saya minta di bawah kepala JAKIM ini untuk mereka menyiasat maklumat yang kita dapat, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, budak ini, Basil anak Baginda adalah budak beragama Islam. Mengikut maklumat yang kita ada, bapanya, Baginda, nama betul dia ialah Norazman bin Abdullah atau Baginda. Bukan itu sahaja,

sebenarnya Norazman atau Baginda ini adalah calon PKR dalam pilihan raya Parlimen tahun 1999 di Kapit, kalau tidak silap saya dan dia calon Pilihan Raya Negeri Sarawak di Engkelili.

Norazman atau Baginda ini, Tuan Pengerusi, saya kenal sebab dia juga saksi dalam kes Permatang Pauh pada tahun 1998 dan saya peguam yang mengendalikan saksi. Saya tahu dia orang Islam. Jadi, anak itu anak Islam, beragama Islam. Emaknya saya tidak tahu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sekejap sahaja, Yang Berhormat Bandar Kuching. Emak dia itu, Angela anak Jabing, saya tidak tahu agamanya. Yang saya tahu secara sah, Norazman Abdullah atau Baginda ini, saksi kes Permatang Pauh tahun 1998 adalah seorang yang beragama Islam. Dia calon Parti Keadilan Rakyat dalam dua pilihan raya dengan menyatakan agama dia Islam. Jadi, persoalan yang kita perlu perjelaskan ialah apakah tindakan guru itu salah, menghalang seorang anak Islam daripada membawa makanan babi yang diharamkan oleh Islam?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Silakan, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya. Saya tidak tahu mana Yang Berhormat dari Kulim dapat maklumat itu dan sama ada Yang Berhormat Kulim ada buat siasatan atas *background*, latar belakang budak itu. Sama ada Yang Berhormat Kulim ada ambil dia punya *birth certificate* atau *make a search on the birth certificate to certify, to be sure that, to verify that he is a Muslim or not*, budak itu. Hari ini sahaja, hari ini di *The Star*, guru itu telah *apologize* dan telah minta maaf. Oleh itu, isu sama ada dia seorang Muslim ini tidak berbangkit. Dia bukan seorang Muslim. Budak itu juga bukan seorang Muslim. Dia punya *birth certificate* yang ketara sekali, yang *certify* bahawa dia bukan seorang Muslim

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat, Parit Sulong.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa tidak banyak, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Saya cuma hendak menyambung balik apa yang tadi diperkatakan, Yang Berhormat juga katakan. Adakah Yang Berhormat melihat ini lebih kepada isu mempolitikkan keadaan? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Pertama, pada saya pembangkang macam biasalah, dia akan politikkan apa sahaja. *[Disampuk]* Kita sudah dapat maklumat bahawa...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor, hendak bercakap kah? Hendak bercakap, bercakaplah. Jangan buat perangai macam di zoo. Hendak bercakap, bercakap. Saya bagi, saya bagi. Hendak bercakap, cakap. *[Menunjuk ke arah Yang Berhormat Kuala Selangor]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Cakaplah.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kamu sokong anak orang Islam bawa babi ke sekolah? *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, itu memang melanggar peraturan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mana ada langgar? Itu betul.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini satu tuduhan yang salah, *racist*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu cerita betul.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu pakai kopiah putih...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, saya ada dokumen. *[Menunjukkan dokumen]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bercakap betul. *[Disampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Kuala Selangor jangan...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau Yang Berhormat Bandar Kulim Baharu betul-betul hendak kita berbahas, izinkan satu jam kita berbahas, bukan sepuluh minit, mencelah-celah seperti ini untuk saya bahas.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya cakap dengan fakta. Norazman atau Baginda, orang beragama Islam. Saya *handle* dia.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Itu perlu dibahaskan dengan segala bukti. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dalam masa lima minit kita boleh bahas?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sudah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita cabar dia bawak... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sudah, Yang Berhormat. Ya, sila Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, kecuali mereka hendak nafikan Norazman atau Baginda ini bukan orang Islam. Yang Berhormat Bandar Kuching saya faham sebab dia tengok dari kaca mata dia bukan Islam sebab dia tidak faham. Yang Berhormat Kuala Selangor yang saya hairan, dia patut faham, dia tidak faham. Bapa beragama Islam...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, fahamkan isunya apa!

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kalau bapanya Islam, anaknya mesti Islam.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak begitu. Itu bukan isunya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Apa isunya?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Isunya membawa dalam masa 10 minit untuk menekankan dan membuat keputusan di sini, kita izinkan waktu, Tuan Pengerusi...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tidak payahlah, tidak payahlah! Kalau hendak bercakap panjang, lain masa.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Inilah caranya. *This is religious bigotry.*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Hakikatnya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Religious bigotry at its worst.*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Daripada menjual agama.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Membawa agama dengan cara sempit seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini dia *religious bigotry* yang akan terus...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Daripada jual agama...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Memporak-perandakan negara kita ini, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Inilah perkara, perangai seperti ini, peribadi seperti ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor, duduk Yang Berhormat. Sudah Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bertopengkan agama, meneruskan...
[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk semua Yang Berhormat. Nanti saya cakap dahulu. Saya cakap dahulu. Kalau kita boleh menjadi Ahli Parlimen, berani bercakap, berani juga mendengar. Maksudnya kalau kawan bercakap di bawah Peraturan 37, tidak boleh ganggu. Sama ada berdiri ataupun duduk mengganggu itu salah. Jadi, minta tolonglah. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu ada tiga minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak hairan kalau Yang Berhormat Bandar Kuching tidak faham tetapi kalau macam Yang Berhormat Kuala Selangor tidak faham, bagi saya ini masalah besar.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh bagi...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak bagi laluan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, isunya bukan faham, tidak faham.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Isunya adalah menyeludup satu isu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya tidak bagi laluan. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Berbincang secara *bigotry*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kulim.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Berbahas secara begini. Ini yang dipertikaikan. Bukannya isu Islam atau tidak Islam.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Kulim, boleh bagi kah?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi perangai seperti ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun cukup hairan Yang Berhormat Kuala Selangor tidak faham-faham.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Budak Islam...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bukan isu Islam atau tidak Islam...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Adakah Yang Berhormat Kuala Selangor hendak beritahu pendirian dia...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Akan tetapi cara Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu membawa isu seperti ini...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Budak beragama Islam boleh bawa babi ke sekolah?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Setiap kali mencetuskan huru-hara dalam perkara agama.

■1240

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini yang merupakan satu tindakan yang paling khianat kepada agama. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor, minta tolonglah Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Pengerusi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau benar-benar memperjuangkan agama, biarlah kepada agama.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Orang macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Kuala Selangor duduk Yang Berhormat Kuala Selangor.

Beberapa Ahli: [Ketawa] [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Hoi, duduk lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Orang yang sanggup jual agama ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Jangan ... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kenapa pula.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Orang yang ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Orang yang sanggup, orang yang sanggup jual agama jual nama Tuhan dia, orang macam ini ...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor keluar Dewan.

Beberapa Ahli: *[Tepuk] [Ketawa] [Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Atas kesucian agama Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Keluar Dewan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya bersedia ...

[Dewan riuh] [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Keluar, keluar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya bersedia keluar daripada Dewan atas kesucian agama.

Seorang Ahli: Keluar, keluar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau inilah caranya.

Beberapa Ahli: Keluar, keluar

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau inilah caranya, kalau inilah caranya ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya...

Beberapa Ahli: Keluar, keluar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Mengkhianati agama atas nama agama...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kononnya memperjuangkan agama.

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk Yang Berhormat.

[Bentara Mesyuarat menghampiri YB Kuala Selangor]

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Budak Islam bawa babi okey?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *We ... anytime.* Buang sahaja songkok putih itu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Blah lah, blah lah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Buanglah songkok putih itu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Blah lah, blah lah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Blah lah, blah lah. [*Dewan riuh*]
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *Anytime, anytime.* [*Dewan riuh*]
- Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *Anytime.* [*Dewan riuh*]
- Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat.
- Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ...
- Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat.
- Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya sudah beri keputusan Yang Berhormat. Saya sudah buat keputusan.
- Seorang Ahli:** Peraturan mesyuarat.
- Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi.
- Tuan Pengerusi Timbalan [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Kuala Selangor.
- Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]:** Keluarlah dahulu.
- Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Keluar dahulu, keluar dahulu. Sejuk, sejuk.
- Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tengah hari Yang Berhormat boleh balik semula.
- Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** [*Bangun*]
- Seorang Ahli:** Okey, Tuan Pengerusi tahniah.
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *Anytime I will take out you.* [*Dewan riuh*]
- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Akan tetapi Tuan Pengerusi, ... [*Dewan riuh*]
- Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** *I will not forgive you. ...* [*Dewan riuh*] Ulang sekali lagi, *I watch you.*
- Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Selangor. [*Dewan riuh*]
- [*Yang Berhormat Kuala Selangor diiring keluar Dewan*]
- Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]:** Peraturan mesyuarat.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Sudah lah, blah, blah, blah.
- Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Bohong.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Agama pun jual.
- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tuan Pengerusi.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Agama pun jual.
- Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Peraturan ...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Hoi, hoi. Blah, blah, blah. *[Dewan riuh]*

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Pengerusi, ...

[Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu berjalan menuju ke arah YB Kuala Selangor yang sedang diiringi keluar Dewan]

[Dewan sangat riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu!

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Pengerusi, mana boleh macam ini!

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Itulah dia.

Tuan M. Kulasegaran: Macam samseng. *[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini cara Islam kah! *[Dewan riuh]*

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Ini membuktikan kerajaan memperlekehkan agama. Ini macam mana? *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Keluar lah, blah lah.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi, harus menegakkan keadilan dalam Dewan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan jangan bercakap di sana Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Okey, duduk semua.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia kata palsu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Siapa hendak bercakap? Kalau saya tidak boleh bercakap, semua sudah berdiri bercakap siapa yang hendak bercakap lagi?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak payah pakai Tuan Yang di-Pertua lah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, yang lain duduk Yang Berhormat. Minta semua duduk Yang Berhormat. Minta semua duduk. Saya hendak dengar daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membawa *standing order* 36(9) di mana dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat apa-apa Ahli Parlimen. Saya rasa ...*[Dewan riuh]*

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu Yang Berhormat Kuala Selangor.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, [Dewan riuh] Yang Berhormat, minta tolong Yang Berhormat. Ini peraturan Yang Berhormat. Dengar saya dahulu. Ini peraturan. Dia bangkitkan peraturan, biar saya yang buat keputusan.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dan juga ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta ...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Dan juga 36(6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa, ahli-ahli lain. Saya rasa dalam ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu itu tadi telah pun dengan secara menghina *insulted the integrity and the religious believes of* Yang Berhormat Kuala Selangor. [Dewan riuh] *He said this basically that ...*

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You* Tuan Pengerusi kah? [Dewan riuh] *You* orang Tuan Pengerusi kah. Saya kata ... [Dewan riuh]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Apa?.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *You* orang diam! [Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tuan Pengerusi, kalau macam ini ...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Hoi, Yang Berhormat Kinabatangan, biar dia habis cakap lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, duduk, duduk Yang Berhormat. Semua duduk Yang Berhormat.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Pengerusi, fikir dengan waras dan ambil tindakan yang betul Tuan Pengerusi.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Semua minta tolong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, saya sudah dengar Yang Berhormat, saya sudah dengar. Saya sudah dengar Yang Berhormat Petaling Jaya Utara punya ...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Inikah ... [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu dahulu, tunggu dahulu, tunggu dahulu. Saya hendak buat keputusan Yang Berhormat. Macam mana saya hendak buat keputusan. Kalau *point of order* dibangkitkan, yang lain diamlah. Selepas itu biarlah Tuan Pengerusi ataupun Tuan Yang di-Pertua buat keputusan.

Soalan setuju, tidak setuju itu bukan soalan saya Yang Berhormat. Kalau tidak bersetuju dengan keputusan saya, siapa sahaja sama ada dari sini kah, atau pun sana kah boleh di bawa peraturan 43. Akan tetapi, peraturan sudah di buat *point of order*. Saya minta tunggu, jangan

terus menjerit. Saya hendak dengar daripada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, apa Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu sebut tadi.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Terima kasih ...

Tuan Pengerusi Timbalan [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ucapan berhubung dengan Yang Berhormat Bandar Kuching, *raising up issue* itu tidak ada masalah. Yang ditujukan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor itu Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya katakan kepada Yang Berhormat Kuala Selangor setelah dia menuduh saya bersikap seperti *terrorist* lah, macam-macam dia sebut. Dia suruh saya buka kopiah putih lah, apa lah. Saya kata dekat dia ... [*Dewan riuh*]

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Hoi, duduk. [*Dewan riuh*]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: You duduk lah. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu, tunggu. [*Dewan riuh*]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Kuala Selangor patut ada di sini. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah. [*Dewan riuh*] Saya hendak dengar Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Petaling Jaya Utara ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya hendak dengar Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu lah semua Yang Berhormat.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Orang cakap duduk, duduk lah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebelum itu Yang Berhormat, sebelum itu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebelum itu saya tidak kata apa. Saya cuma kata adakah pendirian PAS membenarkan budak Islam membawa sosej babi ke sekolah. Itu yang saya cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Begini Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Adakah itu ...

Tuan Pengerusi Timbalan [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: *Point of order* sudah dibangkitkan. Tunggu apabila saya mempengerusikan Mesyuarat pada sebelah pagi, semasa usul, saya akan jawab soalan ini. Saya akan periksa Hansard apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baik.

Tuan Pengerusi Timbalan [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak dengar Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak dengar apa yang dia kata, apabila Yang Berhormat Kuala Selangor duduk di sana, dia bercakap sesuatu dan Yang Berhormat Kuala Selangor *respond* semasa duduk. Saya tidak dengar.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadi, tidak payah lah Yang Berhormat. Saya tidak hendak dengar percakapan Yang Berhormat. Saya hendak dengar yang direkodkan dalam Hansard itu.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya hendak tambah sedikit Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tunggulah dia baca Hansard dahulu. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, duduk, duduk. Minta tolong okey.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tadi semasa ...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, ...

Tuan Pengerusi Timbalan [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa, saya hendak dengar.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Tadi di mana semasa ...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, ini masuk masa saya kah tidak?

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Semasa Yang Berhormat Kuala Selangor dikeluarkan, kita melihat secara terbuka perangai Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu yang menjejek dan menunjukkan ...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ketidakhormatan kepada Dewan dan kepada Tuan Pengerusi dan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, baik Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Saya rasa tindakan perlu diambil ke atas Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, baik. Sudahlah, sudah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Samseng.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Bukit Mertajam dan juga Yang Berhormat Kinabatangan minta tolong duduk. Belum habis pun satu *point of order*. Saya sudah cakap tadi saya akan buat *ruling* apabila saya duduk mempengerusikan pada sebelah pagi. Semasa usul tamat, sebelum berbahas, saya akan buat jawapan kepada persoalan ini. Jadi, tidak payah diganggu lagi soalan ini.

Saya keluarkan Yang Berhormat Kuala Selangor ialah tiap-tiap kali saya suruh dia duduk, dia enggan duduk. Itu sahaja. Bukan soalan perkataan atau pun pada benda lain. Jadi, begitu juga minta tolong Yang Berhormat Padang Serai, cerita ini sudah habis. Kalau ada perkara lain ...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi yang saya hormati. [*Dewan riuh*] Hei, tidak boleh diamkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yalah, duduklah. Minta tolong lah, minta tolong lah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ya, minta tolong diam. Tuan Pengerusi, mengikut Peraturan 36(4), saya melihat Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dia sudah keluar dari dia punya tempat ...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Dia sudah keluar dan melangkah puluh langkah untuk serang Yang Berhormat Kuala Selangor. [*Dewan riuh*] Tuan Pengerusi, saya minta Tuan Pengerusi dengan rendah diri supaya tindakan juga diambil terhadap Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dengan segera kerana kita melihat Yang Berhormat Kuala Selangor ... [*Dewan riuh*]

■1250

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Padang Serai...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Kuala Selangor...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kuala Selangor ikut sana bikin apa?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tolong diam, tolong diam. [*Dewan riuh*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Kuala Selangor keluar sana, keluar sana bikin apa. Biar dia sanalah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, kita telah lihat tindakan telah diambil terhadap Yang Berhormat Kuala Selangor, tetapi yang melangkah keluar dari tempat dia tidak diambil tindakan. [*Dewan riuh*] Saya minta menurut 36(4) supaya tindakan diambil...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Keluarkan dia Tuan Pengerusi!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, baik, baik. Saya dengar Yang Berhormat Padang Serai. Saya dengar. Saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Pengerusi, *point of order*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Banyak lagi *point of order*.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 36(12) Yang Berhormat Padang Serai menyeleweng Dewan. Kami banyak nampak Yang Berhormat Hulu Selangor keluar tunjuk-tunjuk *attack* sana, bukan di sini. Hanya membohong. Dia tidak ada dalam Dewan, dia cakap bohong. Saya mahu dia diambil tindakan. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dia baru masuk tadi minum kopi dekat luar.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Padang Serai bohong. [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk Yang Berhormat. [*Dewan riuh*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia pembohong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk semua Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia baru masuk, dia pembohong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk, duduk semua Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia membohongkan Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, *you* duduklah!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Lenggong, yang lain-lain itu boleh duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah saya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ambil tindakan Yang Berhormat Padang Serai, dia membohongi Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memesongkan Dewan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan mengatakan saya tidak ada dalam Dewan. Semasa saya masuk, saya datang sini, saya sudah pun... saya lepas sini. *[Dewan riuh]* Saya tanya Tuan Pengerusi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kuala Selangor menyerang Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. *[Dewan riuh]* Dia baru masuk, dia membohong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, duduklah semua. Minta tolong.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bohong! Bohong!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*
[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tahu, saya duduk sini. Saya tengok semua itu. duduklah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya sudah mengemukakan Peraturan Mesyuarat 13(4) saya harap Tuan Pengerusi mengambil tindakan. Berikan satu keadilan yang telah ditinggalkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak perlu bagi *lecture* dengan saya Yang Berhormat. Tidak payah bagi *lecture* dengan saya. Saya faham.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Supaya tunaikan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang lain minta tolong duduk. Semua duduk. Saya sudah bagi tahu tadi, tunggu saya mempengerusikan waktu pagi, saya akan bagi jawapan kepada semua benda ini. Saya jawab semua ini. Belum pernah pun Dewan ini berlaku sebagai Dewan di mana-mana negeri lain yang mana dia gaduh. Jadi dalam peraturan ini pun tidak ada. Saya mahu selidik sama ada saya salah silap pandang atau terlepas pandang. Jadi saya hendak tengok dulu. Yang Berhormat Padang Serai jangan paksa saya buat jawapan yang tidak betul.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bangun]* *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai, saya sudah bagi tahu saya akan buat keputusan.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya bangun untuk ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya terima kasih sama Yang Berhormat Padang Serai. Okey, ada dua minit lagi Yang Berhormat. Dua minit. Saya menyelesaikan masalah tadi, saya sudah tengok dua minit Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebab itu apabila tengok Yang Berhormat Padang Serai pagi ini, saya tidak hairan Yang Berhormat Gombak panggil dia Paria.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai] Tuan Pengerusi...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia boleh bohong bulat-bulat depan kita...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai] Tuan Pengerusi.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia baru masuk tidak tahu hujung pangkal, tahu-tahu hendak menjerit...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai] Tuan Pengerusi.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebab itu Yang Berhormat Gombak panggil dia Paria.

Beberapa Ahli: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak...

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Boleh bagi peluang?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya minta Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Gombak yang cakap, bukannya saya yang cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat. Saya dengar Yang Berhormat, Yang Berhormat ini tidak faham kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya membawa Peraturan Mesyuarat 36(12)...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Bolehkah? Sedikit.

Seorang Ahli: Tuan Pengerusi, tidak payah layanlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Mana-mana Ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan [*Dewan riuh*] adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu.

Beliau telah, beliau telah menggunakan satu perkataan yang seharusnya tidak...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah-sudahlah Yang Berhormat Bintulu, minta maaf. Minta maaf semua.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Bintulu, ini bukan PKFZ lah, ini Dewan. Jangan masuk campur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini juga... [*Dewan riuh*]

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Apa kena mengena? Keluarlah engkau! [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, ini bukan perkahwinan nombor dua. Tolong jangan masuk campur.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat, sudah, sudah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, saya bawa Peraturan Mesyuarat 36(12). Tolong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Patutlah Yang Berhormat Gombak panggil dia Paria, kelakuan macam ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Tidak ada Yang Berhormat. Nanti semua berdiri bawa peraturan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Itulah saya ingat, kalau boleh Yang Berhormat Padang Serai *settlekan* dengan Yang Berhormat Gombak, kenapa dia panggil Paria.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah, sudah Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: [*Bangun*]

Beberapa Ahli: [*Ketawa*]

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Hari ini *confirm* apa yang Yang Berhormat Gombak cakap, itu sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, *confirm* kalau ada seorang manusia yang tidak ada maruah dan darjat itu adalah Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Padang Serai ini...

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya mahu Tuan Pengerusi mengambil tindakan atas Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya minta sekali lagi Tuan Pengerusi ambil tindakan terhadap manusia yang paling kurang ajar dan tidak ada maruah di dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, sekejap.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Raja tidak payahlah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak, saya cuma hendak mengatakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat, saya hendak dengar dua minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita kerap setiap kali Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu bangun, inilah cetusannya. Beliau mengambil kesempatan setiap kali bercakap untuk menyakiti hati orang lain. Ini bukan kali pertama. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa ini? Tuan Pengerusi tidak bagilah. *Why are you people* macam ini! *[Dewan riuh]*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan pandai lawan perempuan sahaja. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Allah, ini sudahlah Yang Berhormat. Jangan guna perkataan yang tidak sedap hati orang lain Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan kena hormati Ahli Dewan yang lain.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tuan Pengerusi, Kulim Bandar Baharu dengan Kinabatangan sama sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Padang Serai...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah, sudahlah. Yang Berhormat Putatan duduk, Yang Berhormat Kota Raja duduk.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Belajar peraturan mesyuarat dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Putatan duduk juga.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Dia belum tahu peraturan mesyuarat, suruh dia belajar dahulu.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Awak bukan Tuan Pengerusilah. Hormatlah sedikit.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Gantung dia. Suruh dia belajar dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak payahlah, Yang Berhormat Padang Serai pun tidak hormat. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu dua minit.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Masih lagi dua minit?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dua minit Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Pengerusi, dengan segala hormatnya. Tadi sudah dua minit, selepas 10 minit masih lagi dua minit. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Raja bahawa Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu selalu mencetuskan perasaan di dalam Dewan ini. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* cakap cetuskan perasaan, kami diam. Relakslah.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat. Dengar cakap saya Yang Berhormat. Tidak payah marah perkara kecil-kecil macam ini Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Siapa tidak marah kalau macam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...*[Dewan riuh]*

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *We cannot take this kind of behavior.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, adakah memanggil, menggunakan perkataan kotor di dalam Dewan satu perkara yang kecil? *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk dahulu.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini sudah melampau.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya isu apa Yang Berhormat Bukit Mertajam sebut Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Padang Serai tidak faham cakap Melayu kah?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi katakan perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, satu perkara kecil. Adakah menggunakan perkataan kotor itu perkataan kecil?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat, duduk Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya tanya dengan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya akan jawab Yang Berhormat!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Tolong jawab Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, duduk yang lain. Saya tahu Yang Berhormat. Saya berbincang dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam. Itu soalan masa dua minit. Itu saya sebut. Bukan soalan isu yang dibangkit dalam peraturan mesyuarat itu tadi. Yang Berhormat Padang Serai ini jangan merapu semua sekali lah. *[Dewan riuh]* Saya berhubung dengan dua minit penyambungan masa yang dibantah oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, itu sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Saya bangkitkan dengan Tuan Pengerusi mengenai apa yang saya bangkitkan Peraturan 36(12) itu penting dan apabila Tuan Pengerusi jawab kepada Yang Berhormat Bukit Mertajam tadi memperkecilkan Dewan ini Tuan Pengerusi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini wakil rakyat datang dari mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya boleh *entertain* Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak berani cakap dia Paria saya pun tidak hairanlah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Lain kali kahwin kasi kad kepada sayalah, saya pun boleh mari. [*Dewan riu*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak cakap, bukan saya.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Apa Yang Berhormat Gombak kawan lu!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kasi sampai sahaja.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Ini tidak payah cakap sinilah. Ini cerita bohong...

Dato' Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Kinabatangan, Maran, Yang Berhormat Padang Serai.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Gombak cakap.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Bagi sambung petang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk semua Yang Berhormat. Jam pukul 1.00 tengah hari. Jam sudah pukul 1.00 tengah hari. Pukul 2.30 petang Menteri akan menjawab ya. Menteri akan menjawab pada pukul 2.30 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat persidangan Dewan pada sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pukul 2.30 petang nanti, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 petang

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Majlis dalam Jawatankuasa.

2.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Pengerusi, boleh terus sambung?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, sudah habis Yang Berhormat, sudah *close*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah ini boleh dikaji oleh sebab ini adalah RM18 bilion yang terbesar sekali dalam bukan bajet sahaja tetapi dalam sejarah Malaysia. Kira-kira semua 10 minit dan bukan panjang. Bolehkah lebih ramai Ahli boleh diberi peluang untuk bahas bagi satu kementerian yang begitu penting. Kalau perlu kita boleh panjangkanlah lebih malam, kita boleh persetujuan. Oleh sebab ia penting banyak aspek dalam Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya hargai *concern* Yang Berhormat. Untuk makluman, setakat ini sudah 24 orang Ahli Parlimen yang mengambil bahagian dalam perbahasan untuk kementerian ini. Saya rasakan bahawa jumlah itu sudah memadai untuk kementerian di bawah Jabatan Perdana Menteri. Saya tidak berhasrat untuk mengubah keputusan yang telah dibuat oleh rakan saya sebelum ini. Saya jemput...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, saya mohon Peraturan Mesyuarat 35. Saya tadi pembahas yang terakhir. Saya ada mengikut daripada kenyataan Tuan Pengerusi peringkat awal tadi, ada lagi baki masa untuk saya menghabiskan hujah kerana bahas saya tadi tergantung dan tidak habis setelah diganggu. Saya tidak dapat habiskan *point* saya sebab saya tidak mahu dalam Hansard perkara itu tergantung.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya dimaklumkan oleh Yang Berhormat rakan saya tadi bahawa beliau telah pun memaklumkan Yang Berhormat Menteri akan menjawab jam 2.30 petang. Pada saya bahawa perbahasan Yang Berhormat itu telah pun tamat. Walau bagaimanapun Yang Berhormat, Yang Berhormat masih boleh ada peluang untuk menyuarakan *point* Yang Berhormat ketika Yang Berhormat Menteri menggulung.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

2.34 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bagi pihak Jabatan Perdana Menteri ingin mengucapkan sebanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan yang ada kaitan dengan perkara di bawah jagaan saya di Jabatan Perdana Menteri. Saya hendak mula dengan jawapan bagi hal ehwal agama Islam kerana Yang Berhormat Senator Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom iaitu Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab kepada agama Islam dan juga Yang Berhormat Timbalannya Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim. Kedua-duanya telah pun kalau tidak silap saya berlepas ke tanah suci Mekah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya akan bermula dengan perkara yang ada kaitan dengan agama Islam. Bagi memudahkan penggulungan saya, saya ingin menjawab berdasarkan isu-isu yang dibangkitkan mengikut jabatan ataupun agensi seperti berikut iaitu:-

- (i) Jabatan Kehakiman Mahkamah Syariah (JKSM);
- (ii) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
- (iii) TV Al-Hijrah,
- (iv) Lembaga Tabung Haji; dan yang terakhir
- (v) Yayasan Takwa

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Bachok bertanya berkenaan dengan soal adakah keberhutangan yang berat melibatkan pegawai-pegawai JKSM yang terjebak dalam Koperasi Takwa termasuk pegawai-pegawai tinggi. Adakah benar pegawai berkenaan dilantik di JKSM bebas sehingga tidak masuk pejabat dan kempen yang dibuat sehingga pengawal, pegawai dan kakitangan terpengaruh untuk melabur.

Tuan Pengerusi, setakat ini tiada pegawai-pegawai JKSM yang disenaraikan menghadapi keberhutangan yang berat. Isu penglibatan dalam Koperasi Takwa adalah kehendak individu tanpa melibatkan jabatan. Semua pegawai adalah tertakluk kepada peraturan keluar masuk pejabat yang dikehendaki menetik kad perakam waktu masuk dan keluar pejabat. Setakat ini, peraturan berkenaan dipatuhi sepenuhnya. Kemudiannya berkenaan dengan Mesyuarat Ketua Hakim Syarie di Sabah. Berapakah perbelanjaan kos, adakah ini perlu? Lokasi mesyuarat Ketua-ketua Hakim Syarie seluruh Malaysia adalah berdasarkan konsep penggiliran di semua negeri bagi memberi peluang ahli-ahli mesyuarat membincangkan isu-isu setempat.

Secara kebetulan, baru-baru ini negeri Sabah merupakan tuan rumah bagi mesyuarat berkenaan dan kos penganjuran mesyuarat yang dibiayai oleh JKSM ialah sebanyak RM25,000 untuk sewa hotel dan makan minum serta tiket bagi pegawai JKSM sahaja. Manakala Ketua Hakim Syarie negeri-negeri menanggung sendiri kos pengangkutan dan sewa hotel.

Ketiganya, berkenaan dengan permohonan Mahkamah Syariah yang telah diperuntukkan sebanyak RM40 juta. Peruntukan khas daripada kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam tempoh RMKe-9 ialah iaitu RM20 juta untuk Pulau Pinang, RM20 juta untuk Melaka, RM20 juta untuk Negeri Sembilan dan RM20 juta untuk Kelantan. Bajet tersebut diselaraskan melalui EPU dan disebabkan kos sebenar untuk pembangunan Mahkamah Syariah Ibu Pejabat Negeri melebihi RM20 juta di setiap negeri berkenaan menyebabkan pelaksanaan pembangunan tidak dapat dilaksanakan kerana kelulusan khas yang baru daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diperlukan untuk memindahkan bajet tersebut ke negeri-negeri lain di samping tempoh RMKe-9 berada di peringkat penghujung pelaksanaannya.

Walau bagaimanapun, enam buah bangunan Mahkamah Syariah Ibu Pejabat telah diluluskan peruntukan bagi pembinaan baru iaitu di Perlis telah pun siap, Kedah telah siap,

Melaka dalam pembinaan, Negeri Sembilan kerja tapak, Kelantan masih kerja tapak dan Sabah juga masih kerja tapak. Pulau Pinang tapak baru telah dikenal pasti.

Yang keempat, Yang Berhormat Bachok ingin tahu berkenaan dengan surat pekeliling tentang penggunaan internet dalam JKSM yang menyatakan penggunaan yang tinggi melayari laman web lucah, adakah berlaku? Jika berlaku, ia memalukan kerana melibatkan kehakiman syarie. Sebenarnya ia bukan satu pekeliling tetapi ia merupakan memo dalaman yang dikeluarkan oleh Yang Arif Ketua Pengarah JKSM kepada seluruh kakitangannya sebagai peringatan kepada penyalahgunaan laman web yang tidak sepatutnya.

■1440

Berdasarkan laporan pihak MAMPU, disenaraikan 10 agensi tertinggi yang melayari laman-laman web yang tidak sepatutnya termasuklah laman web lucah. JKSM tidak tersenarai dalam 10 agensi tersebut. Pihak ICT JKSM telah mengambil tindakan proaktif melalui sistem *firewall* untuk menghalang laman-laman ini diakses oleh kakitangan.

Kelima, Yang Berhormat Bachok bertanya tentang Jurnal Hukum yang dikatakan tidak diterbitkan selama tiga tahun. Laporan itu tidak benar kerana mengikut program yang dijalankan oleh Unit Penerbitan JKSM, sejak tahun 2008 sehingga kini, penerbitan Jurnal Hukum adalah mengikut jadual penerbitan berkala iaitu sebanyak 4 kali setahun.

Tahun 2008, lima keluaran – jilid 25 bahagian 1 dan 2, jilid 26 bahagian 1 dan 2 dan jilid 27 bahagian 1. Tahun 2009, lima keluaran juga iaitu jilid 27 bahagian 2, jilid 28 bahagian 1 dan 2, jilid 29 bahagian 1 dan 2. Bagi tahun 2010, tiga keluaran iaitu jilid 30 bahagian 1 dan 2, dan jilid 31 bahagian 1.

Keengganan JKSM berunding dengan Majlis Agama Islam mengenai peruntukan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) sebanyak RM15 juta gagal dilaksanakan. Ini adalah tidak benar. Setakat ini penerimaan Majlis Agama Islam Negeri-negeri terhadap operasi BSK amat positif berdasarkan tahap kerjasama yang tinggi bagi menyediakan tabung dana sumbangan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

Negeri	Sumbangan (RM)
Pulau Pinang	100,000
Perlis	50,000
Selangor	200,000
Wilayah Persekutuan	500,000
Sabah	200,000
Johor	100,000
Melaka	100,000

Bagi Negeri Sembilan, penyaluran dana akan dikeluarkan oleh Baitulmal negeri mengikut permohonan yang diuruskan BSK Negeri Sembilan. Kelantan dalam proses kelulusan jumlah dana dan Terengganu juga dalam proses kelulusan jumlah dana. Setakat Oktober 2010, seramai

80 orang telah menerima dana nafkah sementara ini yang melibatkan peruntukan berjumlah RM300,000.

Yang Berhormat Bachok juga ingin tanya berkenaan dengan buku pelan strategik JKSM berharga RM40 senaskhah. Apabila dikaji harganya di pasaran, ia tidak sampai RM10. Proses perolehan menerbitkan buku pelan strategik JKSM didapati mengikut segala peraturan kewangan dan pemilihan nilai kos RM30 senaskhah adalah harga terendah yang dipilih dengan menggunakan prinsip *value for money* berdasarkan harga yang munasabah dan kualiti percetakan buku tersebut. Lagipun, jumlah naskhah terlalu kecil dan kalau kecil, maknanya mahal lagilah. Kalau banyak, kita boleh *cut cost*. Jadi, kosnya yang sebenar ialah RM30.

Yang Berhormat Bachok juga ingin bertanya tentang kuasa kenaikan pangkat JKSM yang tidak bersidang dan kenaikan pangkat di kalangan pegawai yang rapat sahaja. Tuan Pengerusi, segala urusan kenaikan pangkat dikendalikan dan ditentukan oleh pihak Jabatan Perdana Menteri serta Jabatan Perkhidmatan Awam. JKSM hanya memperakukan cadangan kenaikan pangkat bagi mereka yang layak dari sudut penilaian, penilaian prestasi semasa dan memanjangkan cadangan kepada Jabatan Perdana Menteri.

Pihak Jabatan Perdana Menteri akan memanjangkan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk tujuan kelulusan Lembaga Kenaikan Pangkat. Pada tahun 2010, proses kenaikan pangkat melibatkan semua gred jawatan daripada gred JUSA C hingga gred bawahan, malah JKSM sedang menunggu kelulusan kenaikan pangkat untuk LS 54 dan juga JUSA C.

Yang Berhormat Bachok membangkitkan mengenai kursus PTK yang tidak dilaksanakan JKSM. Ini tidak benar.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini 1Malaysia, bagus.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat, saya dengar sesi sekarang mengenai keterangan macam mana kenaikan pangkat itu yang diberitahu oleh Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat beritahu bila hendak ambil tindakan disiplin? Apa prosesnya? Kenapa lambat sangat mengambil tindakan macam kedua-dua isu guru besar baru-baru ini? Juga pekerja-pekerja dari kementerian berkenaan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya hendak nasihat Yang Berhormat Ipoh Barat, lain kali saya jawab soalan dengarlah. Sudah dua kali saya jawab soalan ini.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya tidak dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pekak kot. Beginilah, yang dua... *[Disampuk]* Apabila sudah mengantuk, macam itulah. Begini Yang Berhormat, kedua-dua pengetua itu, yang di Kedah itu tindakan telah diambil. Pertamanya, dia *disuspend*, digantung kerjanya dan kemudian dia secepat mungkin yang boleh dilakukan, dia telah meminta maaf dan jelas

menampakkan bahawa dia tidak ada niat untuk hendak menghina dan menghasut kerana dia minta maaf.

Kalau orang itu dia hendak menghasut dan memang berniat menghasut, dia tidak akan minta maaf. Dia sedar kesilapan dia dan terus meminta maaf dan dia telah pun diberikan hukuman amaran. Itu yang dibolehkan dalam kita punya prosedur. Amaran, turun pangkat, ada yang gantung kerja dan *last* sekali buang kerja. Kita telah pun pindahkan dia ke Jabatan Pendidikan Daerah Merbok kalau tidak silap saya.

Bermakna, dia tidak ada hubungan dengan pelajar lagi sudah. Dia buat kerja pentadbiran. *No contact* dengan *students*. Jadi, yang dia sudah selesai.

Di Johor itu, oleh kerana kita merasakan iaitu bahawa itu lebih serius daripada yang di Kedah, maka selain daripada – pertama sekali yang kita ambil tindakan, kita gantung kerjanya dan kemudian kita terus *transfer* dia kepada Pejabat Pendidikan Negeri.

Bermakna, sekali lagi tidak ada *contact* lagi dengan pelajar-pelajar. Dia juga sebaik sahaja didapati melakukan perkara itu, dia meminta maaf empat kali. Pertama dia minta maaf dalam *assembly*, semua dengar. Kedua, dia panggil guru-guru bukan Melayu, dia minta maaf. Ketiga, dia minta maaf kepada pelajar-pelajar yang bukan Melayu, dan keempat tidak silap saya di kantin. Jadi, empat kali. Jadi Yang Berhormat hendak suruh kita buat apa lagi? Hendak suruh gantung dia sampai mati kah? Jadi orang putih kata, '*To err is human, to forgive...*'

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sudah dengar, sudah dengar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu tidak mahu dengarlah itu saya hendak sebut. *To forgive is divine*.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sekejap. Saya akan bagi jalan. Jadi tindakan awal telah diambil. Sekarang ini kita boleh ambil tindakan terhadap dia secara pentadbiran dalam peraturan JPPA – saya pun lupa tahun 1993 kah, berkenaan dengan disiplin dan – saya pun lupa. Maknanya, JPA punyalah. Jadi oleh kerana dia punya tindakan itu dianggap lebih serius daripada yang di Kedah, maka *judges* yang kita *frame* terhadap dia terlebih dahulu mesti mendapat kelulusan daripada *Attorney General Chambers*.

Itulah sebabnya memakan masa sedikit sebab kita hendak *charge* dia, kita punya *charge* biarlah betul. *So* kita akan *charge* dia bawah tiga pertuduhan dan surat pertuduhan itu telah pun dikeluarkan kepada dia. Saya pun lupa – 8 Oktober kalau tidak silap saya, jawapan telah diberi dan dia telah menerima.

■1450

Pada 8 Oktober kalau tidak silap saya. Kemudian apabila dihantar kertas pertuduhan, ya, 8 Oktober, betul 8 Oktober. Pada 8 Oktober tarikh dikeluarkan kemudian 13 Oktober dia terima. Apabila dia terima, tarikh dia terima, kita kena beri dia 21 hari untuk dia membuat apa yang perlu sama ada hendak cari peguam, ini pembelaan diri dia, ini mengikut peraturan. Jadi, 3

November akhir dia punya *period* dia, 21 hari dari 3 November. Hari ini berapa? Hari ini 10 hari bulan.

Jadi, kemudian dia akan didengar oleh hakim. Dia ada kategori pula itu hakim-hakim. Dia hakim yang nombor satu yang terdiri daripada KSN kemudian Ketua Pengarah JPP kalau tak silap saya, seorang lagi saya lupa. Ini *the highest* yang akan dengar perkara ini. Jadi, apabila tamat *expired* dia punya *date* 21 hari pada 3 November maka kita kena buat persediaanlah untuk mengadakan penyiasatan ini dan untuk penyiasatan ini maka persediaan untuk memanggil saksi, ia akan makan masa sikit tapi *we are not too late. It's just 3rd* November baru habis seminggu sahaja. Jadi bukanlah terlambat seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Ipoh Timur itu. Okey, ini penjelasan sayalah sehingga pada hari ini yang dua orang ini. Yang Berhormat Bukit Gelugor.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan yang diberi oleh Menteri tadi susah untuk diterima. Apa yang berlaku dalam semua kes ini adalah hasutan, unsur-unsur hasutan. Menjadi satu kes jenayah dan satu kes serius. Kenapa tidak dituduh di bawah Akta Hasutan 1948?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *[Bangun]*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Sit down please, I have not finished.* Belum habis lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, duduk. Duduk. Tuan Pengerusi, dia tidak duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Diam pun salah?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, teruskanlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Teruskan, teruskan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya teruskan. Duduk. Menteri, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak apa teruskan. Tak ada, tak ada.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak apalah Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak, saya nak dengar.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *You have to sit down.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *No, no need. I want to hear.* Saya tidak mengganggu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, perkara ini perkara kecil Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak mengganggu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, apabila saya...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak payah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *I had got the floor.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Ya, you have the floor. You're also sitting down.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Unfortunately I'm sitting down. Don't insult me that way.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *I'm not insulting you but I have to say...*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Sit down! Don't be kurang ajar, Don't be kurang ajar. [Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *I want to listen, I want to listen.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan jadi kurang ajar tadi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak apa, baik. Saya sudah sebut Tuan Pengerusi iaitu ...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Dalam jawapan saya yang begitu panjang yang telah saya perelaskan dalam jawapan saya bagi kepada Yang Berhormat Tanjong Piai ...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat teruskan ya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dan juga kepada Yang Berhormat Bagan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, saya sudah dapat jalan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya telah jawab iaitu

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, Menteri duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Iaitu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Ya, sila. Sila teruskan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, apa? Peraturan mesyuarat apa, peraturan berapa?

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apabila saya teruskan, dia...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Peraturan berapa? Saya nak tanya berkenaan dia sebut peraturan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Peraturan berapa?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak ada. Jadi Tuan Pengerusi, saya telah menjawab iaitu

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, baik. Sebentar Yang Berhormat, peraturan mesyuarat. Ya, baik.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak perlu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan mesyuarat, duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak ada, tak payah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Duduk, Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tak payah, tak payah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, peraturan mesyuarat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan mesyuarat, dia diperlukan duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya nak jawab. Jangan cari pasal dalam Dewan. Kita datang ke Dewan kita nak menjawab.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, bolehkah Menteri kurang ajar ini duduk? [*Dewan riuh*]

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Peraturan mana Yang Berhormat Bukit Gelugor pakai ini?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Menteri kurang ajar, dia kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bukit Gelugor, perkataan itu lagi kurang ajar Yang Berhormat. Tak boleh gunakan perkataan kurang ajar dalam Dewan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You out of order.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, dia kurang ajar kerana...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya bagi penjelasan kenapa dia kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tak boleh sebut perkataan itu Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan mesyuarat, peraturan mesyuarat Tuan Pengerusi - 37. Peraturan Mesyuarat 37(1)(b), dia sudah duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *You* sebut tak apalah, saya duduk. 37 (1)(b).

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Jangan buat apa yang kurang ajar tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Peraturan Mesyuarat 37(1) - *Seorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali*

(b) jika hendak meminta penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapannya dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralih dan duduk dan ahli yang hendak mengganggu ini dipanggil oleh Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, ya. Saya faham, saya faham Yang Berhormat. Itu peraturan mesyuarat Yang Berhormat bangkitkan, saya faham tetapi saya sudah bagi tahu memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat boleh teruskan dengan pencelahan Yang Berhormat. Saya melihat bahawa Menteri bangun dan tidak menghidupkan *mike* di depan pun. Oleh sebab itu saya minta Yang Berhormat teruskan tetapi masalahnya Yang Berhormat...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, peraturan mesyuarat mengatakan bila Speaker bercakap, Yang Berhormat tidak boleh bercakap. *[Dewan riuh]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You must follow that also.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *But you are not following this standing order also.*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You are not following the standing order. In the first place, you are also not following the standing order.* Yang Berhormat menggunakan perkataan kurang ajar juga tidak baik di dalam Dewan. *You should know that.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Kerana dia kurang ajar.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You should know that. Whatever.* Kelakuan seseorang tetapi Yang Berhormat tidak boleh gunakan perkataan kurang ajar dalam Dewan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dia melanggar peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan *standing order* disalah guna untuk kebaikan Yang Berhormat, tak boleh. Saya minta maaf Yang Berhormat, tak boleh buat macam itu. Perkara ini perkara kecil, soal saya dah katakan saya tahu *standing order* seorang bercakap, seorang mestilah duduk tetapi saya buat *ruling* tadi Yang Berhormat teruskan dengan pencelahan, *that's all*.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apabila dia...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: *You don't respect the Chair, the Chair* buat keputusan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Pengerusi, apabila...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tahu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Apabila Tuan Pengerusi mengarahkan saya untuk meneruskan, dia berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Akan tetapi saya sudah katakan Yang Berhormat teruskan, perkara itu perkara kecil. Sebahagian besar daripada Ahli Yang Berhormat pun buat perkara yang itu. Kalau tidak mengganggu, perkara itu jangan dijadikan sesuatu yang besar, akan mengganggu perjalanan mesyuarat. *Small matter, we don't have to fight over this.*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Small* tetapi jadi satu *precedent*.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tak, dia tengok keadaan. Pagi tadi pun begitu tapi saya katakan saya melihat keadaan. Keadaan dia tidak mengganggu perjalanan mesyuarat, sebab itu saya katakan Yang Berhormat boleh teruskan. Baik, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya teruskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih. Apa yang saya nyatakan tadi dalam semua kes ini, unsur hasutan. Kenapa Peguam Negara tidak mengambil tindakan? Perkataan-perkataan seperti "*gadis Cina datang ke negara ini sebagai pelacur, orang India kaki botol*". Apa semua ini? Bukankah ini hasutan? Dalam kes saya Tuan Pengerusi, saya dituduh bawah Akta Hasutan 1948 dua kali.

Kali yang kedua, apa saya menyatakan Sultan Perak boleh dibawa ke mahkamah. Itu terus terang dalam undang-undang, boleh. Saya dibebaskan bagi tuduhan itu. Tuduhan yang pertama, dalam mahkamah saya menyatakan dalam kes Dato' Seri Anwar Ibrahim bahawa keadaan dia menunjukkan dia ada dimeracuni. Saya dituduh dalam mahkamah. Itu jadi hasutan.

Apa semua ini? Kenapa ini ada *selective persecution*? Saya mahu dapat tahu. Bolehkah Menteri ini? Barangkali Menteri ini tidak memahami undang-undang. Jangan berdiri di sini, oh

sudah minta maaf. Ada tindakan-tindakan ada diambil untuk *transfer* dia di sini atau di sana. Apa semua ini? Kenapa *selective persecution*? Bolehkah saya dapat penjelasan dan jangan main-main. [Dewan riuh]

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya dah sebut apa yang kita buat yang dibenarkan secara pentadbiran di bawah JPA.

■1500

Itu yang kerajaan boleh buat. Soal Akta Hasutankah ataupun Akta 504 *Penal Code* kah semua ini apabila aduan dibuat oleh orang ramai membuat laporan polis, maka pertamanya sudah tentu polis mesti menyiasat. Apabila polis menyiasat, kemudian barulah dia hantar IP itu kepada Peguam Negara. Kalau Peguam Negara melihat iaitu bahawa kes ini perlu lagi mendapat bukti yang lebih akan dihantar balik kepada polis untuk melengkapkan *IP report* itu.

Jadi itu luar daripada bidang saya kerana apa juga rasional mengapa tidak, tindakan tidak boleh diambil, saya perlu merujuk kepada Peguam Negara. Jadi itu luar bidang saya. Apa yang ditanya oleh Bukit Gelugor saya akan sampaikan dan ingin tahu mengapa tindakan undang-undang tidak boleh diambil kerana itu luar daripada bidang saya sebagai Menteri menjaga JPA.

Saya hanya boleh ambil tindakan berdasarkan kepada apa kuasa yang diberikan kepada kita dalam JPA. Oleh sebab itu saya jawab demikian. Jadi yang hak Akta Hasutan itu hendak dakwa atau tidak dakwa kita kena tunggu jawapan daripada Peguam Negara. Tuan Pengerusi, kemudian saya hendak pergi kepada Perkara 10 yang dibangkitkan oleh Bachok. Membangkitkan mengenai kursus Hakim Syarie di Mesir yang tidak diteruskan.

Kursus tersebut tidak dapat diteruskan bagi tahun 2010 kerana mematuhi surat Arahan Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2009, langkah-langkah penjimatan perbelanjaan agensi awam termasuk kursus di luar negara. Walau bagaimanapun program kursus ini akan dipohon untuk kelulusan sekiranya terdapat arahan baru daripada Kementerian Kewangan pada masa hadapan.

Bachok juga ingin tahu apakah program sebenar yang dilaksanakan JKSM yang melibatkan perbelanjaan RM6,000 di sebuah sekolah di Putrajaya dan apakah kaitan dengan pegawai tinggi JKSM. Program berkenaan adalah anjuran bersama JKSM dengan Persatuan Permuafakatan Guru-Guru dan pelajar sekolah seluruh Putrajaya yang melibatkan semua guru di 26 buah sekolah dan menengah di sekitar Putrajaya.

Kira-kira seramai 600 orang guru telah mengikuti program berkenaan. Program tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan asas berkaitan hak-hak dalam kekeluargaan Islam serta isu-isu berkaitan Mahkamah Syariah kepada golongan pendidik. Ketua Pengarah JKSM telah dijemput untuk mengisi salah satu slot ceramah dan sesi soal jawab dengan penonton.

JAKIM, Yang Berhormat Tenom membangkit mengenai keperluan satu program susulan kepada saudara-saudara baru dan mengharapkan program saudara baru di Sabah dapat diteruskan. Kerajaan menghargai dan mengalu-alukan keprihatinan Ahli Yang Berhormat.

Sukacita dimaklumkan bahawa kerajaan melalui JAKIM berterusan mengadakan program dan aktiviti serta kelas pengajian kepada saudara Muslim.

JAKIM bersama Jabatan Agama Islam Sabah sentiasa bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan NGO Islam di Sabah seperti USIA iaitu pertubuhan Islam Sabah untuk mengadakan program dan aktiviti kepada saudara Muslim di Sabah. Selain itu, JAKIM juga telah menempatkan seramai 26 orang penggerak saudara Muslim di kawasan-kawasan tertentu di Sabah. Jumlah penggerak ini akan ditambah berdasarkan kepada keperluan semasa.

Tenom juga memohon empat buah Sekolah Agama Rakyat dan sehingga kini hanya ada dua sahaja. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat secara dasarnya Sekolah Agama Rakyat dibina oleh pihak masyarakat rakyat sendiri. Manakala bagi mendapatkan sekolah agama negeri permohonan perlu diajukan kepada Jabatan Agama Islam Negeri Sabah.

Sekolah Agama Negeri atau Sekolah Agama Rakyat boleh mendapatkan bantuan Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelajaran Malaysia dengan mendaftarkan sebagai sekolah agama bantuan kerajaan. JAKIM secara khusus tidak memberi bantuan bagi membina sekolah agama kerana tiada peruntukan bagi tujuan tersebut. Tenom juga mencadangkan supaya dibina masjid dan surau di pusat pembukaan kampung baru Seberang Sabah serta membaik pulih masjid dan surau di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan pembinaan masjid akan diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada negeri melalui peruntukan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas. Bagi tujuan tersebut JAKIM telah membuat taklimat kepada Jabatan Agama Islam Negeri untuk membuat perancangan memohon peruntukan bagi tujuan pembinaan masjid dan surau di negeri-negeri berkenaan. Manakala peruntukan baik pulih dan surau pula adalah melalui peruntukan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, JPM yang diselaraskan oleh JAKIM.

Bahagian pengurusan masjid JAKIM telah memanggil semua Jabatan Agama Negeri dan memberi taklimat mengenai persediaan permohonan bajet untuk baik pulih masjid dan surau. Melalui JAKIM Sabah kerajaan telah membina Pusat Latihan Dakwah di Lahad Datu, Kudat dan Keningau. Pusat latihan tersebut disediakan untuk membantu saudara Muslim untuk mendalami ilmu agama dengan kurikulum yang tersusun. Bagi saudara Muslim yang berkemampuan dan berkeupayaan mereka boleh mempelajari ilmu agama sehingga tahap Diploma Pengajian Islam di Pusat Latihan Dakwah Keningau.

Mengenai dengan mengambil pelajar dari kalangan saudara baru untuk mengajar di Pusat Latihan Dakwah sememangnya bekas pelatih di Pusat Latihan Dakwah telah dilatih untuk menjadi *peer group* bagi mengajar saudara Muslim yang baru menjadi pelatih di Pusat Latihan Dakwah. Yang Berhormat Machang membangkitkan mengenai elaun guru al-Quran dan pengajian agama di Masjid Negara yang lewat dibayar. Dimaklumkan kelas al-Quran dan pengajaran agama di Masjid Negara adalah ditanggung oleh JAKIM melalui peruntukan perbelanjaan tahunan.

Bayaran dibuat mengikut tuntutan dan kelayakan pengajar. Tiada tunggakan bayaran dalam rekod bayaran Masjid Negara. Machang juga membangkit mengenai elaun imam, bilal dan noja di Sarawak tertunggak tiga bulan, tidak dibayar sehingga terpaksa menggunakan tabung persatuan kakitangan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kerajaan melalui JAKIM membantu kerajaan negeri bagi melaksanakan program pengimarah masjid dengan memberi bayaran imbuhan bulanan kepada imam masjid, mukim dan kariah sejak tahun 2005.

Ia adalah bertujuan supaya imam-imam di masjid, mukim dan kariah dapat melaksanakan tugasnya dengan lebih berkesan. Manakala bilal dan noja tidak termasuk dalam program bantuan ini. Suka dimaklumkan tidak terdapat tunggakan seperti yang dibangkitkan kerana JAKIM telah mendapat peruntukan tambahan yang mencukupi untuk tujuan bayaran tersebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong bangun.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini berkaitan dengan JAKIM Sarawak dan berhubung kait dengan KAFA di Sarawak. Saya telah mendapat maklum bahawa KAFA di Sarawak untuk sekarang ini, kita baru diumumkan elaun guru KAFA telah dinaikkan. Akan tetapi apa yang berlaku di Sarawak mengikut guru-guru KAFA apabila berlakunya kenaikan gaji ini mereka disuruh untuk menduduki peperiksaan ataupun di *interview* balik. Jadi saya hendak tahu kenapa ianya tidak selaras dengan negeri-negeri lain. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi saya ingat pegawai saya ada di sini, mereka akan ambil maklum dan saya akan beri jawapan bertulis. Yang Berhormat Machang memohon penjelasan mengenai program-program, kursus-kursus di Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) yang terpaksa dikurangkan/dibatalkan kerana tidak cukup peruntukan bagi bulan Julai hingga Disember ini kursus dalaman dibatalkan dan hanya dianjurkan kursus-kursus luar yang tertentu sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat peruntukan ILIM tahun 2010 adalah berjumlah RM5 juta dengan RM1.4 juta daripadanya diterima awal November lepas. Peruntukan awal RM36 juta telah digunakan untuk merancang 112 kursus di ILIM, Bangi dengan 44 daripadanya akan diadakan dari bulan Julai hingga Disember. Sehingga 4 Oktober 2010, 89 kursus telah dianjurkan iaitu 79.5% daripada perancangan tahunan. Program Diploma Pengurusan Islam (DPI) juga telah bermula pada 1 November lalu dengan kos RM200,000.

■1510

Penganjuran kursus ILIM dipelbagaikan dengan 36 kursus di ILIM Wilayah Timur yang mula beroperasi pada 11 Februari 2010. Bilangan kursus anjuran ILIM juga ditambah dengan peruntukan Institut Latihan Awam (ILA) yang disalurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia berjumlah RM250,000. Melalui peruntukan ILA, lapan kursus diadakan melibatkan tujuh dalam negara dan satu ke luar negara. Secara perbandingan, kursus anjuran ILIM tahun 2010

adalah kurang dibandingkan dengan tahun 2009 yang mana 186 kursus telah dianjurkan. Sesetengah kursus tahun ini juga adalah dibatalkan atau ditangguhkan. Pengurangan, pembatalan dan penangguhan ini antara lainnya adalah disebabkan kewujudan ILIM Wilayah Timur yang peruntukan tahunannya dikongsi dengan ILIM Bangi.

Peruntukan tahun 2009 adalah sama dengan tahun 2010. Kelewatan memperoleh waran peruntukan tambahan dan penganjuran program DPI yang melibatkan 40 orang peserta secara sepenuh masa. Program DPI merupakan syarat perkhidmatan bagi pegawai-pegawai skim perkhidmatan hal ehwal Islam lantikan baru dan tempoh masa program ini adalah selama enam bulan. Walaupun kursus-kursus di ILIM Wilayah Timur dan program DPI adalah program-program baru dan berbajet besar, tetapi ia diadakan menggunakan peruntukan sedia ada menyebabkan kursus-kursus ILIM Bangi terpaksa dikurangkan untuk disesuaikan dengan peruntukan tahunan yang telah diperolehi.

Yang Berhormat Pokok Sena – mengenai Majlis Tilawah Saudara Baru di Putrajaya yang dianjurkan oleh JAKIM dengan kerjasama Nusantara Iman Sdn. Bhd. yang juga bertanggungjawab menganjurkan *Islamic Fashion Festival* yang tidak *Islamic*. Macam mana boleh buat kerjasama ini dan sumbangan yang diberi dengan menggunakan sampul *Islamic Fashion Festival*?

Kerajaan amat berbesar hati dan bersedia memberikan kerjasama kepada semua pihak yang berhasrat untuk melaksanakan mana-mana program yang boleh memberi manfaat kepada umat Islam, termasuklah penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Saudara Muslim 2010. Kerajaan percaya majlis berkenaan bukan sahaja mencungkil bakat dan menyerlahkan kemampuan saudara Muslim terhadap seni pembacaan Al-Quran, bahkan mampu menarik minat mereka untuk memahami dan menghayati ajaran Islam menerusi majlis tersebut. Sehubungan itu kerajaan melalui JAKIM telah menghulurkan kerjasama kepada penganjur bagi menjayakan majlis tersebut, khususnya menerusi khidmat hakim tilawah sama ada di peringkat saringan dan peringkat akhir. Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Mohon penjelasan Tuan Pengerusi. Berapakah peruntukan yang dikeluarkan oleh JAKIM ataupun kerajaan untuk penganjuran ini dan berapakah pula yang dikeluarkan untuk syarikat tersebut?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dalam jawapan yang diberikan kepada saya tidak menyebut berapa jumlah. Cuma apa yang kita sebut di sini ialah kita mengambil bahagian dengan menyediakan hakim-hakim. Namun mengenai wang itu saya tidak tahu. Jikalau JAKIM mengeluarkan peruntukan wang, saya percaya pegawai saya akan beri jawapan sebentar nanti.

Yang Berhormat Lenggong bertanya berapakah jumlah *hafiz* dan *hafizah* yang telah dilahirkan oleh JAKIM melalui Darul Quran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah *hafiz* dan *hafizah* yang telah dikeluarkan oleh Darul Quran adalah seramai 3,695 orang. Dari jumlah tersebut seramai 2,943 orang keluaran Darul Quran peringkat diploma dan seramai 752 orang di

peringkat sijil. Walau bagaimanapun, jumlah keseluruhan tersebut tidak termasuk para *hafiz* dan *hafizah* keluaran *maahad tahfiz* swasta atau *maahad tahfiz* yang dikendalikan oleh orang-orang perseorangan.

Yang Berhormat Lenggong bertanya adakah JAKIM akan membekalkan buku-buku teks kepada pelajar Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) secara percuma seperti sekolah harian biasa. Dimaklumkan bahawa JAKIM melalui Bahagian Pembangunan Pendidikan Islam (LEPAI) berusaha mendapatkan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) bagi memberi bantuan membekalkan buku-buku teks KAFA secara percuma kepada mereka dan ini memerlukan peruntukan yang besar. Usaha ini telah dibincangkan dalam Persidangan Ketua-ketua Jabatan Agama Islam Negeri bagi mendorong ke arah tujuan tersebut. Setakat ini tiga buah negeri telah memberikan buku teks percuma kepada pelajar KAFA iaitu Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan yang merangkumi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, dan juga Selangor.

Kerajaan melalui JAKIM akan terus berusaha agar hasrat ini tercapai sepenuhnya dengan kerjasama agensi-agensi agama peringkat negeri seperti Jabatan Agama Islam Negeri, Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Pungutan Zakat.

Yang Berhormat Lenggong juga bertanya berkenaan dengan pembesaran Masjid Pekan Lawin, Lenggong yang sekarang tidak lagi mampu menampung jemaah. Penyelarasan pengurusan masjid di antara JAKIM dan jabatan-jabatan agama negeri telah diputuskan melalui Jawatankuasa Exco Agama yang dipengerusikan oleh JAKIM. Mengenai pembaikan dan menaik taraf masjid adalah termasuk di dalam peruntukan pembangunan negeri. Baik pulih adalah diselaraskan oleh JAKIM di antara jabatan agama dan unit penyelarasan dan pelaksanaan.

Yang Berhormat Lenggong bertanya apakah pendekatan JAKIM dalam penerbitan majalah buku supaya memenuhi cita rasa golongan muda, jika tidak hanya disimpan dalam perpustakaan dan masjid sahaja. Bahagian penerbitan JAKIM telah menerbitkan majalah-majalah dan buku mengikut golongan sasaran yang berbeza melalui tiga kategori majalah iaitu, Sinar Rohani yang dikhususkan untuk golongan dewasa; Cahaya untuk remaja; dan Pendidik untuk kanak-kanak. Begitu juga buku-buku yang diterbitkan mengikut kategori tersebut. JAKIM turut menerbitkan novel-novel untuk remaja, buku-buku ilmiah seperti buku-buku hadis antaranya Terjemahan Sahih Bukhari, Mastika Hadith, *Riadhush Solihin*, *Bulugh Maram* dan sebagainya untuk rujukan para pelajar dan masyarakat.

Buku-buku terbitan JAKIM ini boleh didapati di kaunter edaran sama ada melalui pembelian ataupun permohonan naskhah hadiah. Walau bagaimanapun semua majalah terbitan JAKIM adalah percuma dan diedarkan juga melalui kaunter jualan dan edaran percuma di empat buah masjid iaitu Masjid Putra, Masjid Wilayah Persekutuan, Masjid Negara dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin. Buku-buku dan majalah ini turut diedarkan melalui program JAKIM dan kementerian-kementerian yang dijalankan di seluruh negara. Sebahagian buku-buku terbitan JAKIM juga boleh dilayari melalui e-penerbitan melalui laman web JAKIM dan laman web

islamgrid.gov.my yang juga dimiliki oleh JAKIM. Terkini JAKIM juga dalam perancangan untuk membangunkan perpustakaan digital yang memuatkan bahan-bahan terbitan JAKIM.

Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu minta JAKIM siasat mengenai kedudukan agama anak kepada Nor Azman Baginda sama ada Islam atau tidak sebab bapanya Islam. Anak tersebut membawa makanan sosej khinzir ke sekolah. Dimaklumkan bahawa bahagian penyelidikan JAKIM akan menyiasat status agama anak Norazman Abdullah @ Baginda anak Minda tersebut.

Isu-isu TV *Al-Hijrah*, Yang Berhormat Lenggong...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya telah menghubungi ibu Basil anak Baginda dan ia juga telah *scan* dan e-mel kepada saya satu salinan cabutan daripada daftar kelahiran Basil anak Baginda iaitu *marriage certificate*. Di atas cabutan daripada daftar kelahiran dengan nyata sekali menyebut bahawa agama Baginda anak Minda itu adalah tiada agama. Oleh itu isu sama ada ia adalah seorang Muslim atau tidak ini tidak dibangkitkan lagi. Ini adalah *birth certificate [Sambil menunjukkan lampiran surat beranak]* yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

Apa yang saya hendak bangkitkan mengenai isu ini di Dewan ini adalah kerana, seorang anak atau budak berumur 10 tahun yang makan makanan yang disediakan oleh ibunya, semasa ia makan dirotan 10 kali.

■1520

Alasan yang diberi adalah kerana apa yang disediakan oleh ibu kamu tidak boleh dimakan di sekolah ini. Bayangkanlah kalau itu anak kamu sendirilah. Apakah perasaannya? Apakah perasaan kamu? Apakah *effect* yang akan ada terhadap budak yang kecil itu, berumur 10 tahun sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya ringkas.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *In conjunction*, di sini saya juga ingin membangkitkan satu usul kerana tadi Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, dia mengelirukan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Usul kena buat secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak, 36(12). "*Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan, adalah disifatkan menghina Majlis dan Ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan itu.*"

Seorang Ahli: Halau keluar. [*Menyampuk*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan halau keluar sahaja.

Seorang Ahli: *Suspend* sahaja. [*Menyampuk*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *Refer to privilege committee*. Saya hendak tanya...

- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Apa, apa yang mengelirukan itu?
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ini sudah...
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Sudah terbukti dia mengelirukan Dewan.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Hei *you*.
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *Hey!* Botak, *you* diamlah!
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Dia mengelirukan Dewan ini.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Mengelirukan apa?
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ada cabutan dari doktor kelahiran.
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduk Yang Berhormat.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Mengelirukan apa?
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Yang membuktikan bahawa...
- Seorang Ahli:** Duduk! *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** *You* diamlah!
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu, duduk dulu Yang Berhormat.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Itu Baginda anak Minda tiada agama!
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Tidak. Mengelirukan apa?
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tadi dia kata, dia kata...
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Mengelirukan apa?
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tadi dia kata...
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat dalam pencelahan. Nanti Yang Berhormat Bukit Gelugor tegur Yang Berhormat tidak ikut peraturan mesyuarat.
- Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Mana ada tegur saya. *[Ketawa]*
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Dalam pencelahan tidak boleh buat macam itu Yang Berhormat.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Ya, selepas pencelahan...
- Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup Yang Berhormat.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Saya akan mengemukakan usul ini sekarang.
- Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Yang Berhormat Menteri, saya minta laluan untuk mencelah. Terima kasih Tuan Pengerusi.
- Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Peraturan Mesyuarat 13(12).

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Pada saya...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat perkara 36(6), Yang Berhormat sebut, walaupun saya...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan Mesyuarat 36(12). Saya telah dimaklumkan tadi, rakan saya sedang mengkaji Hansard dan akan membuat keputusan yang itu. Cukup Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya Yang Berhormat Kuching cuba mengelirukan Dewan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Pengerusi, itu kata tidak sebut baik-baik.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk, Duduk Yang Berhormat. Dengar.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kawasan saya Bandar Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya. Bandar Kuching Yang Berhormat, bukan Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Dia berulang-ulang kali itu katak!

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, betul. Kawasan Parlimen Yang Berhormat ini adalah Bandar Kuching Yang Berhormat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Parlimen... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Parlimen meow, meow ini.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Bukan katak, ular.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bandar meow, meow.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Shah Alam. *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ini juga menghinakan, kita tidak boleh sebut...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Dia berseloroh Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tidak boleh sebut.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tiada niat, tiada niat jahat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tiada niat jahat. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu memang ada niat jahat Tuan Pengerusi.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bandar Kuching ada disebut dalam perbelanjaan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ya. Saya sudah maklumkan bahawa kawasan Yang Berhormat adalah kawasan Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, ya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Bandar Kuching...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mesti sebut baik-baik. Katak itu tidak tahu sebut baik-baik.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Mereka ini sebenarnya tidak mahu kebenaran keluar. Itu sahaja. Mereka tidak mahu rakyat tahu kebenaran bahawa budak ini adalah beragama Islam. Mereka tidak mahu rakyat tahu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebenarnya Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya mahu, mahu baca lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sudah ada perkara...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Bandar Kuching. Nanti, nanti...

Tuan Zulkifli bin Nordin [Kulim Bandar Baharu]: 'Lu' berniaga pun *bankrupt* duduklah. 'Lu' meniaga pun *bankrupt*.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara duduk ya. Dengar Yang Berhormat! Yang Berhormat Menteri ada sini, dia akan jawab nanti.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekejap, saya akan berikan Tuan Pengerusi... *[Merujuk pada dokumen yang dipegang]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri bagi saya *floor*. *[Ketawa]* Saya hendak bagi tahu...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bandar Kuching, duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri akan jawab nanti.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Sebenarnya pendedahan Yang Berhormat Bandar Kuching mengejutkan saya kerana kenyataan dia bahawa Baginda anak Minda itu tidak beragama, membawa kepada isu lebih berat. Adakah Baginda ini sudah murtad? *[Tepuk]* Ini kerana pada tahun 2001, semasa saya mengendalikan kes Permatang Pauh, saya antara peguam yang mengendalikan saksi... *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baginda...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baginda dengan jelas menyatakan bahawa dia Islam.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat. Sebentar Yang Berhormat. Baru tadi kita dimaklumkan dan kita diingatkan tentang peraturan mesyuarat. Apabila seorang ahli sedang berucap yang lain minta diam.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]* Bangkang.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Diam Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Dia orang ini daripada zoo.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Daripada zoo.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya siasat kenyataan Yang Berhormat Bandar Kuching. Kenyataan yang berbahaya, yang membuktikan bahawa sudah berlaku satu gejala murtad. Bermakna sekarang ini Yang Berhormat Bandar Kuching hendak sahkan bahawa Baginda anak Minda atau Norazman Abdullah, calon PKR yang bertanding dua kali... *[Tepuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang mengaku beragama Islam dahulu, sekarang sudah murtad. Adakah itu benar? Ini kalau benar, satu perkara serius yang perlu disiasat sampai ke akar umbi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat Menteri.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Kenapa senyap?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, ia ada dua penyiasatan di sini yang perlu dilakukan. Satu ialah penyiasatan tentang status agama budak itu. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu poin dia kerana walaupun Yang Berhormat bangkit sijil kelahiran itu, mengatakan bahawa kanak-kanak itu tidak ada agama. Akan tetapi, berdasarkan keputusan muzakarah fatwa kebangsaan, apabila salah seorang ibu atau bapa beragama Islam maka anak tersebut adalah beragama Islam. Oleh sebab itu kita kena putus dulu sama ada Norazman, dia ini anak Raja kah? Baginda ini?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Baginda.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Baginda. Jadi dua penyiasatan. Satu kita kena siasat Norazman atau Baginda ini, adakah dia Islam. Kalau dia Islam bermakna ikut keputusan muzakarah, anak dilahir itu kalau seorang ibu bapa itu Islam, kena Islamlah. Jadi kita siasat yang

itu dahulu kerana keputusan siasatan itu ada kesan kepada yang kita hendak menyasat, yang kedua.

Walau bagaimanapun saya telah menjawab iaitu bahawa kita kena mengadakan penyiasatan tentang status Norazman atau Baginda ini dulu. Selepas itu kita boleh sampai kepada kesimpulan. Apa juga keputusan siasatan itu boleh menentukan kesan, hala kepada penyiasat dua, mengapa budak ini dirotan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya nampak Yang Berhormat Menteri itu telah terkeluar daripada isu yang saya bangkit. Pada masa guru itu merotan Basil, tidak ada hal sama ada dia, bapa dia adalah seorang murtad atau Muslim. Ini bukan isunya. Alasan yang diberi oleh guru untuk merotan budak itu adalah, "*walaupun kamu bukan seorang Muslim tetapi awak bawa makanan yang tidak halal ke sekolah, makan di sekolah. Oleh itu, saya pukul kamu.*"

Adakah ini yang dibenarkan di negara kita dan dibenarkan di sekolah? Di negara kita? Kalau ini adalah isu pokoknya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini kerana isu sama ada bapanya adalah Muslim atau tidak sama ada dia statusnya ada Muslim. Ini tidak berkaitan pada masa dia dirotan. Semasa dia dirotan, dia dianggap sebagai seorang yang bukan Muslim tetapi dia dirotan kerana dia makan makanan tidak halal di sekolah.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini saya fikir tindakan harus diambil ke atas guru itu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, apa pun saya ingat Yang Berhormat ialah Yang Berhormat bukan orang yang beragama Islam. Akan tetapi bagi orang yang beragama Islam, kalau dia itu orang Islam kesannya dan penerimanya berbeza sedikit. Jadi saya tidak, orang kata *prejudge* apa-apa. Biar kita selesai dulu sama ada budak ini Islam ataupun tidak. Kemudiannya kalau perkara kedua, itu mungkin ada *mitigating factors* atau yang lain, yang akan diambil kira.

Akan tetapi, saya ingat tidak mengapa tetapi saya setuju dengan Yang Berhormat. Tidak bolehlah pukul budak begitu semua. Akan tetapi, biar kita siasat yang ini dulu. Kemudian kita siasat juga perkara yang...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Laluan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat hendak apa lagi?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, perkara yang sama.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapa Yang Berhormat, saya sudah jelaskan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Saya cuma, masalah isunya...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat, saya ingat perkara ini sudah bangkit dan Yang Berhormat Kuching pun dah bangkitkan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri. Walaupun dia beragama Islam...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apa, itu pandangan Yang Berhormat sahaja.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Tidak. Walaupun dia beragama Islam, dia membawa makanan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebab kita perlu selesai dahulu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bukan dia patut dipukul.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Raja. Yang Berhormat Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita serahkan kepada penyiasatan terlebih dahulu...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Berikan penjelasan, bukan itu caranya Islam *deal* dengan orang yang melakukan kesalahan. [*Dewan riuh*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Barulah kita bercakap, ini yang kita putuskan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penjelasan bilakah TV Al-Hijrah akan bersiaran ke seluruh negara.

■1530

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu dengan Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dimaklumkan setakat ini TV Al-Hijrah diluluskan...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: ...lima stesen pemancar yang boleh membuat liputan siaran di sekitar 45% penonton di negara ini. Lokasinya adalah seperti berikut:

- (i) Gunung Ulu Kari bagi liputan di sekitar Lembah Klang;
- (ii) Bukit Tinggi, Mersing bagi siaran sebahagian Johor;
- (iii) Bukit Besar kuala Terengganu bagi siaran sekitar Terengganu;
- (iv) Gunung Serapi bagi siaran sekitar Kuching; dan
- (v) Bukit Keratong bagi siaran sekitar Kota Kinabalu, Sabah.

TV Al-Hijrah juga telah memohon enam lagi stesen pemancar untuk meluaskan liputannya. Sekiranya diluluskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, siarannya akan meliputi 90% penonton di negara ini. Lokasi stesen yang dipohon adalah seperti berikut:

- (i) Bukit Pelindung bagi liputan di Pahang;
- (ii) Bukit Telapak Buruk bagi liputan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor;
- (iii) Gunung Jerai bagi liputan di Kedah;
- (iv) Gunung Kledang bagi liputan di Perak;
- (v) Telipot, Kota Bharu bagi liputan Kelantan; dan
- (vi) Gunung Ledang bagi liputan di Johor Selatan.

Yang Berhormat Ledang, ini berkenaan dengan Tabung Haji. Sistem pengagihan kuota.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Menteri, boleh saya tanya apakah Yang Berhormat Menteri nanti akan menjawab secara lisan isu berkenaan SPR, isu berkenaan...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak sampai lagi Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mahu tanya dia akan jawab secara lisan atau tidak *Select Committee Parliament* dan isu berkenaan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor Mahkamah Khas. Apakah akan dijawab secara lisan nanti?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita akan tamat pada 7.30 petang dan saya telah maklumkan kepada Tuan Pengerusi iaitu saya kana tamat pada 5.30. Kita ada lagi dua jam. Jadi, habis ini saya kena terus pergi kepada portfolio saya dan juga termasuk Parlimen tadi, ya. Kita ada dua jam dan saya fikir akan sampai ke situ, kalau tidak kacaulah.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat Menteri.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan, sedikit.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat tolonglah. *Please I want to proceed to finish this.*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *I will.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Lagi pun ini sebenarnya bukan portfolio saya. Kalau tanya pun saya tidak boleh hendak jawab. Perlu rujuk juga kepada...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *No*, berkaitan dengan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya?

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Berkaitan dengan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sebentar dahulu, selepas ini. Saya habis ini *you are the first*, okey. Ini kerana saya simpatilah di Perak ini belum selesai lagi, ya. Hah! Itu Yang Berhormat Beruas sudah pandang dengan cermin mata begitu, pandang. *[Ketawa]*

Sistem pengagihan kuota. Yang Berhormat Ledang membangkitkan isu agihan kuota mengerjakan haji yang tidak mempunyai sistem yang memuaskan hati semua pihak. Beliau ingin tahu bagaimana boleh berlaku seseorang itu boleh mengerjakan haji lebih sekali. Adakah bakal jemaah haji yang telah membuat suntikan pelalian tetapi saat akhir beliau tidak dapat pergi menunaikan haji. Mohon penjelasan. Oleh itu, dicadangkan supaya Tabung Haji ada sistem yang lebih sistematik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kesungguhan Tabung Haji telah mempunyai sistem dalam menentukan kelayakan seseorang untuk terpilih menunaikan fardu haji. Sistem ini dinamakan sistem pendaftaran haji terbuka. Di bawah sistem ini umat Islam Malaysia digalakkan merancang dan mendaftar lebih awal untuk pemergian haji mereka dan tidak hanya mendaftar pada tahun semasa atau menghampiri musim haji dengan harapan untuk pergi pada tahun semasa.

Di bawah sistem ini, mereka yang mendaftar lebih awal mendapat peluang pergi haji lebih awal atau dengan kata lain yang mendaftar dahulu, didahulukan. Oleh kerana keupayaan pergi haji ini kini dihadkan oleh kuota haji yang telah disepakati oleh semua negara OIC sejak tahun 1981, maka jumlah pendaftaran haji juga telah disusun mengikut jumlah kuota umat Islam Malaysia iaitu 26,000 orang bagi setiap tahun atau 0.1% daripada jumlah penduduk negara. Permohonan telah dikemukakan oleh Kerajaan Arab Saudi supaya meningkatkan kuota Malaysia kepada 28,000 berdasarkan jumlah penduduk yang kini berjumlah 28 juta orang. Kini, susunan 26,000 orang setiap tahun telah pun siap dibuat untuk 23 tahun ke hadapan.

Berdasarkan jumlah pendaftaran yang diterima dan berpandukan prinsip yang mendaftar dahulu didahulukan. Berdasar perangkaan jemaah haji mengikut negeri bagi tahun-tahun kebelakangan, jumlah pendaftaran haji yang telah disusun ini adalah bersesuaian dengan taburan penduduk Islam Malaysia mengikut negeri. Ringkasnya, jumlah pendaftaran haji yang telah diterima dari negeri-negeri adalah melambangkan jumlah umat Islam di negeri itu di mana secara lazimnya negeri yang mempunyai jumlah umat Islam yang ramai mempunyai jumlah pendaftaran haji yang tinggi berbanding negeri-negeri lain, oleh itu tidak wujud keperluan untuk mengadakan kuota bagi setiap negeri. Tabung Haji komited untuk meningkatkan peluang kepada umat Islam yang kali pertama mahu menunaikan fardu haji.

Untuk itu, mulai tahun 2010 ini, Tabung Haji telah menguatkuasakan larangan mendaftar haji kepada mereka yang baru pulang dari menunaikan fardu haji. Ini bermakna mereka yang telah pergi haji pada tahun lepas tidak boleh membuat pendaftaran baru kecuali selepas tempoh lima tahun. Ini adalah syarat yang diperketat berbanding syarat sedia ada iaitu tidak boleh tunai

haji dalam lima tahun. Namun demikian, terdapat sejumlah kecil yang diberi kelonggaran khususnya yang berkaitan dengan keadaan-keadaan berikut:

Kerana mengiringi mahram yang terpilih pada tahun semasa atau kerana mengiringi warga tua yang diberi keutamaan pada tahun semasa.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: [*Bangun*]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Berdasarkan garis usia yang tertentu yang diputuskan oleh tahun berkenaan atau pun bertugas. Tabung haji juga telah mewujudkan dasar menghalang mereka di bawah umur lima belas tahun daripada menunaikan fardu haji. Tujuannya ialah untuk meningkatkan peluang pergi haji kepada umat Islam yang telah berumur lanjut berbanding yang belum baligh. Dasar ini telah dilaksanakan secara berperingkat pada tahun ini dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada tahun hadapan.

Merujuk kepada persoalan bakal jemaah haji yang telah mendapat suntikan tetapi tidak dapat pergi menunaikan haji, dimaklumkan bahawa jemaah tersebut di dalam jemaah haji yang dikategorikan sebagai jemaah *standby*. Tabung Haji sentiasa melaksanakan pelan kontingensi sebagai satu langkah untuk mengisi sebarang kekosongan yang ada pada saat-saat akhir. Sehubungan dengan itu, ada jemaah yang telah mendapatkan suntikan sebelum mendapatkan surat pengasahan terpilih untuk menunaikan haji pada tahun ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kalabakan bangun Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ada membangkitkan tentang kuota Tabung Haji kerana saya lihat ada ketidakadilan dijalankan oleh menteri agama kerana kita lihat ada beberapa rakyat yang tiap-tiap tahun dia boleh naik haji.

Jadi, kita mahu satu sistem seperti Yang Berhormat Menteri katakan tadi bahawa mereka mesti sistem yang baru diperkenalkan iaitu selepas lima tahun kerana dahulu tidak ada sistem ini. Jadi, rakyat di seluruh negara, mereka ini melihat televisyen. Ada yang beberapa kali mengatakan kita telah naik haji tiga atau empat kali. Jadi, rakyat marah kepada kita.

Jadi, saya sebenarnya bukan apa, ada rakyat yang umurnya barangkali 60 lebih tahun. Dia disuruh tunggu sepuluh tahun. Sampai bila dia mahu tunggu? Kalau bererti begini, mungkin kalau dia tidak panjang umur dia tidak naik haji. Jadi, apa yang saya cadangkan mungkin yang sudah tua yang belum pernah naik haji, janganlah diberi untuk tunggu giliran. Berilah giliran kepada orang yang telah tua. Ini kerana kalau tidak, dia tidak akan dapat menunaikan fardu. Saya minta kalau boleh ada keadilan. Bukannya bermasalah kalau sudah keadilan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Yang Berhormat Menteri dia tidak ada keadilan. Apabila kita jumpa, dia pura-pura dan kata telah beri, telah beri, telah beri. Jadi, bagaimana begini? Jadi, kita mintalah supaya Yang terhormat Menteri memberi keadilan kepada kita. Ini kerana minta maaf sahaja Yang Berhormat Menteri. Ini kerana yang menjaga Tabung

Haji ini mungkin lain daripada Yang Berhormat Menteri. Jadi, kita minta supaya *message* ini disampaikan. Banyak masalah Tabung Haji. Akan tetapi kita tidak mahu luahkan kerana kita tidak ada masa dalam Dewan ini. Minta tolong. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi dan kita ambil maklum. Saya sendiri akan maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri apabila dia pulang nanti tentang ketidakpuasan hati di kalangan Ahli-ahli Parlimen berkenaan dengan perjalanan Tabung Haji ini. Saya fikir itu sahaja untuk Agama Islam dan saya minta Yang Berhormat Ipoh Barat bercakap.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya minta satu penjelasan, ya. Saya baru dapat Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Saya mahu minta...

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat beri jalan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat dahulu Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri minta saya jelaskan isu tadi sebelum ke isu lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kemudian, selepas Yang Berhormat Ipoh Barat Yang Berhormat.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Ya, baik. Okey.

■1540

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Menteri, saya ada pada tahun 2009 membangkitkan satu perkara dengan Yang Berhormat mengenai penukaran agama dan selepas itu Kabinet telah menubuhkan satu *committee* khas untuk meneliti adakah undang-undang perlu diubah supaya kita selaraskan isu tersebut. Sesi kedua selepas itu Yang Berhormat Menteri perkara itu telah dirujuk kepada Raja-raja Melayu untuk mendapatkan pandangan mereka dan satu keputusan akan dibuat oleh Kabinet. Memandangkan perkara ini satu perkara yang serius dan berlarutan di negara ini dan kita kerap kali menghadapi kes penukaran agama *snatching of bodies* dan ibu, bapa dan anak diheret ke mahkamah, bermacam-macam keputusan. Mahkamah Tinggi memutuskan okey, Mahkamah Rayuan memutuskan tidak boleh, Mahkamah Persekutuan memutuskan okey dan selepas itu kembali Mahkamah Tinggi.

Saya sendiri ada mempunyai kes sedemikian dan saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberitahu pertama dari jangka masa apakah satu keputusan dapat diberikan dan kedua adakah keputusan dan *political will on behalf of* kerajaan, supaya satu keputusan yang muktamad dan munasabah kepada semua masyarakat dilaksanakan dengan seberapa segera yang boleh, terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Mohon penjelasan yang sama, Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini terdapat satu kes di Prai, bahawa di mana seorang ibu yang telah bercerai dengan suaminya, dia *convert* menjadi Muslim dan terus menuntut *maintenance or their custody* anak dan banyak kes yang seperti ini, menggunakan agama Islam sebagai satu alat untuk mendapatkan *custody*, jadi saya rasa kita mesti mengadakan satu penyelesaian. Apakah pendapat Yang Berhormat?

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri boleh, satu saya hendak minta penjelasan tentang isu ini, mengikut laporan semalam yang bertarikh 9 September, sebab saya khuatir kita dikelirukan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, sebab di sini Timbalan Menteri Pendidikan membuat kenyataan bahawa budak tersebut dirotan bukan kerana membawa makanan itu, tetapi sebab lain. Saya rasa pandangan Yang Berhormat Menteri agak bernas, siasat dahulu kenapa dia dirotan. Adakah kerana betul-betul seperti yang diputarakan oleh mereka ataupun sebab lain, itu yang saya minta penjelasan agar tindakan yang wajar diambil agar berlaku keadilan kepada pihak sekolah dan juga keluarga budak tersebut, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pertama Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu lah, kita tidak mahu menuding jari kepada sesiapa hasil daripada apa yang berlaku di Sarawak itu, sebab itu adalah elok kalau kita membenarkan agar pihak yang bertanggungjawab untuk menyiasat dan kemudian memaklumkan kepada orang ramai apakah sebenarnya yang telah berlaku, itu saya akan pasti akan dilakukan.

Berkenaan dengan Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Bukit Mertajam, sememangnya Jemaah Menteri memahami masalah yang dihadapi disabitkan oleh penukaran agama ini. kadang-kadang bukan semualah, kadang-kadang sengaja dijadikan supaya untuk mendapatkan, ada kerana perebutan anak-anak dan sememangnya kita merasakan bahawa adalah tidak elok kalau sekiranya agama Islam itu digunakan untuk tujuan yang lain selain daripada kepercayaan kepada agama itu. Namun dalam hal ini, kita terpaksa juga merujuk kepada *rulers of conference*, kerana kita semua tahu bahawa apa juga perkara yang ada kaitan dengan agama ini adalah merupakan perkara yang terletak di bawah *rulers conference*. Sebab itu kalau kita lihat sekolah-sekolah agama, tidak boleh diambil alih oleh *ministry*, kementerian tetapi diletakkan di bawah negeri dan banyak perkara-perkara yang lain lagi.

Jadi, perbincangan akan terus berjalan sehingga kita akan dapat meyakinkan kepada pihak *rulers conference* iaitu tentang bahayanya Islam digunakan bagi tujuan yang lain, itu pertama. Yang kedua, sudah tentu kita tidak mahu perkara-perkara begini boleh mendatangkan perasaan kebimbangan di kalangan orang-orang yang bukan beragama Islam apabila berlaku penceraian dan perkara seperti ini tidak dapat diselesaikan dan bukan itu sahaja, kadangkala mereka melarikan diri daripada tanggungjawab semata-mata memeluk agama Islam, itu pun ada. Kita faham tentang tanggungjawab keluarga yang ditinggalkan oleh orang yang telah

menukar agama ini, tetapi Yang Berhormat, mudah mata memandang tetapi berat bahu yang memikul. Saya tidak boleh hendak...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, jangan pukul saya sekejap lagi saya akan bagi jalan, okey. Jadi sekejap-sekejap, ini satu perkara yang cukup sensitif yang saya sendiri pun tidak boleh hendak memberikan jaminan iaitu dalam masa dua tiga bulan boleh diselesaikan, *yes dengan izin I know is a big problem but...*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Already more than one and a half year.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *I know, I know* kita faham. Saya kira juga mengapa tidak boleh kalau kumpulan-kumpulan yang bukan beragama Islam menerusi persatuan agama mereka boleh juga pergi menghadap Majlis Raja-raja untuk menyatakan pendirian kumpulan ini seperti katalah Hindu Sangam, Roman Katolik punya ini apa salah? Kerana ini walaupun mereka bukan beragama Islam tetapi ada rakyat yang duduk di bawah *the Fountain of Justice* naungan Sultan-sultan, saya ingat dia akan dapat membantu kita juga kalau sekiranya kumpulan-kumpulan seperti ini menghadap Tuanku Sultan, kerana ini adalah *genuine problem* yang perlu kita selesaikan dan tidak boleh diletak atau disapu di bawah permaidani. Jadi saya pernah mencadangkan kepada Datuk A. Vaithilingam iaitu Ketua kepada Hindu Sangam, saya kata mungkin boleh bantu kita kalau sekiranya mereka membuat permohonan untuk menghadap setiap Raja-raja Melayu di negeri yang mana mereka menjadi Sultan, ini akan membantu.

Saya percaya kalau, kerana kita kena ingat jika dia dinasihati oleh satu kumpulan sahaja maka dia tidak dapat mendengar pandangan daripada kumpulan yang lain, jadi saya kira ia akan membantu kalau kumpulan-kumpulan seperti ini juga. Saya kata tadi *the moderate must seeks for opportunities, comes forward and do our part*, saya faham dan tahu tetapi luar dan semua Menteri-menteri pun tahu, Perdana Menteri juga tahu. Malah saya membuat kenyataan, disuruh membuat kenyataan saya buat, tetapi kita terpaksa tarik balik kerana tidak mendapat persetujuan.

Ini perkara benar saya tidak mahu tipu di sini perkara yang benar kerana mereka mahu melihat kembali sebelum Kerajaan Pusat boleh membuat keputusan walaupun pada pandangan Kerajaan Pusat bahawa perkara-perkara yang dilakukan oleh seorang yang bukan beragama Islam, sebelum dia memeluk agama Islam, kita berpandangan bahawa apa yang dilakukan sewaktu dia bukan beragama Islam itu, tidak boleh diambil kira sebagai satu fakta yang boleh membuat keputusan berkenaan dengan keislaman dia. Maknanya kalau dia bernikah dengan isterinya yang lama mengikut agama Hindu, itu dilakukan sewaktu dia bukan beragama Islam, jadi pada pandangan kita itu luar daripada tanggungjawab Raja-raja sebab perbuatan itu dilakukan sewaktu dia bukan beragama Islam. Akan tetapi pada tarikh dia memeluk agama Islam daripada tarikh itu ya, tetapi ini juga tidak mendapat penerimaan, mungkin hanya nasihat diterima

oleh satu pihak sahaja tetapi kalau kumpulan seperti Hindu Sangam, Roman Katolik, Kristian Malaysia berjumpa dengan Tuanku dan memberikan penjelasan saya rasa ini akan dapat membantu kita mencari satu penyelesaian yang muktamad dalam perkara ini, ya Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri, saya cukup menyanjung kewajaran dan kebijaksanaan Menteri yang berucap di atas semangat yang mahu mewujudkan apa yang pada akhirnya dapat kita saksikan di Malaysia ini satu amalan agama yang cukup bertanggungjawab.

■1550

Justeru kerana itu juga saya menyambut pandangan Yang Berhormat Menteri untuk kita terus menangani isu yang telah – kalau dengan izin boleh saya sebutkan, *the legal conundrum* akibat daripada pindaan yang semua kita tahu tentang 121(b) itu, lalu atas semangat itulah saya sebentar tadi sebelum daripada *recess* tadi mengangkat perkara ini atas semangat itu supaya jangan diambil isu-isu seperti ini yang punya potensi dan punya risiko *religious hotline* seperti ini digarap dengan satu pendekatan *religious extremism* ataupun *bigotry* kerana ini tidak bertanggungjawab.

Saya cukup menyanjungi kalau perkara ini terus ia ditangani dengan kebijaksanaannya, kewajarannya seperti mana yang dimahukan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Yang Berhormat Menteri, saya hendak minta penjelasan. Saya terlibat sendiri secara langsung dengan perbincangan berkaitan dengan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam ini, berkaitan dengan kemasukan oleh pasangan-pasangan bukan Islam ke Islam, kemudiannya berlaku pertikaian berkenaan dengan hak penjagaan anak dan lain-lain.

Sebenarnya penjelasan yang saya pohon daripada Yang Berhormat Menteri - perkara ini kita bincang lama sebenarnya dan Peguam Negara telah pun menubuhkan jawatankuasa khas membincangkan isu ini dan beberapa pandangan dan cadangan telah diberikan. Cuma yang saya hendak tahu, apakah status cadangan-cadangan tersebut yang telah pun kita berikan untuk pinda beberapa perkara untuk mengambil kira faktor-faktor atau masalah yang dibangkitkan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ucap berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Selangor. Saya mengharapkan iaitu lebih ramai lagilah Ahli-ahli Parlimen khususnya yang beragama Islam memahami tentang sensitifnya perkara ini dan juga kepada Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu. Status terakhirnya seperti yang saya perelaskan sebentar tadilah. Akan tetapi apabila dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ipoh Barat dan Yang Berhormat Bukit Mertajam, bermakna ia masih lagi di peringkat belum ada keputusan daripada

pihak *the Rulers Conference*. Itu masih lagi di situ. Jadi, usaha untuk mendapat penyelesaian ini diteruskan lagi dan saya kira *insya-Allah* akhirnya satu keputusan boleh diambil kalau sekiranya seperti saya cadangkan tadi, kumpulan-kumpulan bukan Islam ini berjumpa, menghadap Tuanku. Saya percaya sebagai Raja yang adil, Raja yang berdaulat, sudah tentu mereka juga akan mengambil kira kepentingan rakyat mereka yang bukan beragama Islam.

Saya hendak – mana Yang Berhormat Batu Gajah?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada? Kalau Yang Berhormat Batu Gajah tidak ada, saya jawab yang lain dahulu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat kata bab agama Islam, bab JAKIM ini habis sudah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Habis sudah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Habis ya?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya ada bangkit bab JAKIM ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Banyak dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Beliau kata bab JAKIM sudah habis. Saya ada bangkit bab JAKIM sebab JAKIM terlibat sebagai urus setia kepada Majlis Hari Raya Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Jamil Khir yang diadakan di tapak pasar tani di belakang Masjid Sayidina Hamzah pada 27 September. Oleh sebab itu saya tanya berapa banyak kos majlis hari raya tersebut.

Kemudian, ada dikatakan bahawa ada sumbangan kepada fakir miskin, kepada anak yatim. Berapa sumbangan tersebut? Kemudian, saya juga bertanya berkaitan dengan satu Yayasan Taqwa di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Jadi, berapa banyak Yayasan Taqwa yang menyumbang kepada JAKIM, kepada apa-apa bentuk sepanjang tahun ini khususnya pada majlis hari raya tersebut. Itu saya minta. Maklumat *detail* ini penting.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kalau begitu – pegawai saya ada, saya minta dia beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat ya.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tanya kelmarin lagi, bukan baru hari ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudahlah. Mungkin tidak sempat, jadi jawapan tidak ada di sini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ha! Tidak sempat. Pasal apa tidak sempat. Kelmarin bukan baru la.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yalah. Tidak mengapalah. Saya ingat mungkin...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu daripada belakang. Mereka terlupa ini. Yang Berhormat pun tidak semak tadi ini. Angin-angin petang ini begitulah. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ada, ada. Dalam fail tidak ada. Okey. Yang Berhormat Pokok Sena, mengenai majlis sambutan Aidilfitri di hadapan rumah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, ingin penjelasan perbelanjaan terlibat oleh JAKIM, sumbangan kepada anak-anak yatim, berapa ramai dan berapa banyak perbelanjaan keseluruhan.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia tidak mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi majlis tersebut. Pada majlis tersebut, sumbangan telah disampaikan kepada anak-anak yatim, warga tua, ibu-ibu tunggal dan orang kurang upaya (OKU). Seramai 269 orang hadir daripada 300 orang yang dijemput. Jumlah keseluruhan sumbangan yang disampaikan adalah RM26,900. Perbelanjaan keseluruhan bagi majlis berkenaan adalah sebanyak RM180,204.80. Itu dia.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: RM180,000 itu belanja apa? Belanja hari raya kah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Keseluruhan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Keseluruhan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini bermakna campur dengan RM26,000, campur makanan, semualah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya. Cuma saya hendak tahu, peruntukan-peruntukan melalui apa?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudah tentu jawapan di sini bukan daripada JAKIM.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh beritahu mana sumber yang membiayai majlis hari raya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh saya berjalan. Jawapan mari saya jawablah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu yang penting. Saya hendak tahu juga bahawa sumbangan kepada fakir miskin itu daripada sumber mana sampai RM26,900 itu? Saya tidak larang beri kepada fakir miskin, anak yatim, OKU, kepada ibu tunggal dan sebagainya. Akan tetapi kita hendak tahu sumber itu daripada mana? Adakah ia ada kaitan dengan sumbangan daripada Yayasan Taqwa yang merupakan yayasan yang mengumpulkan sumber zakat di dalam Yayasan Taqwa itu? Itu kita hendak tahu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya. Okey. Tidak mengapa. Saya ingat saya terus jawapan dahulu. Akan tetapi satu saya boleh jawablah, bukan daripada *race* kuda punya. Bukan. Sudah tentu itu. Sumbangan itu. [*Dewan riu*] Tidak. Yang itu saya berani cakap daripada mana.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betullah itu. Saya hendak tahulah. Bukan itu tetapi ia membabitkan JAKIM menjadi urus setia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Faham, faham.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: JAKIM menjadi urus setia. Jadi, saya pun hendak tahu daripada mana. Jadi, kalau bukan duit JAKIM, duit siapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itu kita hendak tahu. Duit siapa? Kalau bukan duit daripada kuda, kita hendak tahu duit siapa?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Adakah duit zakat orang ramai dibuat untuk majlis hari raya?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Adakah duit zakat dibuat majlis hari raya untuk seorang Menteri. Itu tidak boleh juga walaupun bukan duit kuda.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Oleh sebab itu saya kata tunggulah. Yang saya boleh cakap dengan penuh keyakinan...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita tidak tahu. Mungkin ada pegawai JAKIM pun berasa tidak puas hati. Saya tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Memang bukan daripada duit kudalah. Jadi kita tunggu, lihat jawapan daripada mana.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi adakah ia merupakan duit daripada sumber zakat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapa. Kita tunggu jawapan. Tuan Pengerusi, seterusnya saya pergi kepada AG's Chambers. Yang Berhormat Balik Pulau telah membangkit tentang *check and balance* kuasa pendakwaan Peguam Negara.

Tuan Pengerusi, di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, sememangnya kuasa bagi memulakan sesuatu pendakwaan terletak hak kepada Peguam Negara yang juga merupakan Pendakwa Raya. Kalau kita lihat keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Long bin Samad and others vs Public Prosecutor* tahun 1974, 2MLJ152 diputuskan bahawa dengan izin, "*The Federal Constitution gives the Attorney General a wide discretion over the control and direction of all criminal prosecutions. Not only may he constitute and conduct any proceedings for an offense, he may also discontinue criminal proceedings that he has instituted*

and the courts cannot compel him to institute any criminal proceedings which he has decided to discontinue.” Itulah kuasa yang luas dan adalah tidak dinafikan bahawa kuasa menentukan pendakwaan sesuatu kes jenayah terletak hak kepada Pendakwa Raya dan kuasa tersebut juga tidak boleh dipersoalkan oleh mahkamah.

Namun begitu, dalam kes *Johnson Tan Han Seng vs Public Prosecutor and other appeal* 1997, 2MLJ66, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa dengan izin,

■1600

“The Attorney-General is in touch with the police and other investigating agencies, and he has information not available to the courts and on which to base his decision on whether or not to prosecute and if so on which charge.”

“In deciding that the Attorney General is not constrained by Article 8 when deciding whether or not to prosecute and if so on what charge, whether a lesser or a greater one, it must not be thought that he may act dishonestly. The public of whose interest he is the guardian has a right to expect him to act honestly, without fear of powerful national and local figures or of the consequences to him personally or politically, and without favoring his relatives and friends and supporters, his principal concern being to maintain the rules of law so that there will be no anarchy and to maintain standards in public life and the private sector, and if he did not do his duty honestly and properly the public would be able to show their disapproval not however in the courts but elsewhere and in the last resort by voting against the party of which he is a member.”

Walaupun pendakwa raya mempunyai budi bicara yang meluas dalam menentukan pendakwaan di mahkamah, budi bicara tersebut tidaklah tanpa kawalan. Pendakwa raya adalah bertanggungjawab kepada Jemaah Menteri bagi pihak eksekutif dalam menjalankan kuasa dan budi bicaranya. Oleh itu, pendakwa raya tidak boleh dikatakan mampu bertindak sewenang-wenangnya.

Tambahan pula, sekiranya terdapat sebarang aduan terhadap pelaksanaan kuasa dan budi bicara pendakwa raya ataupun timbalan pendakwa raya, orang awam masih boleh membuat aduan kepada Biro Pengaduan Awam yang bertanggungjawab untuk meneliti semua bentuk aduan yang dikemukakan oleh orang ramai terhadap tindakan mana-mana pihak di dalam perkhidmatan awam.

Selain daripada itu, terdapat juga mekanisme lain yang boleh mengimbangi kuasa pendakwa raya di mana apa jua tindakan dan kenyataan pendakwa raya kepada masyarakat umum adalah terdedah kepada tindakan sivil. Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan pendakwa raya adalah tidak terhalang dari memfailkan apa jua tuntutan ke Mahkamah Sivil.

Yang Berhormat Bukit Gelugor minta penjelasan berkenaan dengan bidang kuasa Mahkamah Khas dan prosedur rayuan bagi kes-kes di Mahkamah Khas. Adakah prosiding di Mahkamah Khas dijalankan secara terbuka dan apakah tindakan yang boleh diambil ke atas Ketua Hakim Negara jikalau beliau melakukan salah laku.

Untuk makluman Yang Berhormat, menurut Perkara 182(4) Perlembagaan Persekutuan, sememangnya Mahkamah Khas mempunyai bidang kuasa yang sama seperti kuasa-kuasa yang terletak pada mahkamah-mahkamah bawahan – Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Persekutuan. Oleh yang demikian, Mahkamah Khas mempunyai bidang kuasa untuk mendengar bukan sahaja kes-kes sivil tetapi juga boleh mendengar kes-kes jenayah. Menurut Perkara 182(6) Perlembagaan Persekutuan, keputusan yang diambil oleh Mahkamah Khas adalah muktamad dan konklusif serta tidak boleh dicabar atau dipertikaikan dalam mana-mana mahkamah atas apa jua alasan.

Jadi itulah jawapan berkenaan dengan Mahkamah Khas. Menurut Peraturan 14...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sekejap ya, saya habiskan. Menurut Peraturan 14A Kaedah-kaedah Mahkamah Khas, semua prosiding di Mahkamah Khas hendaklah dikendalikan secara tertutup – *in camera*. Maknanya tidak terbuka. Hanya tiga pihak sahaja yang dibenarkan hadir iaitu:-

- (i) Anggota dan pegawai Mahkamah Khas;
- (ii) peguam, saksi-saksi dan mana-mana pihak yang terlibat secara langsung; dan
- (iii) mana-mana orang lain yang diberi kebenaran secara khusus oleh Mahkamah Khas untuk hadir.

Berhubung dengan tindakan yang boleh diambil terhadap Ketua Hakim Negara, di bawah Perkara 125(3) Perlembagaan Persekutuan di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong sekiranya Ketua Hakim Negara melakukan apa-apa salah laku.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Implikasi peruntukan 14A *Rules of the Special Court (Amendment) 2010* yang berkuat kuasa pada 18 Januari tahun ini yang berbunyi,

“Notwithstanding any written law or rules of court and subject to subrule 20(1), the hearing of any proceeding in the Special Court shall be in camera.”

Apa yang dikecualikan adalah apabila keputusan diberi. Apabila keputusan diberi, tidak ada mahkamah tertutup dalam mahkamah terbuka. Ini bermakna satu **secret trust**. Kenapa subjek di *rules* termasuk Yang di-Pertuan Agong untuk mengadakan **secret trust**? Kenapa rakyat tidak diberi peluang untuk menghadiri apabila prosiding dilakukan dalam Mahkamah Khas?

Adakah sebab-sebab yang tertentu untuk membawa peruntukan 14A dalam *Rules of the Special Court 2010*?

Mengenai Ketua Hakim Negara. Tahun ini apa yang ada berkuat kuasa adalah *The Judges' Ethics Committee Act* yang berkuat kuasa pada Mac tahun ini. *Committee* ini ada kuasa untuk mengambil tindakan ke atas *misconduct* yang dilakukan oleh sesiapa termasuk Ketua Hakim Negara dan hukumannya, paling kurang adalah dipecat dari jawatan. Apa yang saya buat baru-baru ini adalah menghantar satu surat kepada Ketua Hakim Negara di mana saya ada menyebut ada *misconduct* oleh dia dan semenjak 20 Ogos sehingga hari ini, saya tidak mendapat apa-apa balasan. Bolehkah saya mendapat penjelasan ke atas kedua-dua perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, yang pertama berkenaan dengan perbicaraan Mahkamah Khas hendaklah dikendalikan secara tertutup, saya rasa Tuan Pengerusi, pada mula yang hendak dibentuk Mahkamah Khas ini, kita melalui satu rundingan yang bukan mudah kerana kita tidak boleh pada ketika itu menafikan bahawa raja-raja atau sultan-sultan ini juga mempunyai kumpulan yang kuat menyokong mereka. Apabila satu Mahkamah Khas hendak diwujudkan untuk membicarakan mereka sekiranya terlibat dalam kes-kes jenayah dan sivil yang sebelum itu kita tidak ada, jadi banyaklah perbincangan dan perundingan yang telah dilakukan. Ia bukan mudah.

Saya terbaca satu artikel lama dahulu tetapi saya masih teringat iaitu mereka sedar bahawa mereka – *they are not above the law*. Kalau mereka melakukan kesalahan, mereka boleh didakwa sama ada jenayah ataupun sivil, seperti yang telah pun berlaku kepada mereka. Dia minta supaya perbicaraan itu dilakukan secara *in camera* oleh kerana kedudukannya itu. Jadi sesuai dengan kebesaran dia dan dia sebagai Sultan – namun Sultan pun manusia biasa juga, ada melakukan kesilapan.

Oleh sebab itu ada permintaan daripada pihak mereka supaya kalau boleh, perbicaraan itu biarlah dilakukan secara tertutup tetapi keputusannya diumumkan. Keputusannya mesti diumumkan. Keputusan juga tidak boleh disembunyikan. Itulah yang berlaku. Perbincangan dan akhirnya sampai kata putus kita setuju. Walaupun saya hendak beritahu ramai di kalangan pemimpin-pemimpin juga merasakan *it should be open trial* tetapi Yang Berhormat Bukit Gelugor, mudah kita memandangi tetapi hendak memikul tanggungjawab bukan senang.

Akhirnya kita kompromilah iaitu perbicaraan itu dijalankan secara tertutup kerana orang yang mendakwa itu hadir sama. Dia akan tahu apa yang berlaku di dalam mahkamah itu.

■1610

Akan tetapi keputusan mesti diumumkan kepada khalayak ramai. Tidak boleh kata perbicaraan berjalan kemudian keputusan juga tidak diberitahu kepada rakyat. Itu tidak boleh. Jadi ini susah hendak jawab Yang Berhormat Bukit Gelugor. Cuma maknanya sampai kepada kompromi bicara tetap bicara tetapi permintaan supaya *in camera* itu kita benarkan kerana dalam

perbicaraan ada kes-kes tertentu yang dilakukan *in camera*, kes rogol dan macam-macam lagi. Jadi saya ingat saya hanya boleh jawab begitu. Lebih daripada itu agak sukar untuk saya hendak menjawabnya. Berkenaan...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan, penjelasan. Implikasi *Rule 14A of this rule for this Special Court* adalah bukan atas permintaan sesiapa tetapi tetap *all proceedings shall be incorporate except they announce of the decision of judgment*. Apa rasional untuk mengadakan semua prosiding *in camera*. Ini bukan permintaan ke atas mana-mana pihak tetapi tetap *all proceeding shall be in camera*. Kenapa ada perbezaan daripada mahkamah-mahkamah yang biasa? Kenapa macam ini? Adakah Majlis Raja-Raja mengetahui implikasi dan *consequences* peruntukan ini? Apa yang diberi sebagai penjelasan tadi oleh Yang Berhormat Menteri tidak boleh di *rationalize* dengan izin. *I can't understand why all proceedings where royalty is consent must be in camera. Not at that request but is required by law to be in camera except that decision is announced in open court. I have answers which are reasonable, acceptable and logical. Could I have them* dengan izin.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya bercakap bukan saya mengatakan iaitu bahawa undang-undang sekarang ini boleh memberikan pilihan. Ia tetap *must be done in camera* tapi apa yang saya cakap ini sebelumnya undang-undang ini hendak diputuskan. Apabila kita hendak memutuskan iaitu okey mahkamah ini perbicaraannya hendaklah terbuka. Sebelum kita buat undang-undang itu ada berlaku perundingan sebelum dan saya maksudkan permintaan itu ialah permintaan sebelumnya kita memperaktakan ini. Saya bukan cakap iaitu bahawa sekarang mereka ada pilihan, tidak ada. Dia tidak ada pilihan. *There is no request*. Sememangnya mesti diadakan *in camera* dengan izin. *What I'm trying to say is that before enact the law* apa undang-undang pun sebelum kita *enact* mesti ada perundingan dengan *stakeholders*. Kalau kita hendak meminda akta *Legal Profession Act* ada perundingan dengan *Bar Council* macam mana kalau kita buat macam ini. Ada perundingan. Ini yang saya maksudkan sebelumnya enakmen undang-undang ini ada permintaan seperti jangan perbicaraan itu dilakukan terbuka. Implikasinya pada ketika itu dia ceritalah, dia Sultan, macam-macam. Apabila *public* dapat tengok mungkin akan merendahkan kedudukannya dan macam-macam lagilah. Jadi kita ambil kira itulah.

Oleh sebab itu maka kita *enact* akan peraturan 14A - Kaedah-kaedah Mahkamah Khas supaya dia punya perbicaraan tidak dilakukan secara terbuka. Itu sahaja. Nama pun Mahkamah Khas tapi kalau Yang Berhormat Bukit Gelugor tidak setuju, tak apa pun, saya tidak boleh memberi alasan yang lain melainkan apa yang saya tahu dan ini sudah pun menjadi undang-undang. Saya boleh faham *you are not satisfied* dan saya percaya ramai juga *not satisfied but that is the law* sehingga kalau kita *enact* tapi sehingga pada hari ini kedudukannya ialah perbicaraannya mestilah *in camera*. Sudah nama pun Mahkamah Khas. Jadi adalah *special*

sedikit daripada mahkamah-mahkamah lain. *I cannot give you any further explanation which may satisfy you* punya kehendak. Itu jawapan saya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan dengan izin. *Was the royalty consulted before the introduction of rule 14A into the rule of this Special Court 1994?* Adakah Majlis Raja-Raja bersetuju dengan kemasukan 14A dalam peraturan-peraturan ini? Kadang-kadang ada *specific answer* dengan izin. *It's very important.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kira *there is a request* semasa sebelum. Kalau tidak apa yang menyebabkan kita buat satu undang-undang perbicaraan terbuka. Sudah tentu ada permintaan daripada pihak *Rulers Conferences*. Itulah kita pertimbangkan. Kalau tidak mudah kalau pihak *Rules Conference* tidak ada buat *request* kita buatlah secara terbuka tapi masa *pre enactment in discussion* ada permintaan. Jadi sebab itu kita terpaksa kerana pada kita yang lebih penting itu dengan izin *is to install the Special Court and at all cost* macam mana. *That is more important. We can swallow.* Maknanya kalau perbicaraan dijalankan *in camera* kerajaan merasakan boleh terima tapi kita tidak boleh terima kalau keputusannya tidak dimaklum kepada *public*. Ini *special consideration* yang kita beri kepada Mahkamah Khas ini. Kemudian...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dengan izin Tuan Pengerusi *was this rule 14A brought in as a result of the case involving the Ruler of Negeri Sembilan who lost to Standard Chartered Bank in fact on the 15 October 2008. Is it as a result of the lost by the Ruler in that case because he lost faith and their fault, this is the result* dengan izin. *Is that one of the reason?*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: 14A ini 1994.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *14A is 2010.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Introduce in 2010?*

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Amendment, amendment.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *Amendment in 2010?*

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: *Yes.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita bukan kerana itu. Maknanya macam kes Tuan Yang di-Pertua Negeri Sembilan, dia tidak hadir pun kadang-kadang menerusi peguam dia sahaja. Dia tidak hadir dan mengaku salah dan saya sudah sebut tadi kalau *lost face* maknanya rakyat tahu bahawa dia hutang sejuta dan dia kena bayar. Jadi tanpa diadakan perbicaraan tertutup pun dia sudah *lost face*. Jadi permintaan itu dibuat oleh mereka dan kita putuskan okey, tak apa - tapi keputusan mesti diumumkan kepada orang ramai. Akan tetapi sememangnya permintaan itu ialah daripada *Rulers of Conference*.

Itu sahaja yang boleh dijawab Yang Berhormat. Saya tidak fikir iaitu bahawa ini hasil daripada kes dia dan bagaimana pun semua orang tahu dia terhutang budi. Hendak *lost face you* tak payah hadir pun. Bila diumumkan bahawa *you* didapati berhutang sejuta *your lost face already*. Jadi sebab itu dalam perkara ini saya ingin menyatakan iaitu sememangnya permintaan

daripada *Rules In Conference*. Kalau daripada segi kita tidak ada masalah. Sudah tentu permintaan daripada pihak di sana.

■1620

Kemudian, Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan CJ ini. CJ ini kalau kita tengok, yang Bukit Gelugor tulis surat kepada dia, saya ingat aduan ini telah dibuat terhadap dia, kemudian surat dibuat kepada dia. Saya rasa Yang Berhormat buat aduan ini kepada Perdana Menteri lah. Tulis kepada Perdana Menteri kerana kita semua tahu ini *misconduct* terhadap Ketua Hakim Negara hendaklah dibuat kepada Perdana Menteri, saya rasa Yang Berhormat tulis kepada Perdana Menteri.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Minta penjelasan. *That's not the law*, dengan izin. Ketua Hakim Negara boleh dihakimi oleh *the Judges Committee* yang ada dibuat pada tahun 2009 oleh Dewan Rakyat. Ini bukan satu situasi di mana *the consequences, misconduct involving removal* bawah Artikel 125. Ini *less than removal*. Dan dia boleh dihakimi, apa yang saya katakan tadi. *In fact*, dalam seksyen 2, dia ada termasuk dalam perkataan "*a judge*", ia bukan dikatakan Ketua Hakim Negara dan oleh itu, ia tidak termasuk dalam perkataan "*judge*" dalam seksyen 2.

So, apa yang saya hantar adalah mengikut akta itu. Kenapa Ketua Hakim Negara tidak mahu balas walaupun aduan ada dihantar kepada dia dan dia ada mempertimbangkan adakah *prima facie case*? Dalam kes ini, oleh kerana aduan ada dibuat terhadap dia, dia tidak boleh jadi *judge of his own court*. Itu bermakna hakim kanan yang lain ada kuasa untuk mempertimbangkan aduan yang saya buat. Bukan tulis kepada Perdana Menteri. Itu adalah untuk *removal under Article 125*. Ini adalah *less than removal*. Bolehkah saya dapat penjelasan?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya masih mahu pertahankan iaitu bahawa perkara seperti ini yang melibatkan Ketua Hakim, nombor satu, aduan hendaklah dibuat kepada Perdana Menteri kerana sekalipun kita ada *Judges Committee* apa, saya kira setiap hakim kanan ataupun yang bawah daripada yang kanan, yang duduk di situ semuanya ada *conflict of interest*. Itu satu, *conflict of interest* kerana kalau ada sesuatu berlaku kepada Ketua Hakim, maka akan berlaku pergerakan kenaikan pangkat. Jadi, *there is a conflict of interest* di situ. Agak sukar untuk kita.

Walaupun dalam akta mengatakan itu boleh dilakukan tetapi saya kira ini lebih kepada hakim-hakim yang di bawah. Ketua Hakim ini yang dilantik oleh Agong dan atas *recommendation* Perdana Menteri, itulah saya kata agak sukar. Pertamanya kalau *Judges Committee* duduk membicarakan kerana setiap mereka yang terlibat itu ada *conflict of interest* kerana ada *movement*. Kalau sesuatu berlaku kepada dia, maka dia akan mengosongkan jawatan itu, walaupun mungkin keputusan tidak *removal* tetapi kalau sesuatu keputusan dibuat

terhadap seorang hakim, saya rasa *his of life itu, vacate his seat* kalau dia telah didapati bersalah. Itu pertama.

Keduanya, mana berani yang di bawah itu hendak menyiasat bos dia. Jadi saya rasa tidak akan berlaku satu perbicaraan yang *satisfying*lah kalau sekiranya *Judges Committee* membicarakan dia, mendengar kes dia. Tidak apalah, Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tulis surat kepada dia, dia tidak jawab, saya akan tanya selepas ini. Saya akan balik, ada bangkit dalam Dewan ditanya lagi mengapa tidak dibalas surat itu, tetapi saya tetap mencadangkan tulis surat kepada Perdana Menteri.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Adakah ini pendirian Peguam Negara bahawa Ketua Hakim Negara tidak boleh dihakimi oleh *the Judges Committee*? Adakah itu pendirian kerajaan dan pendirian Peguam Negara? Dan adakah Ketua Hakim Negara tidak akan balas atau jawab aduan yang saya buat terhadap dia? Minta penjelasan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya kira saya akan minta pendirian daripada Peguam Negara. Saya sebagai Menteri yang bertanggungjawab kepada undang-undang juga kalau perkara ini berbangkit di dalam Jemaah Menteri, saya selaku Menteri bertanggungjawab, saya *strongly recommend* iaitu *Judges Committee* ini kalau boleh tidak mendengar kes ketua dia. *Certainly*, dengan izin, *conflict of interest* jelas. *Conflict of interest* tetap ada kerana kalau apa-apa berlaku kepada dia, maka ada kekosongan yang akan melibatkan orang lain, *number one*. *Number two*, sudah tentu agak sukar bagi seorang *subordinate* duduk dan hendak memutuskan tentang bos dia.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan. Itu pernah terjadi dalam kes Salleh Abas, ada *precedent*. Akan tetapi ini bukan keadaan seperti itu. Ini adalah keadaan di mana Ketua Hakim Negara oleh kerana dia termasuk dalam perkataan "*the Judge*", dalam interpretasi dalam akta itu, dia boleh dihakimi. Bolehkah saya dapat tahu dia tidak mahu jawab atau dia tidak akan jawab?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang itu, dia tidak akan jawab, saya akan tanya dia sebab saya tidak boleh jawab bagi pihak dia.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Akan tetapi pendirian kementerian adalah dia tidak boleh dihakimi oleh *the Judges Committee*. Adakah begitu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mengikut undang-undang, dia boleh dihakimi, tetapi.. Ya, boleh.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Boleh?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Akan tetapi, cuma macam banyak kes jugalah. Semua kes boleh dihakimi, tetapi kalau didapati bahawa orang yang dituduh itu mempunyai hubungan yang rapat dengan hakim, maknanya tidak boleh juga, *conflict of interest*. Jadi, ini kepada saya, pandangan saya, walaupun mengikut undang-undang memang boleh, tetapi *the element of conflict of interest* itu ada.

Akan tetapi terpulanglah kepada komiti hakim, kalau mereka hendak terus, teruslah tetapi pandangan saya, *conflict of interest*. Serupa juga dengan hakim. Dia memang boleh dengar kes, tetapi kalau dia ada hubungan rapat dengan orang yang dituduh ataupun dia ada hubungan rapat dengan satu daripada plaintifkah, apakah, dia kena *refuse himself* walaupun undang-undang kata dia boleh dengar. Jadi, begitulah juga dalam keadaan begini, memang dia boleh dengar, tetapi apakah tidak terlibat *element of conflict of interest* kerana mereka akan mendapat keuntungan daripada keputusan yang dibuat terhadap Ketua Hakim itu.

Yang Salleh Abas, tidak silap saya, saya memang tidak setuju dengan satu daripada yang bawah itu menghakimi dia, tetapi hakim-hakim lain itu adalah hakim-hakim yang dipanggil daripada luar negara. Ada seorang sahaja yang sepatutnya tidak boleh duduk menghakimi pada pandangan sayalah sebagai dia sudah tentu dapat keuntungan daripada keputusan kalau sekiranya – ini kes Salleh Abas ya – Ketua Hakim itu ditukar. Akan tetapi kita semua tahu, itu satu peristiwa yang hitam dan tidak merupakan satu rujukan yang harus kita sebut sebagai rujukan dalam kes-kes lainlah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan, penjelasan. Apa yang terjadi dalam kes Salleh Abas adalah tidak sama dengan perkara dalam *the Judges Committee* dan dalam aduan yang saya buat. Walaupun ada *conflict of interest*, tetapi ada diperuntukkan boleh dihakimi dan peruntukan itu ada diluluskan oleh Dewan Rakyat dan sudah jadi undang-undang yang berkuat kuasa sekarang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: [Bangun]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tidak habis lagi. Lagi satu, jika pandangan Menteri, ini bermakna mengikut *collective responsibility*, itu adalah pandangan Kabinet dan pandangan Kabinet adalah pandangan kerajaan.

■1630

Oleh itu, adalah berbahaya untuk Yang Berhormat Menteri membuat satu kenyataan yang boleh terikat kerajaan. Ini kerana saya akan membawa kes Ketua Hakim Negara ke mahkamah. Saya beri notis sekarang. Ini kerana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri di sini boleh disebut dalam mahkamah. *So, you got to be very careful Mr. Minister.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya sudah sebut. Itu pandangan saya yang merasakan kalau daripada segi boleh memang boleh, tetapi ada *element of conflict interest*. Kalau sekiranya perkara ini dibawa ke muka Jemaah Menteri, saya akan *argue persuasively* supaya *judges committee* ini tidak mendengar kes dia. Ini kerana saya tidak fikir satu keputusan yang adil itu boleh dicapai kerana *conflict of interest*. Jadi itu pendirian saya.

Berkenaan jawapan surat daripada dia, saya akan tanya kepada dia nanti kerana dia tidak ada di sini dan ia tidak ada hak untuk datang ke sini. Saya akan tanya kepada dia dan sampaikan keputusannya kepada Yang Berhormat Bukit Gelugor, mengapa dia tidak membalas surat Yang Berhormat Bukit Gelugor dalam hal ini.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dalam tempoh berapa hari?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jumaat saya akan ke Kabinet, saya akan *contact* dia. Tidak ada masalah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Lebih daripada empat bulan sekarang.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tiga bulan tidak balas.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, saya akan tanya dia kenapa. Sebab itu saya hendak tanya.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya beri...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mana saya boleh jawab. Saya tidak tahu.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Saya kena tanya pada dia.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya suruh mengatakan dalam Dewan Rakyat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, saya akan tanyalah esok. Tidak mengapalah.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dalam tujuh hari kalau tidak balas, saya akan bawa dia ke mahkamah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada masalah. Sudah beri *signal*.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baik, itu mencukupi. Itu bermakna.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya akan beritahulah kepada dia.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa kes Tun Salleh Abas ini adalah satu peristiwa hitam. Sama ada ini membuktikan bahawa - sebab ini adalah satu peristiwa hitam, justeru kerajaan telah membayar pencen dan juga pampasan berjuta-juta ringgit. Ini membuktikan bahawa kerajaan telah menerima bahawa peristiwa Tun Salleh Abas ini adalah satu *the black history of Malaysian judiciary*. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Betullah itu. Kalau tidak buat apa bayar duit dekat ia. Betullah, betullah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Membayar pampasan lagi. Selepas mereka dapat pencen, bayar pampasan lagi. Akan tetapi hendak sembunyikan pampasan pula.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Itu calon Timbalan Presiden PKR yang buat kerja itu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Oh.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bukan saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Oh, sebelum Yang Berhormat Menteri?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, waktu itu dia ambil alih kerja saya sebab mungkin saya tidak layak jadi Menteri Undang-undang pada ketika itu selama enam bulan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebab itu dia letak jawatan masa itu?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kemudian JPA. Yang Berhormat Tawau mohon menyatakan jabatan dan nama pegawai-pegawai kelahiran Sabah seramai 35 orang ditempatkan di agensi-agensi persekutuan di Sabah.

Tuan Pengerusi, kedudukan penempatan pegawai kelahiran Sabah seramai 35 orang yang menerajui jabatan dan agensi persekutuan adalah seperti berikut:

- (i) Dr. Mohd. Yusof bin Haji Ibrahim, Pengarah Kesihatan Negeri Sabah (JUSA C), Jabatan Kesihatan Negeri Sabah;
- (ii) Yang Amat Arif Jasri @ Nasip bin Mat Jakir, Ketua Hakim Syarie Negeri Sabah (JUSA C), Jabatan Kehakiman Syariah Sabah;
- (iii) Datuk Dr. Haji Muhiddin Yusin - ini bukan Muhyiddin Yassin. Pengarah Pelajaran Sabah (Memangku JUSA C), Jabatan Pelajaran Negeri Sabah;
- (iv) Puan Hajah Siti Aishah binti Mohd. Asri, Pengarah Tenaga Kerja Sabah (JUSA C), Jabatan Tenaga Kerja Sabah;
- (v) Encik Yusof bin Haji Sarangit, Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah (Memangku JUSA C), Perbendaharaan Malaysia Sabah;
- (vi) Tuan Haji Matusin bin Sunsang, Pegawai Kemajuan Negeri (Memangku JUSA C), Pejabat Pembangunan Negeri Sabah;
- (vii) Encik Mahmud bin Haji Amat Shah, Pengarah Wilayah II (A54), Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Sabah;
- (viii) Encik Alexander Yan Sze Wah, Pengarah (C54), Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (Sabah);
- (ix) Datuk Haji Abd. Jaffear bin Henry, Pengarah (M54), Jabatan Pendaftaran Negara, Negeri Sabah;
- (x) Tuan Haji Mohammad bin Mentek, Pengarah (Memangku JUSA C), Jabatan Imigresen Malaysia Cawangan Sabah;
- (xi) Encik Abdul Malik bin Tussin, Pengarah (C52), Jabatan Meterologi Malaysia Cawangan Sabah;
- (xii) Encik Mohd. Hekam bin Terimoh, Ketua Penolong Pengarah (M52), Bahagian Pasca Perkhidmatan, Cawangan Sabah;
- (xiii) Encik Bakri bin Bibi, Pengarah (S48), Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri Sabah;
- (xiv) Encik Md Marsidi bin Katong, Pengarah (M52), Jabatan Kemajuan Masyarakat Persekutuan (KEMAS) Negeri Sabah;

- (xv) Encik Musa bin Sulaiman, Setiausaha Bahagian (M52), Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Urus setia Cawangan Sabah;
- (xvi) Cik Sh. Sitti Saleha Habib Yusoff, Ketua Pegawai Pentadbir (M52), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Urus Setia Cawangan Sabah;
- (xvii) Encik Lajumardin @ Abdul Manaf bin Lakariba, Pengarah (S52), Jabatan Hal Ehwal Khas, Sabah;
- (xviii) Encik Kastian bin Haji Dula, Pengarah (E48), Pusat Latihan Kecemerlangan Koperasi (PULAKOP);
- (xix) Puan Salmah binti Labulla, Penolong Pengarah (G48), Bahagian Kawalan Racun Perosak, Jabatan Pertanian (Persekutuan) Malaysia;
- (xx) Puan Junariah binti Datu Derin, Pengarah (L48), Biro Bantuan Guaman Cawangan Sabah;
- (xxi) Puan Yozimah @ Ziemah binti Jasni, Pengarah (M48), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Sabah;
- (xxii) Encik Johar bin Julasbi, Pengarah (M48), Kementerian Pertahanan Cawangan Sabah;
- (xxiii) Encik Samasuddin bin Lawe, Pengarah (M48), Ikatan Relawan Rakyat (RELA) Malaysia;
- (xxiv) Encik Humfrey J. Suimin, Pengarah (M48), Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan;
- (xxv) Encik Georgie Abbas, Pengarah (M48), Biro Pengaduan Awam;
- (xxvi) Encik Azman Poji, Pengarah (M48), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri;
- (xxvii) Tuan Haji Mohd Dahali bin Haji Matsin, Pengarah (S48), Institut Kemahiran Belia Negara Kinarut;
- (xxviii) Tuan Haji Rahman bin Mintek, Pengarah Kesatuan Sekerja Sabah (S44), Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja;
- (xxix) Puan Amisah binti Zakariah, Pengarah Negeri (J41), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK);
- (xxx) Encik Herdiansah bin Abdul Karim, Pengarah (M41), Jabatan Keselamatan Jalan Raya Negeri Sabah;
- (xxxi) Cik Nelly Nasir, Pengarah (M48), Pejabat Kementerian Pelancongan Malaysia, Negeri Sabah;
- (xxxii) Encik Ag. Askandar bin Ampuan Yaakub, Pengarah (KP41), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Sabah;
- (xxxiii) Encik Mohd. Amin bin Aw. Jalleh, Ketua Cawangan (N32), Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia;

(xxxiv) Mejar Mat Jiamin bin Maddalasi, Pengarah (Z22), Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM, Cawangan Negeri Sabah; dan

(xxxv) Encik Samsul bin Dollah, Pengarah (M52), Bahagian Pembangunan Pemantauan Projek, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Yang Berhormat Pokok Sena mencadangkan supaya kerajaan mengkaji supaya kadar COLA dinaikkan. Tuan Pengerusi, kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan awam. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa mengkaji pelaksanaan bantuan sara hidup atau COLA dari semasa ke semasa mengikut kemampuan COLA. Kadar COLA semasa adalah antara RM100 hingga RM300 sebulan yang ditentukan mengikut kawasan, berdasarkan definisi sempadan perbandaran ataupun status PBT. Juga perlu memenuhi kriteria tertentu berdasarkan Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah Tahun 2004/2005 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Yang Berhormat Bachok...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Hendak tanya?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, hendak tanya. Duduk 'sat'.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh duduk 'sat', berehat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh cakap panjang sedikit, hendak pergi buang 'ayaq sat'.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Buang 'ayaq'? *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Pusing sedikit boleh? Sudah dua jam ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau saya bercakap, ia 'pi' buang 'ayaq', ia tidak dengar pula.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ia duduk senyap tengah 'dok' dalam itu, ia tidak boleh fokus.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Eh, ingat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kita berhenti, beri ia 'pi' buang air.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak, kita sokong COLA dinaikkan. *coca-cola* pun sudah naik.

■1640

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Coca-Cola sudah naik, jadi COLA pun kena naiklah. Cuma kajian semasa ke semasa itu, selalu kerajaan jawab kajian semasa ke semasa. Akan tetapi kos tanggungan yang terpaksa ditanggung oleh kakitangan di sektor awam itu sangat meningkat dari semasa ke semasa. Oleh sebab itu saya cadangkan daripada bagi RM500 macam diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Kewangan, lebih baik

bagi COLA. COLA setiap bulan. RM500 kata untuk bantuan sekolah, hendak beli baju sekolah anak dan sebagainya habis macam itu. Bagi COLA, setiap bulan dia dapat. Ini dapat RM500 hendak buat apa? Oleh sebab itu saya minta supaya disegerakan kajian semula ini untuk ditingkatkan, paling tidak pun setiap kategori itu naik RM100 untuk kebaikan kakitangan awam.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau bagi saya pergi beli air tadi pun okey, sudah boleh balikkah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apa, pergilah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak bolehlah. Memang Yang Berhormat. Kita memang prihatin. Akan tetapi ialah bermakna apa juga kenaikan, implikasi dia itu adalah daripada segi implikasi kewangan yang besar. Jadi kita kena ambil kira semua fakta dan akhirnya kalau kita rasa kita ada kemampuan untuk menjadikan satu perkara yang tetap, kita akan berilah. Kita simpati Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini lama kah sekejap?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ha?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Lama?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap sahaja. Nanti dia terkencing dalam seluar, bahaya ini. *[Ketawa]* Dia kecil-kecil memang perangai macam itu, dia lepas kat seluar. Tuan Pengerusi, soal implikasi kewangan saya tidak menafikan. Akan tetapi persoalannya ialah kadang-kadang kita tengok kerajaan boleh beri kepada sektor-sektor lain. Umpamanya subsidi kepada IPP sampai RM17 juta. *[Disampuk]* Lebih daripada RM17 juta. Kemudian tambahan dan ubah suai Sri Perdana RM65 juta. Pusara VVIP sampai RM70 juta.

Kita boleh beri kepada kumpulan-kumpulan ini, tak kan tidak boleh bagi kepada kakitangan awam dengan segera. Ini buat rumah Perdana Menteri sampai RM65 juta, rumah Sri Perdana ini untuk apa? Oleh sebab itu bagi saya bahawa kadang-kadang kerajaan berhujah implikasi kewangan tetapi kerajaan tidak berhujah bahawa hendak buat tambahan rumah Perdana Menteri ini, implikasi kewangan. Hendak buat pusara untuk VVIP, ini implikasi kewangan yang besar. Akan tetapi untuk kakitangan awam, ini implikasi kewangan. Hendak bagi bonus membabitkan sampai RM3 bilion. Ini implikasi kewangan. Akan tetapi untuk orang lain, untuk kumpulan lain kita tidak fikir soal implikasi kewangan.

Jadi saya minta Yang Berhormat jangan guna hujah implikasi kewangan. Ini kerana kerajaan tidak menunjukkan keprihatinan terhadap soal implikasi-implikasi kewangan dalam perkara-perkara lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Dalam perkara-perkara lain Yang Berhormat sebut itu, dibayar hangus sekali. COLA ini hendak kena bayar setiap bulan. Jadi kalau kita katalah perkara lain RM65 juta, habis sudah, tidak ada. Perlu untuk itu. Akan tetapi COLA ini, kalau naik RM100 pun saya rasa implikasinya satu bulan mungkin RM40 juta. Akan tetapi tak kan

hendak bayar sebulan. Bulan depan kena bayar lagi dan berikutnya. Kalau RM45 juta sebulan kalau setahun darab sepuluh sudah RM450 juta. Tidak sama itu Yang Berhormat, bayaran hangus dengan bayaran...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Akan tetapi subsidi kepada IPP? Dia bukan bayaran hangus, subsidi kepada IPP. Dia bukan satu bayaran hangus, dia beri, sentiasa kita beri. Saya hendak tahu soal bayaran hangus atau tidak, tetapi isunya kita boleh belanja sejumlah wang yang besar untuk perkara yang tidak menjadi keperluan kepada kita. Akan tetapi menjadi keperluan hidup kakitangan awam, alasannya implikasi kewangan dan sebagainya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: lalah, bukan kita tidak fikir. Kita fikir juga bagi kepada mereka. Oleh sebab itu kita kata bagi RM500, itu pun sudah RM94 juta. Maknanya tidak bagi, kita bagi tetapi bayaran dua kali hangus. Setengah tahun sekali, setengah tahun sekali.

IPP ini Yang Berhormat, ini perjanjian yang dibuat apabila kita mahu dia mengadakan sumber IPP. Perbelanjaannya tinggi dan kita kena jaminkan iaitu bahawa ada pembelian tentang beberapa jumlah yang kita kena beli dan kalau kita tidak berikan ini, maka dia akan menghadapi masalah kerugian dia, sebab IPP ini ada perjanjian dia dan saya tidak bolehlah hendak cerita tentang *detail* nya. Saya ingat kalau cakap kepada Yang Berhormat Tasik Gelugor, dia boleh jawab nanti ya, tentang mengapa IPP ini perlu diberi subsidi.

Yang Berhormat Bachok menyentuh mengenai kursus PTK yang terencat. Ini sudah jawab. Yang Berhormat Bandar Kuching mendakwa masih terdapat ramai pegawai BTN yang berfikiran seperti Hamim. Apakah tindakan yang telah diambil BTN? Kursus-kursus BTN bersifat perkauman dan oleh kerana isu-isu perkauman ini maka BTN patut dimansuhkan. Untuk makluman Yang Berhormat kursus BTN adalah kursus kenegaraan dan patriotisme. BTN tidak pernah menggalakkan elemen-elemen *racist* dalam kursusnya. BTN selalu melakukan penambahbaikan dan pengubahsuaian sejajar dengan keperluan masa. BTN telah mengambil tindakan menggantung tugas Hamim bermula pada 6 Oktober 2010. Isu Hamim seperti mana yang telah diperjelaskan sebelum ini adalah bersifat semula jadi dan tidak menggambarkan kursus-kursus yang dikendalikan oleh jabatan ini serta BTN sebagai agensi memupuk semangat patriotisme, nilai-nilai murni serta cintakan negara.

Penilaian yang dibuat oleh peserta kursus dari pelbagai kaum menunjukkan bahawa kursus BTN berkesan di mana pencapaian objektif kursus berdasarkan skor minum berada pada tahap baik iaitu 8.96 daripada skala 10. Tuduhan berkenaan tidak benar sama sekali kerana tidak ada bukti yang menunjukkan bahawa kursus-kursus BTN bersifat perkauman. Oleh yang demikian, tidak timbul keperluan untuk BTN dimansuhkan. BTN akan terus melaksanakan kursus-kursus seperti biasa kerana buktinya dapat dipertingkatkan kesedaran dan semangat cinta dan serta setiap kepada negara.

Yang Berhormat kata kalau ada yang lain itu, sila buat laporan. Kita akan ambil tindakan. Saya juga turut merasa dukacita tentang apa yang berlaku. Akan tetapi ini pandangan peribadi

dia. Bukan merupakan pandangan kursus BTN dan kita memang tidak boleh hendak mengawal pegawai-pegawai kita tetapi apabila dilaporkan dia telah melakukan kesalahan, kita tetap akan mengambil tindakan. Yang Berhormat Bukit Bendera.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Menteri. Pada tahun hadapan Parlimen diperuntukkan RM78 juta dan BTN diperuntukkan RM66 juta. Adakah *priority* kerajaan sesak sedikit kerana BTN ini sepatutnya tidak diperuntukkan dengan peruntukan yang besar ini. Akan tetapi Parlimen seharusnya diberikan peruntukan yang lebih besar, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi saya akan menggunakan perkara ini untuk memastikan peruntukan kita banyak. Saya setuju dengan Yang Berhormat iaitu perbelanjaan untuk kita sendiri pun agak kurang. Saya tidak berpuas hati dengan apa yang diberikan kepada Parlimen dan ini akan digunakan sebagai perbandingan bagi menguatkan hujah untuk kita memastikan peruntukan kita lebih. Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Apabila kita bercakap berkenaan dengan BTN dan saya terima aduan bahawa dalam program BTN ini memang disiarkan video-video HINDRAF. Ada dinyatakan keganasan yang digunakan oleh kaum India khususnya dibangkitkan sebagai satu cara dalam mana mereka-mereka yang hadir dalam kursus itu mendapat persepsi negatif berkenaan dengan kaum India. *I think this is something which has come up many times.* Boleh saya dapat penjelasan adakah ini betul? Adakah satu siasatan dibuat oleh pihak kerajaan dan apakah tindakan yang diambil berkenaan dengan perkara ini? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya harap supaya maklumat Yang Berhormat itu diberikan kepada saya dan kita akan pastikan.

■1650

Sememangnya saya hendak beritahu, Jemaah Menteri kita tidak *tolerate precedent* seperti ini. Saya mengharapkan supaya peranan dimainkan juga oleh mereka yang telah melalui kursus ini. Kalau sekiranya dalam kursus itu mereka telah melalui pengalaman ini, mereka harus tampil ke hadapan untuk memaklumkan supaya tindakan boleh diambil.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nanti, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Biar dia atas.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan isu yang sama. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, kalau kita lihat kepada *website* HINDRAF, memang terdapat kenyataan di situ yang menyatakan sedemikian. *So* ini adalah maklumat yang saya boleh berikan kepada Yang Berhormat Menteri untuk siasat perkara ini sama ada benar ataupun tidak. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya ingat biar kita secara rasmi. Semacam kata Zaid Ibrahim, dia dalam blog dia kata tarik diri. Akan tetapi Yang Berhormat

Machang kata tidak boleh. Jadi macam itulah juga. *Let's do it formally.* Jangan kita *pick up from somewhere then* kita apa ini - saya mahu supaya aduan rasmi dibuat supaya ia akan menjadi satu dalam statistik kita bahawa ada aduan yang dibuat dan ada perkara ini berlaku. Ini yang saya mahukan. Saya ingat kalau main dalam *website-website* ini, macam-macam juga dikatakan tentang saya, tentang Yang Berhormat Ipoh Timur tetapi takkan kita hendak percaya? Saya rasa *a lot of things also. So let's do it formally. We take action.*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik, dalam keadaan sedemikian adakah Yang Berhormat Menteri boleh terima kalau saya sebagai Ahli Parlimen hantar surat kepada Yang Berhormat Menteri dalam masalah ini dan minta untuk satu siasatan dibuat?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada masalah, tidak ada masalah, boleh. Sudah tentu Ahli Yang Berhormat mesti kita hormat.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Baik terima kasih.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Panjang atau pendek ini?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pendek sahaja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Panjanglah sedikit, saya..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey, *alright, alright.*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Cakaplah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya akan panjangkan dia.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *[Berjalan keluar daripada Dewan]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Eh, mana Yang Berhormat Menteri hendak pergi? *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Bilik airlah sekejap. *[Ketawa]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey. Kalau sekarang saya duduk..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kalau hendak mencelah, mencelahlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tertanggung. Kalau saya duduk sekarang. *[Ketawa] [Dewan riuh]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Pengerusi, ini memang tidak menunjukkan hormat kepada Ahli Yang Berhormat, mana boleh macam ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, kita tolak ansurlah sedikit.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apabila Ahli Yang Berhormat hendak berucap, kita keluar ke bilik air. Dia seorang Menteri. Dia seorang Menteri, adakah Menteri bertindak sedemikian?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ini memang tidak boleh. Seluruh negara melihat kepada perkara ini. Boleh macam itukah?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ya. Saya faham, saya faham *you are concern* Yang Berhormat tetapi..

Dato' S.K. Devamany: Tuan Pengerusi, kalau dia hendak pergi kerana terpaksa.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk dahulu, duduk dahulu Yang Berhormat, duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau hendak pergi ke tandas minta kebenaran pergi tetapi bukan apabila seorang berucap. Seorang Ahli Parlimen Yang Berhormat bercakap, pergi ke tandas,

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Saya faham, saya faham *you are concern*.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Put a shame to the House* dengan izin.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi saya tidak melihat bahawa Yang Berhormat Menteri tidak hormat. *You must understand*. Saya sekarang duduk..

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sekarang ya..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sekejap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Sebentar Yang Berhormat, saya mahu bercakap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Sebentar?

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya sekarang duduk sudah hampir dua jam setengah. Leher saya hendak patahlah Yang Berhormat, hendak berehat. *[Ketawa]* Akan tetapi *I had to be here but nobody can't replace me until five o'clock*. Akan tetapi tidak apalah, saya tidak melihat Yang Berhormat Menteri tidak hormat dengan Parlimen kerana perkara itu. Sila Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya, Tuan Pengerusi sekarang saya tanya soalan. Tidak cukup masa untuk pegawai-pegawai itu untuk mencatat nota dan beri kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Tetapi pihak Menteri boleh mencatat Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mungkin kita berbual-bual sedikit dahulu perkara lain. *[Ketawa]* Sehingga Yang Berhormat Menteri balik saya baru arahkan... Ya, balik sudah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *[Menuju masuk ke dalam Dewan]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu lebih baik, baik saya akan mulakan soalan saya. Hendak, hendak satu minit rehat kah? *[Ketawa]* Tidak payah?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, hendak tanya Yang Berhormat kencing basuh kah? *[Ketawa][Dewan riuh]*

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: *I appreciate...*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak pasal tengok cepat sangat, takut dia deras dalam bilik Tuan Pengerusi sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, saya mendengar baik Yang Berhormat Menteri mempunyai satu *open attitude* untuk menerima aduan terhadap Biro Tatanegara. Akan tetapi jika ini adalah pemikiran Yang Berhormat Menteri, bolehkah kita melaksanakan Biro Tatanegara itu dengan lebih transparensi dan ahli-ahli atau wakil-wakil daripada Pakatan Rakyat pun dibenarkan *anytime* membuat *spot check* terhadap kursus-kursus yang diadakan oleh Biro Tatanegara. Kalau ini dibenarkan dan kita boleh serta-merta atau *anytime* buat *spot check* dan kalau kita tidak dapat cari apa-apa bukti bahawa kursus-kursus yang dikendalikan Biro Tatanegara adalah bersifat perkauman, adakah ada itu *brainwash to support the BN*? Taat setia kepada BN, bukan taat setia kepada Malaysia maka soal itu tidak timbul lagi.

So, my question is, adakah kerajaan sudi membuat pelaksanaan kursus-kursus Biro Tatanegara lebih *transparent* dan satu *circular* dikeluarkan kepada semua pegawai yang menjalankan BTN bahawa wakil-wakil dari Pakatan Rakyat dari mana-mana *political party* boleh buat *spot check* dengan bila-bila masa juga. Adakah Yang Berhormat Menteri sudi?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak sudilah sebab mudah sahaja. Kalau kita benarkan orang-orang politik datang, dia akan mem*politicize*kan perkara ini. Saya rasa orang yang paling bagus untuk membuat laporan ialah orang yang menghadiri kursus itu. Ini sebab tidak semestinya kalau maknanya dia rakyat biasa datang dari kumpulan katalah doktor kah, penjawat jawatan kerajaan kah, seperti Yang Berhormat cakap tadilah, bukan dia...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri pun tahu, orang yang menghadiri BTN itu adalah pegawai dan kakitangan kerajaan. Di Malaysia sini, di Barisan Nasional *you go for the whistle blower but you don't go for the offender*. Oleh itu kalau mereka membuat aduan membongkar identiti mereka sendiri, tindakan akan diambil ke atas mereka. Mereka akan dipecat atau di *transfer* ke tempat-tempat lain dan disusahkan. Oleh itu kebanyakan mereka tidak berani membuat aduan. *Why so difficult to make it transparent for everybody?*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya fikir, orang yang berkursus situ, dia sendiri boleh meronta. Dia tidak setuju. Ini bukan zaman 60-an, 70-an, 80-an, kita takut. Sekarang ini kita tahu, zaman keterbukaan. Apa juga perkara yang mereka tidak berpuas hati dan dibuatkan aduan, sudah tentu kita akan terima aduan itu. Tiada siapa yang hendak sembunyikan apa yang telah berlaku di situ kalau ia diketahui oleh orang ramai. Semacam Yang Berhormat Ipoh Timur, dia punya cucu kah apa itu pergi PLKN? Tiada masalah. Kalau ada apa-apa berlaku, sudah tentu cucu dia akan buat aduan. Ini bukan dahulu Yang Berhormat ya. Ini

tahun 2010. Rakyat tidak reti hendak takut kalau rakyat tahu hak mereka. Jadi oleh sebab itu, saya rasa kalau ada apa-apa perkara yang bercanggah, yang songsang, saya rasa orang yang menghadiri itu sendiri dia boleh membuat aduan. Ya..

Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]: Masa untuk menggulung Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit Yang Berhormat Menteri, boleh? Yang Berhormat Menteri sedikit...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, boleh, boleh. *You* jangan pukul / tau. [Ketawa]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey, okey baik. Okey. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Justeru kerana wujud aduan-aduan yang meskipun bersifat *anecdotal* dengan izin Yang Berhormat Menteri, tetapi saya masih ingat Yang Berhormat Menteri sendiri pun melahirkan sedikit kerunsingan, kekhuatiran dan juga *concern* dengan izin. Oleh sebab itu kalau dapat kiranya atas semangat yang *by partisan* yang saya bercakap ini, benar-benar sudah sampai waktunya satu *reappraisal* dengan izin, satu *review* kita *revisit* balik modul-modul ini bukan hanya dengan mengambil pandangan-pandangan peserta sahaja. *That could be certainly* satu kaedahnya. Akan tetapi kita tubuhkan satu *expert committee* yang boleh benar-benar menilai modul-modul BTN ini daripada keseluruhannya atau *from the total perspective* untuk pada akhirnya menjadikan BTN satu modul yang benar-benar dapat menjana dan menghasilkan apa yang kita cita-citakan sebagai *for the better* Malaysia Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi.

■1700

Ini yang sebenarnya yang diperlukan. Saya pun tidak setuju kalau yang datang itu bersifat partisan atau orang politik tetapi kalau daripada akademik, *religious leaders* ataupun *formal judges*, apa pun pokoknya *expert committee or professors* yang memang bidang kepakaran mereka di situ. Terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Menteri boleh sekali gus, sedikit Ledang. Sedikit sahaja. Ada kaitan dengan - nama pun Hamim pun juga.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Hamim bukan Hamim BTN.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bukan, Hamim lain.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Okey.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit Menteri. Saya amat sanjung tinggi atas segala usaha yang dibuat oleh BTN dan juga teguran-teguran yang dibuat oleh pembangkang. Saya katakan Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri, apa pun yang dibuat BTN sudah terlambat pada saya kerana di peringkat kanak-kanak lagi kalau kita tengok di tabika-tabika tertentu mereka telah diasuh benci kepada pemimpin, benci kepada kerajaan, benci kepada orang itu ini dan sebagainya daripada kecil lagi. Saya rasa ini patutnya kita rombak daripada awal lagi, taksu kepada orang tertentu yang bukan-bukan.

Jadi saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri apakah kita hendak fokus sahaja kepada BTN atau kita tengok tabika yang di peringkat bawahan lagi begitu juga taman asuhan yang jelas-jelas merata negara taksud kepada pemimpin-pemimpin tertentu malahan mendidik pendekatan-pendekatan yang langsung tidak menggambarkan nilai-nilai murni sebagai manusia. Ini yang saya lihat di seluruh negara. Sekian terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak mengapalah, kita tengok semua sebab tidak mengira sesiapa, MKN, tabika. Kalau buat kerja-kerja yang menghasut memang tidak baik dan kena tengok semua punca masalah. Kalau sekiranya ada aduan yang dibuat terhadap mana-mana tadika, mana-mana sekolah saya percaya tindakan boleh diambil. Jadi saya rasa dalam hal ini kita ambil kira semua ini.

Saya hendak pergi ke Parlimen sebab Yang Berhormat punya cadangan itu *yes*. Pemikiran saya samalah dan saya rasa kita punya modul Malaysia itu mesti diutamakan kerana kalau kita bercakap tentang patriotisme, ia ada berkenaan dengan negara Malaysia. Jadi kalau BTN itu tujuannya ialah untuk patriotisme maka ia bermaksud kita sebagai sebuah negara Malaysia yang berbilang kaum. Itu semestinya menjadi modul kepada kursus-kursus yang dianjurkan oleh agensi kerajaan kerana ia menggunakan wang daripada rakyat yang diberikan kepada kerajaan.

Saya pergi ke Parlimen. Lama tunggu dia, mana dia pergi pun saya tidak tahu tetapi rindu jugalah bila tidak ada.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pergi OCBT jumpa OCBT. Terima kasih, urusan rakyat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, saya ingat pergi *toilet* macam saya tadi.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Apa lagi?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya adakah Yang Berhormat Menteri akan menjawab soalan tentang SUHAKAM yang saya ada *rise* satu *question* dan juga *the status of gender equality committee the Cabinet* sama ada ia masih ada atau tidak ada dan juga adakah kerajaan berminat untuk mengadakan satu *gender equality commission* untuk memberi suara kepada wanita.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi tetapi saya utamakan dahulu Yang Berhormat Batu Gajah sebab saya sudah selak kertas. [Disampuk] Selak apa ini. Dia mai pukul lima suah lain fikir Yang Berhormat Pokok Sena. Saya selak ini hendak jawab Parlimen dahulu tetapi Yang Berhormat saya ada lagi 26 minit, 3 jam saya sudah berdiri jadi kalau tidak terjawab, saya cuba *last* sekali saya jawab.

Okey Parlimen. Yang Berhormat Batu Gajah peruntukan kewangan Parlimen tidak dipengaruhi oleh Eksekutif. Orang ramai boleh memperoleh maklumat yang dikehendaki mohon pihak media di Parlimen memberi akses maklumat seperti buku laporan audit, mesin fotostat.

Peruntukan bajet untuk tahun 2011 untuk Parlimen adalah diperoleh melalui perbincangan di antara pihak pengurusan Parlimen dengan Kementerian Kewangan. Ianya adalah proses biasa di dalam sistem belanjawan diubahsuai, *modified budgeting system* yang diamalkan oleh kerajaan. Ia macam mana sekalipun Yang Berhormat duit ini kita kena minta daripada *Treasury*. Kita tidak dibenarkan untuk kutip duit daripada orang ramai, apa sekalipun duit ini mesti diminta kepada *Treasury*.

Jadi kalau hendak dikatakan kita tidak mahu ada kena mengena *Treasury*, kita ada wang kita sendiri, itu sukar sebab kita bukan badan yang boleh mengutip cukai. Jadi Yang Berhormat mungkin boleh cadangkan iaitu bagaimana sebenarnya kalau Parlimen minta maka ianya jangan menampakkan iaitu Perbendaharaan memberi duit kepada kita. Saya pun tidak tahu kaedah macam mana tetapi kalau Yang Berhormat boleh cadang, saya boleh bangkit sebab kita kena *maintain* kita punya maknanya *we have our own money*, kita belanja macam mana. Saya pun tidak tahu apakah kaedah yang kita boleh lakukan tetapi kalau Yang Berhormat boleh fikirkan sesuatu.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Boleh saya bagi cadangan.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ini berdiri tegak, pernah bekerja menjadi *palace guard London*? [Ketawa] Okey tanya.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, biasanya kalau di Parlimen Westminster, seperti Parlimen India, Parlimen UK, Australia, Parlimennya ada House Committee ataupun ada jawatankuasa yang itu diputuskan bersama dengan Tuan Yang di-Pertua dan diputuskan di dalam Parlimen tanpa pergi ke *Treasury*. Kerja *Treasury* untuk Parlimen hanya *administration*, pentadbiran sahaja tetapi yang diputuskan oleh Jawatankuasa House Committee dengan Tuan Yang di-Pertua tanpa pergi ke pentadbiran Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya akan cuba sebab Yang Berhormat Bukit Bendera betul, dia pernah kerja *palace guard London* sebab dia sebut Westminster. Yang Berhormat telah memberi maknanya *Treasury* kita putus berapa, *Treasury* dia bagi. Baik, saya rasa kalau itu satu perkara yang dilakukan, bukan perkara yang luar biasa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya boleh perbetulkan Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebenarnya Yang Berhormat ia mempunyai Jawatankuasa *Budgeting* dia sendiri. Selepas itu *budgeting* itu juga dimasukkan ke dalam cadangan tahunan kerajaan apabila telah diluluskan oleh pihak *Treasury* daripada *annual budget* macam ini diserahkan kepada Parlimen masa itu sahaja Parlimen boleh

mentadbir kewangannya sendiri, dia tidak boleh terus daripada *consolidated fund* itu terus pergi ke Parlimen.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Makna dia serah *lump sum* kepada kita, kita belanja.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Okey, tidak mengapa. Saya juga Ahli Parlimen, saya bukan Senator yang dilantik untuk menjadi Menteri atau apa. *[Ketawa]*

Jadi saya punya hati bersama satu kaki saya eksekutif, satu kaki saya *legislative* dan dengan izin *I'm very proud of myself as a Member of Parliament just like all of you* dengan izin, sebab kita dipilih oleh rakyat. Jadi kita akan beritahu kepada Perdana Menteri kita yang juga Menteri Kewangan dan yang juga Ahli Parlimen, kita buat sesuatu untuk kepentingan kita sebagai Ahli-ahli Parlimen.

Kemudian orang ramai memperoleh maklumat yang dikehendaki. Pada masa sekarang orang ramai boleh mendapat maklumat mengenai Parlimen Malaysia melalui laman sesawang www.parlimen.gov.my jadi itu Yang Berhormat tanya berkenaan dengan macam mana orang ramai hendak dapatkan maklumat. Jadi saya harap supaya pihak Parlimen kita juga hendaklah sentiasa *update* kita punya laman web ini.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon penjelasan. Yang Berhormat saya rasa Yang Berhormat saya bangkitkan adalah lebih menyeluruh.

■1710

Saya minta agar *Select Committee* ditubuhkan. Apabila kita ada *Select Committee*, mana rang undang-undang yang perlu dibentangkan akan melalui *Select Committee* lepas itu boleh adakan *public hearing* rang undang-undang itu sebelum dibentangkan untuk bacaan pertama, boleh dipamerkan dalam laman web, lepas itu menjemput orang ramai, NGO atau mereka yang berkepakaran dalam bidang tersebut untuk memberi pandangan mereka. Itu yang saya maksudkan penglibatan orang ramai dan maklumat disampaikan kepada mereka sebab setahu saya ada banyak negara, sebagai contohnya New Zealand. Mereka ada *Select Committee* di mana orang ramai boleh mempunyai akses kepada *information* dan menyampaikan pandangan kepada pihak *Select Committee*.

Buat masa ini, yang disiarkan adalah rang undang-undang yang telah tersedia ada dibentangkan untuk bacaan pertama, selepas itu kedua, akan diluluskan tanpa sebarang pindaan, itu sudah lewat. Itu yang saya bangkitkan dan bolehkah adakan *Select Committee* sebab Yang Berhormat Kota Belud hari itu juga menyokong isu ini. Saya rasa Yang Berhormat berpengalaman, yang telah pergi banyak negara untuk seminar dan *conference*. Kita telah ketinggalan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri boleh jawab sekali? Sikit saja.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak silap saya pun ada membangkitkan ini soal Ahli-ahli Parlimen sebab kalau dalam kajian seluruh dunia, Malaysia adalah - elaun Ahli-ahli Parlimen dia yang terendah dalam dunia kalau banding negara kecil Maldives sekalipun, jangan kira Singapuralah. Indonesia ekonomi dia pun merosot tetapi elaun Ahli Parlimen dia RM18,000 duit kita. Jadi, saya rasa pun Yang Berhormat itu hari akan membawa perkara ini. Apakah Yang Berhormat melihat bahawa perkara ini perlu dibuat kajian oleh kerajaan untuk mempertingkatkan kualiti Ahli-ahli Parlimen memberi perkhidmatan di kawasan masing-masing. Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya ingat kita jawab yang elaun ini dulu sebab ini kepentingan kita bersama. Saya dalam Jemaah Menteri apabila dibincangkan berkenaan dengan kenaikan elaun-elaun orang-orang lain, maka kita bincang tentang gaji pekerja hari itu, saya telah mencelah dan menyatakan iaitu bahawa satu perkara yang kita mesti bincang iaitu ialah berkenaan dengan elaun kita yang mana jika dibandingkan dengan negara-negara lain, tak usah pergi jauhlah kalau di Tenggara Asia ini pun kita cukup rendah. Cuma dia ada dua perkara, Perdana Menteri kata, "*It's high time*". Ini satu perkara yang menggalakkan, dia kata memang "*..it's time for us to have a look at our allowance..*". Cuma yang kita nak jaga ialah macam mana kita menangani *public opinion*, itu sahaja kerana *public* di negara kita sudah tentu kalau gaji mereka tidak naik, mereka bukan faham sangat. Dia kira wakil rakyat dia bincang dalam Parlimen tentang elaun dia sahaja. Jadi tak apalah, itu hal macam mana kita menangani *public opinion*lah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [Bangun]

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha, okey. Ini nak sokong naik?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya nak minta, ada beberapa bekas Ahli Parlimen yang sekarang sudah dalam persaraan dan mereka adalah *fulltime Member of Parliament*. Apabila mereka adalah *fulltime*, tak ada *income* yang lain. Kiranya pencen yang mereka dapat sekarang ialah lebih kurang RM3,000. RM3,000 saya rasa dia dikira sebagai senang menjadi miskin. Adakah ini berpatutan kepada bekas-bekas Ahli Parlimen? Boleh berikan jumlah Ahli Parlimen yang menerima pencen sebagai hanya satu-satu pendapatan mereka untuk menampung kehidupan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih Menteri. Saya beri cadangan, kalau kenaikan elaun mungkin kena tangani *public opinion*, mungkin kita *have one way out*. *One way out* ialah kerajaan memberikan pembantu atau membiayai pembantu-pembantu dan juga *research assistant*, penyelidik untuk Ahli Parlimen dan juga membiayai kos pejabat Ahli Parlimen, itu penting. Di seluruh dunia, Ahli Parlimen dibekalkan dengan penyelidik, dengan pembantu. Itu akan membantu Ahli-ahli Parlimen semua. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menteri, Menteri. Sama, boleh jawab sekali?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Pengerusi, saya fikirkan apa Yang Berhormat dari Bukit Bendera cakap itu adalah lebih baik tapi dia tak dapat mengatasi masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam kerana Yang Berhormat Bukit Mertajam kata tentang pencen. Jadi pencen itu dikira mengikut gaji kita. Jadi kalau gaji kita RM6,000, esok dia dah tua dapat RM3,000 sahaja. Ini masalah yang dihadapi oleh kita. Jadi, saya ingat kita dah ada jawatankuasa yang dipengerusikan oleh kita punya Timbalan Speaker kita pada hari ini, saya ingat serahkan, buat keputusan berapa sebenarnya yang kita mahu, gaji berapa. Pada saya gaji penting sebab gaji ini nak dikirakan kita punya pencen campur elaun. Bincanglah, kita ada jawatankuasa ini, bincang kemudian cadang kepada kita. Gaji RM20,000 kah apa kah. Saya rasa dalam perkara ini kita akan tanggungjawab bersama Yang Berhormat.

Jangan kalau *public*, yalah sudah tentu saya percaya benda ini mana boleh rahsia. *Public* akan bagi pandangan dia dan adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mempertahankan kenaikan gaji dan elaun yang telah diberikan kepada kita. Ya, Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Satu perkara lagi juga yang harus dipertimbangkan ialah peruntukan pembangunan untuk setiap kawasan Parlimen tersebut diberikan tanggungjawab itu kepada Ahli Parlimen walaupun bukan daripada kerajaan. Ini kerana hari ini kerajaan beralasan mengatakan bahawa itu peruntukan khas di bawah Perdana Menteri. *[Dewan riuh]* Sebab itu saya mencadangkan supaya peruntukan khas Perdana Menteri itu dipindahkan menjadi satu peruntukan wajib kepada setiap Ahli Parlimen untuk mendapat hak yang sama seperti mana yang diperolehi oleh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional untuk menguruskan persoalan-persoalan pembangunan di dalam kawasan masing-masing. Jadi bukan lagi diletakkan di bawah peruntukan khas ihsan Perdana Menteri tetapi peruntukan wajib yang perlu diberikan kepada semua Ahli Parlimen.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Menteri, saya nak buat satu cadangan. Kalau kerajaan memberikan satu elaun khas supaya memperuntukkan satu atau dua orang penyelidik untuk setiap Ahli Parlimen. *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya amat tertarik dengan jawapan Menteri yang mengatakan tadi *you are very proud to be a Member of Parliament. So, we are also proud, that's for sure* tetapi nampaknya Yang Berhormat Menteri tak berani untuk membuat keputusan sedangkan Yang Berhormat Menteri telah melawat ke banyak negeri termasuk Nairobi di Kenya. Di Kenya pun Ahli Parlimen mereka dapat RM40,000 sebulan, di Indonesia pun RM40,000. Takkan di sini kita masih RM12,000? Saya rasa semua rakyat pun faham kerja kita bukannya di sini sahaja, di kawasan, banyak mesyuarat menggunakan *research* dan sebagainya. Dia tak nampak kita semasa kita bersara kena jual goreng pisang, kena jual goreng apa pun. Jual cendol kah apa

kah. Saya harap Yang Berhormat Menteri berani kerana benar, jangan takut. Nampaknya Yang Berhormat Menteri takut pula sekarang. Nampaknya berani tetapi akhirnya takut. So, saya harap Yang Berhormat Menteri berani membuat satu cadangan. Saya harap, saya boleh jaminlah mendapatkan sokongan yang sebulatnya di sini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat, sepuluh minit Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, sebab itu saya ingatlah Yang Berhormat Wangsa Maju ini dia tak boleh jadi pemimpin kerana dia ada *tendency dictatorial*. Saya bukan tak boleh buat keputusan sendiri tapi ini keputusan bersama. Jadi sebagai seorang yang mengamalkan demokrasi dan saya demokratik, saya mesti mendapat persetujuan daripada semua Ahli Parlimen. Barulah saya bawa suara Parlimen. Setuju tidak?

■1720

Beberapa Ahli: Setuju!

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, nama saya disebut tadi, boleh saya komen sedikit tidak?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Sila, sila.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebenarnya Yang Berhormat, Jawatankuasa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi telah ditubuhkan. Wakil daripada parti-parti daripada PAS, PKR, DAP, Barisan Nasional dan juga pihak Bebas masuk dalam Jawatankuasa. Kita sudah mengadakan mesyuarat yang pertama. *Term of reference* kita sudah buat dan kita jangka mesyuarat kita akan siap satu persatu kerana tiga perkara yang kita hendak *study*. Jadi, tunggulah kejap, nanti Ahli Yang Berhormat akan dijemput bersama memberi pandangan juga kepada kita. Jadi itu jawapannya Yang Berhormat, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi. Okey...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ha, okey...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan media, berkenaan *select committee*, bolehkah pihak Parlimen menubuhkan *select committee*nya sendiri? Sebab saya ada kata sebelum ini jawapan diberikan itu langsung tidak menjawab isu yang saya bangkitkan. Berkenaan dengan SPR, berkenaan dua projek yang diperuntukkan RM23 juta, projek khas, projek kecil RM1 bilion apakah maknanya? Saya takut nanti 5.30 petang, Yang Berhormat Menteri duduk.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tidak ada, saya sudah tiga jam. Jadi *select committee* ini, jawapan daripada kerajaan pada hari ini ialah kita tidak bercadang untuk mengadakan *select committee*. Namun – jangan geleng kepala Yang Berhormat, pandanglah dekat saya. Barulah saya seronok hendak menjawab. [Ketawa] Jadi... [Disampuk] Kenapa? Yang Berhormat Bukit Mertajam *jealouskah?* [Ketawa]

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, maaf ya...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mana ada mata ke belakang Yang Berhormat. Mata depan sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Pengerusi, saya harap kita bahas dan Yang Berhormat Menteri jawab dengan serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ya, seriuslah ini. *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jangan main-main di sini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Mengapa Yang Berhormat fikir...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Masa dah habis dah. Saya harap Yang Berhormat Menteri serius.

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Yang kacau Yang Berhormat Bukit Mertajam. Kalau tidak kacau, saya sudah jawab tadi. Saya sudah kata iaitu bahawa kerajaan tidak bercadang. Akan tetapi kita ada Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Timbalan Speaker kita untuk mengkaji semua perkara yang kita fikirkan baik untuk Parlimen kita.

Nanti esok bila ada keputusannya nanti, saya sebagai Menteri akan bawa ini pandangan Ahli Parlimen *from both divide*. Barulah ada suatu yang kukuh untuk kita meminta kepada Jemaah Menteri dilaksanakan. Jadi kita tunggu dalam Mesyuarat ini. Seriuslah itu saya jawab itu. Jadi setakat ini memang tidak ada. Saya sebagai Menteri tidak boleh secara tiba-tiba dalam perbahasan terus pergi kata ini ada Parlimen minta. Jadi, tiada kesungguhan.

Akan tetapi saya harap supaya – saya tidak ada masalah, saya setuju apa juga perkara saya kira yang dilakukan di Parlimen lain, kita ini janganlah stereotaip. Berpuluh-puluh tahun macam itu juga. Mesti ada sesuatu pembaharuan dilakukan untuk kebaikan perjalanan Parlimen kita. Kalau sekiranya Jawatankuasa ini putus tentang sesuatu hal, inilah yang akan saya bawa – keputusan Jawatankuasa yang sudah tentu kuat, kerana ahli Jawatankuasanya ramai dan mereka memutuskan ini saya kira sebagai mewakili Parlimen.

Mungkin juga boleh hendak – bila laporan keputusan itu nanti dapat, sebelum kita bawa ke pihak ini, mungkin dalam perbahasan kita, tengok kita bahas. Mungkin dapat sokongan daripada Parlimen supaya apa yang diputuskan oleh Jawatankuasa ini mendapat pertimbangan positif daripada pihak kerajaan. Ini yang kita harapkan. Saya harap supaya Ahli-ahli Jawatankuasa yang telah dilantik jangan tuanglah, datang mesyuarat. Ini kerana kita kalau yang boleh secepat mungkin perkara itu dilakukan, itu adalah lebih baik untuk kita.

Jadi Tuan Pengerusi, saya...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, berkenaan media. Tadi saya ada pohon media dibekalkan laporan juga...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak apalah, saya sudah tiga jam.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Berkenaan projek-projek khas, projek-projek kecil, apakah projek tersebut – RM1 bilion...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau hendak jawab semua, saya ingat pagi esok pun kita tidak habis lagi. Saya sudah berucap hampir tiga jam. Jadi saya mohon untuk menjawab segala perkara yang dibangkitkan secara bertulis.

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, saya hendak dapat kepastian itu sebab hari itu pun Yang Berhormat berjanji dalam peringkat dasar tetapi sampai sekarang ini kami tidak dapat lagi. Jadi saya hendak dapatkan kepastianlah sebab saya bangkitkan berkaitan dengan bangunan Parlimen, ubahsuai rumah Perdana Menteri, kemudian ada yang membangkitkan tentang Pusara Negara dan sebagainya. Jadi kita hendak *detail* perkara itu. Jadi jangan hari ini janji kita jawab bertulis tetapi tidak sampai.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kita tidak ada masalah tetapi Yang Berhormat kena fikir, pegawai kita bekerja sampai 7.30 malam macam kita juga. Mereka perlu melakukan berbagai-bagai untuk memastikan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Parlimen itu sampai. Jadi oleh kerana kita bersidang semenjak beberapa hari ini sampai malam, kita bagi masa juga untuk mereka untuk menyediakan segala apa yang telah saya janjikan di sini.

Saya sudah tentu akan mengingatkan mereka, apa juga perkara yang saya tidak jawab secara lisan dalam penggulungan saya, mesti diberikan secara bertulis. Jadi kalau lambat sikit, Yang Berhormat kena fahamlah pasal kerja banyak. Okey? *Alright*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Senator menjawab, saya hendak perjelaskan yang disebut oleh Menteri tadi. Sebenarnya betul menyeluruh Yang Berhormat, kita akan *study* tiga perkara iaitu:

- (i) Soal *House of Parliament Act 1952*, yang belum dikaji semenjak tahun 1955;
- (ii) soal *Parliamentary Service Act* dan kita buat *recommendation* kepada pihak-pihak Menteri dan *Speaker's*; dan
- (iii) soal yang disebut oleh Menteri tadi iaitu soal gaji.

Jadi tiga perkara ini kita akan jemput Yang Berhormat nanti *interact* dengan kita. Kita akan secara terbuka dan wakil-wakil kita ada 15 orang ahli dalam Jawatankuasa. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta maaf Tuan Pengerusi, saya pohon penjelasan Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, berkenaan Jawatankuasa tersebut, saya hendak tahu – sebab semalam Yang Berhormat Kubang Kerian memaklumkan saya bahawa Jawatankuasa ini tidak *diformalizekan* melalui Majlis ini. Mengapakah pihak eksekutif tidak mengemukakan usul untuk menjadikan Jawatankuasa ini sebenarnya yang melalui Majlis yang memerintahkan penubuhan Jawatankuasa tersebut?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon penjelasan sahaja. Saya rasa kalau sedemikian – melalui Majlis, melalui usul, ia akan memberi *more weight* dengan izin, kepada Jawatankuasa. Saya menyokong usaha Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya faham maksud Yang Berhormat. Jadi kita untuk mempercepatkan proses, saya dikehendaki menubuhkan seberapa segera sebelum usul-usul dibawa. Lagipun Jawatankuasa ini kita anggap sebagai jawatankuasa teknikal yang buat *study*. Kita buat laporan kepada penasihat dan penasihat akan bawa kepada Jawatankuasa Parlimen itu sendiri – Jawatankuasa Peraturan. Jadi, ia *quite legitimate* dari segi perundangannya. Kita sudah selidik, saya ada jawapan, soalan sudah dibangkitkan dalam mesyuarat pertama Jawatankuasa. Jadi Yang Berhormat, jangan buang masa lah – minta maaf. Saya boleh jawab di luarlah, Yang Berhormat ya. Jadi semua soalan yang menghantar surat, kertas dan sebagainya ini saya akan jawab di luarlah. Sila Yang Berhormat Menteri.

5.28 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga bangun untuk turut bersama-sama dengan rakan-rakan saya untuk memberi ulasan dan jawapan terhadap perkara yang berbangkit dan dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai portfolio saya. Terutamanya dari Yang Berhormat Rembau yang secara khusus telah mengemukakan beberapa pertanyaan mengenai peranan dan bajet PEMANDU yang berkaitan dengan Program Transformasi Kerajaan atau *Government Transformation Programme (GTP)* dan juga Program Transformasi Ekonomi ataupun *Economic Transformation Programme (ETP)*.

Oleh kerana apa yang telah dibangkitkan oleh beliau ini adalah agak penting untuk saya memberi penjelasan, maka saya ingin mengambil masa sedikit untuk memberi ulasan.

■1730

Beliau bertanya mengapa sejumlah wang yang besar untuk NKRA dan NKEA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan disalurkan terus kepada kementerian-kementerian yang bertanggungjawab dan khususnya mengapa terdapat sejumlah wang di bawah NKRA jenayah atau *crime*, NKRA pendidikan; *education*, dan NKRA 1Malaysia disalurkan kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan terus kepada kementerian masing-masing? Siapakah yang memantau dan mengawal dana tersebut?

Saya ingin bermula dengan penjelasan secara ringkas mengenai peranan PEMANDU. Secara ringkasnya PEMANDU ialah Performance Management and Delivery Unit, itu asal usul PEMANDU. Ia bertindak sebagai satu urus setia dan satu pemudah cara atau fasilitator untuk membawa transformasi terhadap urusan kerajaan dan juga memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang khusus di bawah GTP dan ETP. PEMANDU dengan sendirinya tidak melaksanakan

program dan projek secara spesifik dan secara langsung tetapi menyokong kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang berkenaan untuk merangka strategi atau kaedah pengurusan prestasi yang sesuai dan berkesan supaya dapat mendatangkan hasil dan impak yang baik terhadap rakyat.

Maka dengan peranan ini di bawah program transformasi kerajaan, majoriti daripada bajet mengikut Bidang Keberhasilan Utama Nasional (NKRA) sebenarnya disalurkan terus kepada kementerian-kementerian yang berkenaan, di mana bajet ini adalah jelas ditunjukkan di bawah butiran kementerian yang berkenaan. Walau bagaimanapun, beberapa perkara memang diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan penyelarasan dan pemantauan secara lebih rapi kerana NKRA melibatkan beberapa kementerian dan bukanlah sahaja satu kementerian.

Saya memberi satu contoh iaitu NKRA untuk mengurangkan jenayah di mana kebanyakan bajet disalurkan di bawah Kementerian Dalam Negeri kerana ia melibatkan polis, RELA, dan sebagainya. Jikalau kita merujuk kepada maksud Bekalan B.62 di bawah Kementerian Dalam Negeri muka surat 650 akan didapati bahawa di bawah lima butiran memang sebanyak RM351 juta diperuntukkan untuk Kementerian Dalam Negeri. Di bawah maksud pembangunan pula RM183 juta di bawah P.62 di bawah kementerian itu juga. Hanya RM9.1 juta sebagai satu peruntukan *one off* kepada Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Ini adalah untuk menyokong aktiviti-aktiviti rukun tetangga dan khasnya skim rondaan sukarela sebagai salah satu daripada institusi di akar umbi yang menyokong dan membantu pihak polis dalam menjalankan rondaan dalam kawasan perumahan yang berkenaan. Maka, ini menunjukkan bahawa di bawah konsep GTP di bawah setiap NKRA memang wujud kerjasama yang rapat di antara jabatan-jabatan dari kementerian-kementerian yang berlainan.

Sebagai satu contoh secara ringkas bagi NKRA *low income household* atau isi rumah berpendapatan rendah yang sebenarnya di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi sejumlah RM665 juta diletakkan atau *parked* di bawah Jabatan Perdana Menteri kerana usaha untuk membasmi kemiskinan melibatkan banyak kementerian. Bukan sahaja Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tetapi Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Sumber Manusia turut terlibat khasnya dalam Program 1Azam mengenai azam tani dalam bidang pertanian, azam kerja dalam bidang untuk mencari pekerjaan di bawah Kementerian Sumber Manusia. Maka oleh itu, jumlah besar nanti yang akan diagihkan oleh satu jentera pengurusan iaitu yang dikenali sebagai *delivery task force* atau pasukan petugas penyampaian yang setakat ini dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Mulai pada pagi ini sebenarnya diambil alih oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekarang akan memberi

tumpuan kepada Program Transformasi Ekonomi (ETP). Maka di bawah jentera ini, semua keputusan sememangnya diuruskan bersama oleh menteri peneraju dan menteri-menteri yang berkenaan supaya pengagihan itu akan dilaksanakan dalam proses pelaksanaan dan bukan dengan begitu jelas kita ada batasnya sebab ia melibatkan begitu banyak aspek dari segi pembasmian kemiskinan, itu satu contoh.

Satu contoh yang lain ialah NKRA Pendidikan ataupun *education*.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bolehkah saya lanjut sedikit supaya...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Mencelah sedikit berkenaan dengan *NKRA for task force for low income household item 33200*. Saya baca di surat akhbar jawapan Menteri PEMANDU yang lain iaitu Datuk Seri Idris Jala bahawa NKRA ini yang diperuntukkan RM265 juta adalah untuk *delivery* untuk 22,000 keluarga. Bagi pandangan saya, RM265 juta ini kalau dibahagikan dengan RM1,000 boleh dibahagikan kepada 265,000 keluarga. Sekarang ini RM265 juta untuk *NKRA task force for low income household* ini hanya menguntungkan 22,000 keluarga. Apa yang tergantung dalam peruntukan ini? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, sebenarnya Yang Berhormat Bukit Bendera kurang jelas terhadap penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Senator Idris Jala selaku CEO PEMANDU.

■1740

Beliau cuma memberi sebagai satu contoh di mana peruntukan sebanyak RM265 juta ini akan digunakan tetapi bukan keseluruhannya. Sebab yang terlibat adalah program-program yang lain seperti 1Azam dan bukan seolah-olah memberi peruntukan *handout* ataupun bayaran terus seperti apa yang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang.

Akan tetapi, tujuan untuk membasmikan kemiskinan ialah untuk membina dan membangunkan kapasiti keluarga yang terlibat supaya mereka dapat mengambil bahagian secara bermakna dan berkesan dalam bidang ekonomi. Bukan seolah-olah bergantung pada pemberian oleh kerajaan, okey.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Okey.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sebab itu saya ingin mengatakan di sini bahawa ini mungkin sepatutnya dibawa, dijawab dengan lebih teliti.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Ya.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Oleh Menteri yang berkenaan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Bolehkah saya minta kalau boleh jawapan bertulis. Jawapan terperinci bagaimana RM265 juta ini akan digunakan dan berapa daripada jumlah ini telah disalurkan kepada konsultan. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, nampaknya Ahli daripada Bukit Bendera nampak hantu-hantu konsultan. Sebenarnya, yuran untuk dibayar kepada konsultan tidak

dimasukkan di dalam bajet ini, tetapi di bawah bajet PEMANDU yang hanya berjumlah lebih kurang RM40 juta untuk tahun 2011, okey. Itu adalah anggaran untuk tahun depan dan bukan yang akan diambil daripada angka RM265 juta ini.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Akan tetapi, dengan Tuan Pengerusi saya ingat saya cuma sebagai Pengerusi PEMANDU dan juga Menteri pengurusan prestasi, tujuan saya adalah untuk memberi satu gambaran yang menyeluruh mengenai apa yang dilaksanakan. Akan tetapi, butiran-butiran secara terperinci saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera nanti bangkitkan secara khusus di bawah jawatankuasa yang berkenaan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Ini sudah JPM, ini JPM. Jawatankuasa sudah lalu.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, ya. Nanti, nanti.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Saya hanya minta kalau boleh Yang Berhormat Menteri janji bagi jawapan bertulis terperinci sahaja. Kalau boleh janji tidak?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya boleh, boleh memberi jawapan tetapi bukan begitu terperinci sebab ini merupakan satu proses di mana kita membuat satu anggaran secara kasar mengenai apa yang dianggarkan sebagai perlu. Akan tetapi, pengagihannya secara teliti, terperinci akan dilaksanakan apabila kita melaksanakan program itu. Sebab itu kita mempunyai fleksibiliti apabila kita meletakkan peruntukan itu di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Ini kerana ia melibatkan beberapa kementerian yang berkenaan dan apabila satu program dijalankan didapati berkesan, kita teruskan dengan lebih giat lagi. Yang didapati tidak berkesan mungkin kita lambatkan dan kita kaji semula. Itu proses pengurusan prestasi yang baru.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Okey.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan mengikut secara ketat itu. Akan tetapi, pada akhirnya memang kita bertanggungjawab sebab kita perlu seperti yang telah dijanjikan memberi satu laporan tahunan, *annual report card* secara terbuka kepada rakyat. Keduanya, kita bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Kira-kira kerajaan iaitu apa yang *Public Accounts Committee* akan meneliti kesemuanya ini.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tetapi, saya...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Maka dari segi itu akauntabiliti dan *transparency* memang ada.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Ya. Akan tetapi, saya ingat permintaan ini bukan menyeleweng ataupun terlampau. Saya hanya hendak diberikan jawapan terperinci bagaimana peruntukan ini akan dicadangkan, akan digunakan pada tahun depan. Memang betul Yang Berhormat Menteri, saya memang nampak hantu-hantu konsultan. Memang itu betul dan saya minta kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawab. Berapa peruntukan diberikan kepada

tiap-tiap NKEA? Yang Berhormat Menteri pernah jawab di sini bahawa tiap-tiap *lab* NKRA kosnya RM6.5 juta.

Itu jawapan Yang Berhormat Menteri setengah tahun sebelum ini pada bulan April. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri mengesahkan berapa kos konsultan *lab* NKRA dan *lab* NKEA. Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tuan Pengerusi, dalam soalan yang sama.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, saya telah menjawab tentang kos untuk *labs* NKRA yang angkanya telah disebut tetapi saya bagi jumlah bukan setiap makmal.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri setiap makmal?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan, bukan.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Bukan. Okey.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan. Saya ingat *you* kena *check* bukan setiap makmal itu RM6.5 juta. Bukan, itu keseluruhannya, ya. Saya ingat itu...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tidak apa. Kalau Yang Berhormat Menteri boleh jawab, jawapan bertulislah.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okeylah. Kita kalau perlu kita boleh. Tidak menjadi masalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya sambung soalan yang sama.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Bolehkah Yang Berhormat Menteri bagi bukan sahaja perbelanjaan, tetapi konsultan-konsultan yang terlibat dalam *labs* ini secara terperinci setiap NKRA dan NKEA konsultan yang telah digunakan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Untuk NKRA saya telah memberi jawapan dan juga untuk *labs* yang berkaitan dengan NKRA. Untuk NKEA kita akan memberi jawapan nanti kalau ada memberi notislah, okey.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, kalau...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tidak jadi masalah.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sebab saya hendak menegaskan Tuan Pengerusi di sini bahawa penggunaan konsultan memang merupakan sesuatu yang biasanya diamalkan oleh mana-mana kerajaan pun. Khasnya kerajaan-kerajaan negara-negara maju. Saya pernah menjawab di sini bahawa kalau berbanding dengan United Kingdom dengan Britain, di mana perbelanjaannya untuk konsultan bagi tahun yang saya pernah sebut tahun 2006, 2007 satu tahun sahaja sudah lebih daripada £1.6 bilion.

Kalau berbanding dengan apa yang dilaksanakan di Malaysia ini, dia hanya jumlah puluhan juta dalam tempoh setahun hampir dua tahun ini, bukan banyak. Sebab ianya adalah untuk cara di mana kita berkongsi pengalaman, di mana kita gunakan kaedah mengurus yang

baru di mana mereka melibatkan masa dan kepakaran yang banyak. Itulah sesuatunya tidak harus dijadikan satu isu. Di mana hasil daripada penggunaan konsultan berusaha bersama dengan sumbangan daripada pegawai-pegawai kita sendiri, dan juga sumbangan daripada NGO dan pihak swasta kita sudah menjanakan satu kaedah yang cukup berkesan. Didapati bahawa sudah mendatangkan satu transformasi sejak ianya dilaksanakan pada bulan Januari tahun ini.

Tidak sampai satu tahun. Kita mempercepatkan *expedite* proses ini, kerana kita mahu supaya ekonomi kita dapat pulih dan sudah terbukti pulih kerana pertumbuhan untuk setengah tahun, separuh tahun pertama ini sudah hampir 10% dari segi kedudukan daya saing negara kita pun sudah meningkat, keyakinan pelabur sudah meningkat maka itu adalah hasil daripada usaha semua ini. Sumbangan daripada sektor swasta walaupun ada yang di antara pembangkang yang cuba hendak menjahamkan proses ini tetapi...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Bangun]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Akan tetapi, kita masih berpegang teguh untuk terus, sebab kita percaya proses ini yang bukan sahaja dibuat oleh konsultan tetapi oleh pegawai kerajaan dan melibatkan ribuan orang dalam proses ini secara sistematik.

■1750

Saya percaya bahawa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera ialah salah seorang yang luar biasalah, kalau berbanding dengan yang lain. Ini kerana pernah datang untuk menyaksikan apa yang berlaku dalam pameran kita dalam Hari Terbuka.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ya, itu benar.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya fikir itu haruslah menjadi satu dorongan untuk meningkatkan keyakinan bagi pihak Yang Berhormat sendiri.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ia tidak mahu berhenti lagi, nanti...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [Ketawa] Yang Berhormat Menteri, ini biasanya konsultan adalah untuk kerajaan yang ketandusan idea. Biasanya konsultasi ataupun perundingan perlu diadakan sepatutnya dijalankan dengan Jawatankuasa Parlimen untuk mengadakan *hearing*, tidak mengapa. Apa yang saya mahu tanya ialah seperti apa Yang Berhormat Batu tanya tadi itu. Berapa kos *labs* NKEA kerana Butiran 332100 di muka surat 136? Kos untuk NKEA ialah RM355 juta. Kos untuk NKEA pada Butiran 332100 kos NKEA ialah RM355 juta. Saya ingin tahu berapa kos konsultasi telah diperuntukkan? Itu penting. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor boleh sekali, Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, sila.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya fikir cakap-cakap tentang pembangkang mahu menjahanamkan program-program seperti ini saya fikir tidak wajar disebutlah. Ini kerana kami dengan segala pertanggungjawaban melahirkan semua ini atas rasa tanggungjawab *and we are assuming our constitutional responsibility here* sebenarnya, apabila memberikan pandangan-pandangan seperti ini.

Yang Berhormat Menteri jangan curiga tentang perkara itu setiap kali saya bangun berucap atas perkara-perkara seperti ini. Pertama yang saya tekankan ialah bagaimana saya mahukan semua program-program ini berjaya? Kalau gagal ia akan terus menghimpit rakyat dan tidak ada kebaikan bagi pembangkang pun. Yang Berhormat Menteri saya juga adalah antara pembahas ataupun MP yang berucap dalam peringkat Jawatankuasa ini bertanyakan banyak perkara tentang PEMANDU. Bukan sahaja Yang Berhormat Rembau ataupun Yang Berhormat Bukit Bendera, saya juga turut sama.

Saya boleh mendengar dan memahami segala kehendak dan cita-cita kementerian ataupun PEMANDU. Cuma yang tadi disebutkan apabila disebutkan tentang di mana peruntukan dibayar kepada konsultan. Saya juga pernah bekerja dengan konsultan tetapi tidak *McKinsey* ataupun *Boston*. Akan tetapi dikatakan RM40 juta. Saya melihat kepada butiran. Sebenarnya tidak ada satu peruntukan berjumlah RM40 juta. Apa yang ada disebut di situ kalau secara tepatnya, PEMANDU secara rasminya mendapat peruntukan Butiran 310000 dalam muka surat 134 adalah berjumlah RM20 juta - *RM20.67 million* ya Yang Berhormat Menteri. Jadi di mana RM40 juta itu saya tidak lihat? Itu yang pertama yang mahu saya tanyakan. Banyak lagi yang lain.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, Tuan Pengerusi, terima kasihlah kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor kerana berniat baik dan sudi untuk memahami dan menyokong cita-cita kami di sini. Sebagai penjelasan, saya ingin merujuk kepada muka surat 134 di mana di bawah Butiran 310000, RM20.67 juta. Saya merujuk kepada muka surat 135 di mana di atasnya yang kedua itu di bawah Butiran 320800, RM897,000. Selanjutnya muka surat 136 di bawah Butiran 331800 – PEMANDU pula RM18.4 juta. Kalau kita campur semua ini RM40 jutalah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, okey?

Oleh sebab itu, saya ingin menegaskan di sini bahawa memang kita bersedia untuk memberitahu apakah kos konsultan sebab itu bukan sesuatu rahsia. Ya, kerana ini terus terang kita membayar mengikut kadar pasaran, bukan mengikut pasaran di Amerika Syarikat. Akan tetapi pasaran di rantau ini, ya. Ini tidak bermakna bahawa para pemimpin ataupun pegawai kerajaan tidak mempunyai idea. Akan tetapi di mana-mana pun kerajaan di bawah *Tony Blair* yang begitu pandai dan memang disebut-sebut oleh pihak pembangkang dahulu sebagai contoh

pun ada. Mereka pun melantik konsultan dan tadi saya sebut kosnya lebih daripada 1.6 bilion *pound*, satu tahun untuk seluruh Kerajaan United Kingdom.

Akan tetapi kita tidak sampai ke 1% daripada itu pun. *We are not even 1% of that*. Kenapa dijadikan isu tiap-tiap kali? Oleh sebab itu saya kata kita mestilah lebih objektif dan profesional dalam membuat kritikan dan menjadikan... Saya fikir lebih baik kita tumpukan kepada apa ia NKRA, NKEA, dan bagaimana kita melaksanakannya? Itu lebih berhasil bagi saya, ya. Okey.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, ya. Sebenarnya saya membaca bukan sahaja dokumen-dokumen dan terbitan PEMANDU bahkan *analyst* sendiri daripada *research houses* termasuk daripada *Maybank*, *Morgan Stanley*, dan sebagainya.

Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri ada membuat dakwaan yang saya kira agak terlalu terkedepan kalau istilahnya betul begitu. Ia terlalu *presumptuous* ya. Ini kerana cuma mengutuk dan mengaibkan kejayaan-kejayaan terkini dengan kejayaan PEMANDU. Saya terus terang sebutkan, perkara-perkara Yang Berhormat Menteri bangkitkan tadi itu tidak ada *causal relationship* dengan izin, hubungan langsung atau pun berkebetulan begitu. Kita akan dapat lihat dan kita mahu lihat kejayaan PEMANDU dalam waktu yang terdekat. Mungkin *six months to one year down the road*. Akan tetapi buat hari ini kalau ambillah tentang *crime* sahaja belum lagi, dan tentang *growth* pun. Kalau kita bercakap tentang pertubuhan Yang Berhormat Menteri, ya saya belum dapat meletakkan *growth* itu dijana kerana PEMANDU, ya. *Growth* hari ini adalah akibat daripada apa yang dikatakan sebagai permintaan global. Yang lapan bulan yang lalu berturutan termasuk bulan Ogos dan bulan September telah pun mengalami *decrease in the export growth* dengan import *growth* bertambah. Ini satu bahaya yang hari ini kita dengar bahawa *analyst* meminta supaya ETP dilancarkan segera, supaya dapat mengelak daripada faktor (X - M) dalam GDP. Jadi oleh sebab itu faktor eksport tolak import akhirnya nanti *growth* akan dipacu dengan *G factors*, yakni perbelanjaan dan pelaburan kerajaan itu sendiri. *Consumption* atas faktor C pun akan mengalami sedikit risiko kalau cukai-cukai dinaikkan dan berkebetulan import duti 300 barang itu kita turunkan, tetapi *service taxes* kita naikkan kepada 6%. Ini akan menekan kepada *purchasing power* rakyat itu sendiri.

Jadi tidak semudah itu Yang Berhormat Menteri ya untuk kita letakkan kejayaan itu kepada usaha-usaha PEMANDU, belum lagi.

■1800

Ini bukan satu perkara yang mudah untuk kita membuat satu *equation* yang semudah itu tetapi apa pun kita mahu PEMANDU berjaya dan PEMANDU masih lagi dalam peringkat *lab*.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, cuba ringkaskan Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dalam peringkat *lab*, jadi metodologi itu belum senang-senang untuk diberikan kejayaan, berpandu kepada metodologi yang dibuat oleh konsultan-konsultan ini, jadi saya minta perkara tersebut dihalusi dengan cermat, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sebelum Yang Berhormat Menteri...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Menjawab. Saya hendak cuba habiskan...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, saya ingat saya cuba hendak tamat pukul 6.30.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, kalau boleh..

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, yang *last* sekali...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya ingat sudah, sudah cukuplah.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *Last* sekali, hanya satu sahaja minta Yang Berhormat Menteri. ETP ini memang diperhebat-hebatkan tetapi saya meminta jawapan Yang Berhormat, di mana NEM bahagian kedua? *New Economic Model* bahagian kedua dan bilakah kerajaan bersedia untuk mengumumkan hasil-hasil kajian *National Economic Advisory Council* yang sepatutnya dipandu oleh kerajaan tetapi sekarang ini telah diabaikan? Saya meminta kalau boleh Yang Berhormat Menteri memberitahu bilakah NEM *part two* akan diumumkan, terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, itu soalan lain tetapi saya jawab dengan ringkas, sebenarnya draf pertama Model Baru Ekonomi yang diusahakan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara juga telah diumumkan untuk mendapat pandangan orang ramai kerana ini adalah satu proses transformasi. Yang memerlukan satu proses untuk mendapatkan maklum balas, pandangan yang memang dalam masyarakat majmuk kita yang berbeza-beza.

Oleh sebab itu kita mesti mendengar lagi apakah pandangan terhadap cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh pakar-pakar sebelum kerajaan membuat keputusan tentang apakah yang baik, tetapi dari segi prinsipnya telah ditetapkan. Telah diumumkan prinsip untuk menjanakan pertumbuhan ekonomi supaya mencapai ekonomi berpendapatan tinggi berdasarkan dua prinsip dan komitmen iaitu keterangkuman atau *inclusiveness*. Kelestarian ataupun *sustainability* dari segi ekonomi dan ekologi, itu secara prinsip dan yang lain-lainnya memang sebahagiannya telah di zahir kan oleh 12 NKEA. Berdasarkan kepada pandangan bukan pihak konsultan, bukan sahaja pihak pemimpin dan pegawai kerajaan tetapi kita *engage*, kita berhubung dan berunding dengan sektor swasta. Merekalah yang mengemukakan pandangan dan cadangan ini, yang dirumuskan dalam bentuk NKEA. Saya ingat ini...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Adakah...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Secara ringkaslah dan cukuplah...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Adakah Yang Berhormat Menteri mengatakan di sini bahawa NEM bahagian kedua tidak akan diumumkan?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Akan diumumkan...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Bila?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Akan ditetapkan, kita masih dalam proses perundingan, mengenai apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Selangor tadi. Tuan Pengerusi, tidak pernah kami di sini menuntut bahawa segala-galanya adalah kerana PEMANDU. Tidak pernah kita juga mengatakan bahawa segala-galanya kerana kerajaan. Akan tetapi kita memang sentiasa menghargai dan mengalu-alukan sumbangan daripada sektor swasta dan daripada rakyat jelata, itulah pendekatan kita.

Bukan angkuh mengatakan kita yang tahu segala-galanya, Perdana Menteri sendiri pun mengatakan, *the age of the government knowing all is over* dengan izin. Ini satu pendekatan yang memang mesra rakyat dan juga rendah hati, bukan seperti yang dituntut oleh Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor. Kita memang faham, kita tahu bahawa sebagai sebuah ekonomi yang terbuka dan di antara yang amat terbuka di dunia ini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri saya mengungkap balik apa yang telah Yang Berhormat Menteri sebutkan. Saya tidak kata... Yang Berhormat Menteri yang sebutkan tadi bukan...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Atas kejayaan PEMANDU...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Kita tuntutan begitu, kita tak *claim* kredit itu. Kita cuma bersyukur kerana kita dapat bersama-sama dengan rakyat, itulah pendekatan kami dan yang saya hendak tegaskan di sini ialah apabila kita mengagihkan peruntukan untuk bajet, kita mengikuti NKRA dan NKEA, tetapi kita melibatkan banyak kementerian dan banyak juga agensi yang berkenaan. Secara ringkas struktur pengurusan untuk NKEA misalnya, sebenarnya adalah dipandu dan dipacu oleh seorang Menteri peneraju bagi setiap NKEA. Beliau sekurang-kurangnya seoranglah, sebab ada juga NKEA yang melibatkan dua orang Menteri, misalnya untuk elektronik dan *electrical*. Melibatkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi sebab ianya melibatkan kedua-dua kementerian dan agensi-agensinya yang harus bekerjasama untuk menjanakan sektor elektronik.

Oleh itu, ia melibatkan banyak kementerian, ratusan syarikat swasta yang mengambil bahagian melalui *lab* dan juga masih terus berhubung dengan pihak kerajaan, oleh itu dari segi implementasi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Bangun*]

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Maka lebih berkesan sekiranya peruntukan yang tertentu diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi digunakan...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Salak, Yang Berhormat.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya, nanti ya. Digunakan oleh kementerian yang berkenaan selepas berunding, selepas dibawa kepada Majlis Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Oleh sebab itu penyelarasan ini amatlah penting untuk mengelakkan pembaziran dan pertindihan, ini memang satu pendekatan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Peranan Majlis Ekonomi Negara macam mana Yang Berhormat Menteri?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti saya beri peluang kepada...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri, peranan Majlis Ekonomi Negara yang telah Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi itu?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: NEAC, di mana peranannya?

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan NEAC.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Majlis...

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Bukan, *Economic Council* bukan *Economic Advisory Council*. Ada dua. *Economic Advisory Council* itu...

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: [*Bangun*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Masih ada dan pengerusinya ialah seorang ahli daripada *Economic Council* yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Ya, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Yang Berhormat Menteri. Tadi saya telah mendengar penjelasan Yang Berhormat Menteri yang mengatakan bahawa peruntukan bagi melaksanakan beberapa projek untuk NKRA ini diletakkan atau di 'park' di Jabatan Perdana Menteri. Walaupun dari segi pelaksanaannya, mungkin melibatkan lebih daripada satu kementerian atau agensi, contohnya tadi umpamanya membasmi kemiskinan, pembasmian jenayah yang melibatkan lebih daripada satu kementerian atau agensi.

Ada sebahagian daripada peruntukan terus diberikan kepada kementerian atau agensi yang berkenaan untuk pelaksanaan. Walau bagaimanapun saya ingin bertanya berkenaan duit atau wang yang di *'parking'* di Jabatan Perdana Menteri itu, akhirnya kelak apabila telah dikenal pasti projek yang hendak dilaksanakan. Adakah wang ini akan diagihkan kepada agensi-agensi atau kementerian-kementerian yang berkenaan ataupun pelaksana-pelaksana yang berkenaan?

■1810

Ataupun pihak Jabatan Perdana Menteri akan menggunakan wang itu secara terus dan sebagai agensi pembayar pula kepada kementerian ataupun agensi pelaksana? Ini saya ingin bertanya, kalau sekiranya akan diagihkan, kenapa tidak terus diagihkan? Kenapa di *'parking'* pula di Jabatan Perdana Menteri? Adakah ini hendak memberikan satu kuasa kepada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dengan ada sumber-sumber kewangan yang tertentu seperti Yang Berhormat Idris Jala kah umpamanya. Beliau yang mereka ini semua, kemungkinan beliau hendak satu peruntukan yang besar juga. Tunjuk beliau punya *power*.

Akan tetapi kalau setakat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak perlu peruntukan ini untuk *exercise* dengan izin, dia punya *financial power*. Ini kerana beliau boleh menyuruh ataupun mengarahkan terus kepada kementerian-kementerian atau agensi untuk berbelanja mengikut apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri fikir wajar. *In the back* atau sebenarnya seluruh kewangan negara adalah di bawah kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, saya tidak begitu faham kenapa perlu ada *'parking-parking'* ini. Itu satu.

Kedua...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Cuba ringkaskan soalan Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya. Kedua saya ringkaskan, apalah salahnya ada konsultan. Ini Yang Berhormat kita di sebelah sana ini mengaku seolah-olah tahu semua. Semua mesti rujuk kepada mereka. Jadi, ini adalah pemikiran yang tahu semua ini, *you know all* ini bahaya. Jadi, saya harap lagi banyak pendapat sama ada daripada konsultan atau daripada pegawai kerajaan, ini lebih baik. Kenapa tidak? *Two heads is better than one*. Ia tidak merugikan.

Lagi satu, saya dapati sahabat-sahabat kita daripada sebelah sana begitu pesimistik sekali termasuk tokoh-tokoh ekonomi yang duduk di hadapan kita ini, bermain dengan teori ekonomi, bermain dengan teori *investment* dengan dia punya *forecasting*. Ya kita tahu, memang banyak *economist* ini, dia punya pandangan dan analisis yang berbeza-beza. Kalau kita hendak ikut, tidak ada satu kesimpulan yang akan kita dapat dan tidak ada satu strategi yang kita akan putuskan. Jadi, saya rasa tidak salah bagi kerajaan untuk mendengar dan selepas itu membuat satu rumusan dan satu strategi dan program yang difikirkan wajar dan kita berilah sokongan

kepadanya. Kalau kita hendak terus berpolemik, strategi, metodologi, *what* apa logi-logi, sampai bila kita hendak ada satu strategi dan pelan?

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya. Baik Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri, cukuplah setakat itu kita dengar dan kita ada satu iltizam untuk melaksanakannya. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: *[Bangun]*

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: *[Bangun]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih, ringkas sahaja.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Sebab saya hendak cuba habis gulung ini dalam pukul 6.30 petang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Okey. Secara ringkas. Saya tidak ada masalah dan saya tidak ada bantahan pada kaedah kita melantik konsultan ataupun orang yang dianggap mempunyai kepakaran bidang tertentu untuk membantu. Saya perhatikan tadi Yang Berhormat Pasir Salak di peringkat permulaannya beliau memang menyokong juga perkara begitu cuma di akhir beliau lain sedikitlah. Dia tidak ada masalah.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya secara ringkas...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Pasir Salak, beliau tidak sokong membabi buta. Beliau tidak taksu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya rasa beliau tidak buta hari ini. Terima kasih. Saya hendak tanya secara ringkas kerana jumlah yang diletakkan bawah *One-off* Butiran 33000 agak besar. Kalau diperhatikan di bawah *One-off* diletakkan sebagai berjumlah RM1.430 bilion yang tidak mempunyai penerangan ataupun penjelasan. Kalau tidak terperinci pun, sekurang-kurangnya tidak memberi gambaran yang *over lapping* kepada kaedah-kaedah penstrukturan bawah NKRA dan sebagainya. Hanya ada diterangkan di muka sebelah, yang saya rasa tidak ada lagi perkara yang tertinggal dari segi pengurusan diletakkan di bawah PEMANDU, bawah Unit Inovasi dan sebagainya semua ada di sebelah belakang.

Akan tetapi, di bawah *One-off* yang berjumlah RM1.4 bilion ini agak terlalu signifikan untuk kita tidak memberi penjelasan kerana terlalu besar peruntukannya itu. Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi penerangan dan bawah Butiran 33220 yang dibangkitkan oleh rakan kita tetapi setakat ini belum penjelasan. Itu merujuk kepada *delivery taskforce* bawah *low income household*. Saya berpandangan jumlah yang diperuntukkan ini untuk melaksanakan *taskforce* yang akan dibentuk untuk tahun 2011 khususnya untuk melihat masalah perangkap pendapatan sederhana dan rendah barangkali kalau benar apa yang diletakkan khusus untuk fokus kepada *low income household* di bawah DTF ini. Terima kasih.

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Yang Berhormat Menteri, ringkas sahaja. Yang Berhormat Menteri menyebut tentang National Economic Council ataupun Majlis Ekonomi Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya terima jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu lepas bahawa jawatan *council* ataupun majlis ini ditubuh atau dianggotai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Menteri MITI, Yang Berhormat Menteri JPM dari Tasik Gelugor dan Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, kenapa Yang Berhormat Menteri sendiri dikecualikan dalam Majlis Ekonomi Negara ini memandangkan Yang Berhormat adalah Menteri yang terkanan selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Ya. Tuan Pengerusi, inilah caranya beliau hendak cuba hendak hasut ini. [*Dewan riuh*] Tuan Pengerusi, anggota-anggota Majlis Ekonomi Negara ini dilantik mengikut portfolio yang relevan. Apa yang penting...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala masuk.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Apa yang penting ialah Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala masuk kerana beliau CEO PEMANDU dan beliau ini...

Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera]: Tuan Pengerusi.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Nanti, nanti. Beliau membawa – janganlah - Yang membawa pengalaman beliau dari sektor korporat untuk bersama. Saya ingat itu tidak jadi isu siapa yang masuk, siapa tidak masuk. Saya sudah berada dalam Majlis Tindakan Negara, Yang Berhormat Dato' Sri Idris Jala tidak masuk. Apa halnya? So, saya ingat inilah caranya sebab itu parti-parti pembangkang sekarang ini kecoh, gaduh. Saya ingat itulah. Saya tidak mahu jawab yang itu.

Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Indera Mahkota kerana setuju dengan rakan kita dari Pasir Salak bahawa apa salahnya konsultan. Nasib baik ada pakar-pakar tertentu di sana tidak menjadi konsultan. Ini kerana kalau kita lantiknya, nanti jadi kelirulah, pandangan begitu bercanggah-canggah. Saya ingin memberi penjelasan ialah apa yang dikenali sebagai *parking* atau diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri sebenarnya hanya satu item sahaja, satu butiran sahaja yang besar iaitu untuk isi rumah berpendapatan rendah NKRA dan sebabnya saya telah berikan penjelasan tadi bahawa kerana ia melibatkan banyak kementerian. Ia harus diuruskan oleh ICU iaitu Unit Pelaksanaan dan Penyelarasan mengikut senarai e-Kasih.

■1820

Itulah sebabnya angka yang agak besar RM265 juta diletak di bawah Jabatan Perdana Menteri tetapi apabila dibuat keputusannya untuk pelaksanaan maka ianya akan disalurkan kepada kementerian dan agensi pelaksana yang berkenaan yang kebanyakannya akan

dilaksanakan sedemikian. Bukanlah diletak di bawah kuasa saya ataupun CEO PEMANDU tetapi keputusannya dibuat oleh *Delivery Task Force (DTF)* untuk NKRA itu yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan sekarang oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Itu caranya.

Item yang lain misalnya untuk jenayah di bawah JPNIN cuma RM9.1 juta. Itu untuk Skim Rondaan Sukarela. Tidak banyak. Yang lain di bawah Kementerian Dalam Negeri. Kalau kita merujuk kepada Kementerian Dalam Negeri muka surat 650 akan didapati sejumlah RM351 juta diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri sebab dengan khususnya ianya melibatkan polis, melibatkan cara-cara lain, inisiatif lain yang dilaksanakan terus oleh kementerian itu. Oleh itu tidak menjadi masalah.

Untuk pendidikan juga hanya RM22 juta di bawah JPNIN kerana JPNIN menguruskan tabika-tabika perpaduan. Sebahagian daripada kelas-kelas prasekolah yang diuruskan juga oleh Kementerian Pelajaran dengan bajetnya oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah melalui KEMAS dengan bajetnya di bawah kementerian itu. Oleh sebab itu kita memang tidak bertujuan seolah-olah hendak memegang kuasa tetapi dengan tujuan penyelarasan yang baik. Itulah tujuannya untuk diadakan PEMANDU. Oleh itu saya ingin merumus secara ringkas bahawa untuk NKEA pun begitu juga.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Menteri sebelum rumusan boleh atau tidak kita mendapat jaminan supaya ke depan nanti kalau kita terpaksa menubuhkan apa jua badan-badan, pastikan yang sebelum dari kita menambah lagi birokrasi, bukan kata saya tidak setuju tentang PEMANDU ini tetapi nampaknya bertindih, bukan bertindih tindan juga tetapi *we keep on increasing*. Dengan kata lain kita ada sekarang ini ICU, CCU semua ada tanggungjawab tetapi antara sebab mengapa *expenditure* kerajaan dan birokrasi dalam JPM itu sendiri dahulunya RM12 bilion tetapi sekarang sudah RM15 bilion adalah kerana ketika kita menubuhkan satu yang baru yang lama itu tidak kita rasionalisasikan dan kita *consolidate*kan. Jadi akhirnya *we have a very fat bureaucracy over double XL size* itu. Yang Berhormat Menteri minta konsultan pastikan kita *come up with something yang optimization of our resources*. Terima kasih.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Tuan Pengerusi, sebenarnya penubuhan PEMANDU cuma mengambil pegawai eksekutif seramai 60 orang sahaja dan disokong oleh pegawai-pegawai bukan eksekutif seramai 31 orang. Ini bukan satu birokrasi yang besar tetapi ianya ialah bertujuan untuk bersama-sama dengan agensi lain, dengan ICU, EPU, MAMPU bersama-sama mencari kaedah dan juga menjanakan kaedah pengurusan yang lebih berkesan untuk semua bersama dan bukanlah secara hendak ambil kuasa, bukan. Ini kerana tidak mungkin 60 pegawai yang terdiri daripada penjawat-penjawat awam dan pegawai-pegawai dari syarikat milik kerajaan juga yang kita rekrut daripada sektor swasta bertujuan untuk menonjolkan apakah kaedah yang

dapat kita belajar dari negara lain, dari sektor korporat untuk menjadikan kerajaan kita lebih berkesan. Itu tujuannya, bukan hendak buat apa.

Oleh sebab itu saya hendak mengatakan bahawa mengenai NKEA kaedahnya pun sama iaitu kementerian yang berkenaan, Menteri penerajunya akan menjalankan tugas dengan peruntukan yang diberi yang nanti akan diagih sebab ini adalah buat kali pertamanya usaha dan inisiatif seumpama ini dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan secara bersepadu dan secara berfokus. Memanglah ada banyak cabaran tetapi kita masih dalam perjalanan, masih dalam pembelajaran – *process of learning* tetapi apa yang penting ialah kita sejujur hati, kita buat apa yang terbaik dan kita melaksanakannya tetapi dengan banyak input ataupun maklum balas dan sumbangan daripada pegawai, peniaga dan NGO. Sekarang saya juga mengalu-alukan sumbangan bernas daripada Ahli-ahli Parlimen dan bukan secara hendak ambil *potshot* sini dan sanalah. Itu memang biasalah. Dengan ini saya ingat cukuplah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri belum lagi.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Saya hendak beri peluang kepada rakan saya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Banyak soalan saya belum dijawab. Saya pernah tanya tentang MyTeams dan APCO. Itu pun tidak ditanya dan rombongan ke luar negeri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Itu telah saya jawab mengenai APCO itu. Kalau Yang Berhormat Batu masih berminat boleh kemukakan soalan atau notis dan kita akan jawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Saya kemukakan soalan ini semasa saya membahas dan langsung tidak disentuh oleh jawapan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: APCO sudah saya jawab dua atau tiga kali dan saya ingat tidak perlu kita ulangi.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Untuk bajet yang akan datang.

Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon: Okey, baik. Terima kasih saya ucapkan.

6.27 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Pengerusi, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Parlimen yang telah melibatkan diri dalam perbincangan Bajet 2011.

Yang Berhormat Lenggong telah menyatakan mengenai pembangunan lima koridor dan memohon penjelasan mengenai keberkesanan NCIA dan seterusnya meminta supaya mengemukakan projek-projek NCA di Lenggong. Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong, fokus koridor utara iaitu NCIA adalah dalam sektor-sektor pertanian, pelancongan perkhidmatan dan untuk makluman Yang Berhormat ini dilakukan dengan memperkukuhkan modal insan, teknologi dan infrastruktur.

Untuk makluman Yang Berhormat Lenggong tidak ada projek NCA yang dijalankan di kawasan Parlimen beliau cuma di kawasan bersebelahan ada tiga projek yang telah

dilaksanakan di bawah koridor ini iaitu pembangunan Sayong *Riverfront*, menaiktarafkan Istana Kenangan dan juga pembangunan Taman Negeri Diraja Belum di Gerik.

Seterusnya Yang Berhormat Jasin telah menanyakan mengenai fungsi UKAS dalam membangunkan ekonomi negara. UKAS itu adalah Unit Kerjasama Awam Swasta. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, UKAS berfokus ataupun bertanggungjawab untuk merancang dan menyelaras program penswastaan, kerjasama awam swasta PPP, meneliti dan memperakukan permohonan Dana Mudah Cara dengan izin, *Facilitation Fund* dan menyelaras pelaksanaan inisiatif pembangunan di lima wilayah koridor iaitu Utara, Timur, Johor, Sabah dan Sarawak.

Dalam hubungan ini UKAS telah mengenal pasti 52 projek bernilai kira-kira RM63 bilion yang akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh termasuk projek Lebuhraya Pantai Barat, Lebuhraya Guthrie - Damansara, Lebuhraya Sungai Dua - Juru, Lebuhraya Paroi – Senawang - KLIA.

■1830

Di samping itu dana pemudah cara iaitu *facilitation fund* akan disediakan sebanyak RM20 bilion bermatlamat untuk merapatkan jurang daya maju sektor swasta. Untuk projek yang berimpak strategik dan yang memberi limpahan ekonomi yang besar dan dijangka dapat menarik pelaburan swasta sepanjang tempoh RMKe-10. Pelaksanaan projek-projek tersebut serta peruntukan dana pemudah cara dijangka mampu membantu memenuhi sasaran pelaburan swasta sekurang-kurangnya RM115 bilion setahun sepanjang tempoh RMKe-10.

Seterusnya, Yang Berhormat daripada Rembau telah menanyakan mengenai senarai nama ketua isi rumah penduduk miskin di Rembau dalam senarai e-Kasih dan beliau juga ingin tahu mengenai seorang Pegawai Perangkaan yang ditugaskan untuk membuat kerja-kerja verifikasi di kawasan itu. Maka, ketiadaan pegawai ini mungkin menjejaskan penyaluran dan penyelarasan bantuan.

Untuk makluman Yang Berhormat, daerah Rembau kini mempunyai 537 ketua isi rumah dan daripada itu dalam senarai e-Kasih Tuan Pengerusi, 380 telah pun di verifikasi dan 219 belum. Untuk makluman Yang Berhormat, kontrak bagi khidmat pembantu itu, perangkaan yang dikatakan tadi itu, boleh dipertimbangkan sekiranya dimajukan kepada pihak berkuasa seperti...

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Parit Sulong. Parit Sulong.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Mana itu?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Parit Sulong, silakan.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Okey. Saya berminat dengan perkara yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengenai *list* e-Kasih ini sebab kebanyakan pelaksanaan program-program bantuan kerajaan adalah kepada peserta-peserta e-Kasih. Jadi

saya hendak tahu status kemas kini *list* e-Kasih ini. Adakah ianya telah selesai? Kalau telah selesai adakah ianya akan dibagi sesalinan kepada pemimpin-pemimpin setempat kerana bersetuju juga dengan Yang Berhormat Rembau iaitu pegawai yang ditempatkan di daerah-daerah ini dilihat tidak mencukupi dan saya kluatir kerana mengejar masa (*dateline*) kemas kini ini dibuat sekali lalu. Minta penjelasan pada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana soalan ini begitu *pertinent* sekali kerana ia merupakan satu sungutan di seluruh negara. Saya mengakui bahawa memang ada kelemahan dalam perspektif pendaftaran ini. Pada mulanya bila Program e-Kasih diperkenalkan untuk mengkoordinasikan semua data yang ada di pelbagai kementerian yang menggunakan cara mereka sendiri untuk memberi bantuan. Konsep e-Kasih adalah satu platform *virtual* yang akan dapat kumpulkan semua ketua isi rumah (kemiskinan yang dikatakan yang didefinisikan mengikut semasa ke semasa) dan dalam proses ini 2008 sudah lengkap. Hampir 44,000 data itu telah diuruskan dan sekarang saya dengar hanya 20,000 yang tinggal lagi sudah rekrut untuk dikeluarkan daripada e-Kasih dan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya habiskan, saya habiskan supaya jelas semua ini. Dan seterusnya Kohot 2009 dan 2010 dalam proses verifikasi kerana kekurangan-kekurangan pegawai yang dikatakan tadi. Maka, inilah yang perlu diperteguhkan dan diuruskan secepat mungkin supaya tidak ada yang tertinggal.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Satu lagi sebelum Yang Berhormat tanya. Satu lagi adalah dalam proses ini Tuan Pengerusi, kita mesti tahu bahawa bantuan yang disalurkan melalui lapan kementerian yang dahulu masih berlanjutan. Tidak boleh kita berhentikan itu kerana ini belum sempurna. Maka, kementerian ataupun Kabinet bersetuju supaya segala bantuan yang dahulunya diberi dilanjutkan sehingga perkara ini dapat disempurnakan.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebut pelbagai kementerian dan agensi melaksanakan cara mereka sendiri, satu. Kemudian kekurangan pegawai. E-Kasih memang sistem yang cukup baik tetapi isu di bawah ialah, pertama kadang-kadang penerima bantuan yang pelbagai daripada pelbagai kementerian dan agensi kerana kita terikat dengan senarai itu. Kalau di kawasan tertentu oleh kerana kita hendak bagi bantuan daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita terpaksa bagi dan kadang-kadang kita bagi kepada orang yang sama bagi bantuan sedangkan ada pihak lain yang lebih memerlukan dan orang lain tidak boleh bagi kerana senarai itu tidak ada.

Tadi Yang Berhormat sebut soal pelbagai kementerian buat cara yang tersendiri. Bagaimana sebelum ini kementerian sebut hendak adakan penyelarasan, satu. Yang keduanya, boleh tidak kuasa itu diperturunkan. Tiap-tiap daerah dia ada jawatankuasa *focus group* pembasmian kemiskinan. Bolehkah tidak kuasa untuk pertamanya membuat pemutihan, orang ini sudah diberi bantuan, sudah boleh keluar, diputihkan situ oleh jawatankuasa berkenaan dan jawatankuasa itu diberikan sedikit kuasa, diturunkan kuasa supaya isu-isu yang dibangkitkan tadi boleh kita selesai. Kalau tidak kita tidak boleh hendak buat dengan cepat kerana kekurangan pegawai-pegawai dan sebagainya menyebabkan yang sudah tidak perlu bagi lagi, kita bagi lagi, yang layak tidak dibagi dan sebagainya. Apakah kalau jawatankuasa itu diberi kuasa ada kes-kes miskin segera ini, tiba-tiba miskin, yang tidak ada nama dalam itu boleh diberi dengan adanya kuasa dalam *focus group*. Soal hendak masuk dalam senarai itu teknikal, masuk kemudian. Putuskan dahulu. Baru kita boleh selesaikan banyak masalah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta jawab. Jangan suruh Lenggong selesaikan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat jawab dahulu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Teruskan.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya dengar penerangan Yang Berhormat mengenai dengan permasalahan kekurangan kakitangan untuk mengurus perkara e-Kasih ini. Saya lihat di Sabah Yang Berhormat, pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk mengurus e-Kasih ini ialah kakitangan pejabat daerah iaitu *focus group* yang dipengerusikan oleh pegawai daerah.

Saya tidak tahu di tempat lain tetapi di Sabah ini pegawai daerah ini adalah *the busiest man* dengan izin, *in the district*. Soal *focus group* ini saya lihat di kawasan saya sendiri menjadi keutamaan yang terakhir dan sehingga sebelum sesi ini bermula saya lihat mesyuarat di pejabat daerah apabila kita menyampaikan maklumat mengenai dengan masalah e-Kasih ini, *feedback* dari pejabat daerah ialah diperturunkan kepada seorang kerani sahaja. Saluran maklumat daripada *underground* itu macam bercelaru dan kita sebagai MP kita tidak tahu, setiap hari kita melawat di kawasan kita lihat orang miskin tetapi dalam e-Kasih tidak ada nama. Jadi kita hubungi pejabat daerah tapi macam pengumpulan data itu tidak begitu lengkap.

Jadi persoalan saya di sini Yang Berhormat ialah dalam soal untuk memperkukuhkan kakitangan dan soal Sabah ini adakah Kerajaan Persekutuan untuk menghantar kakitangan tambahan ataupun minta kerajaan negeri untuk meminjam kakitangannya. Kedua, saya khususkan kepada soal perkara yang disentuh mengenai dengan data baru untuk memperkemas e-Kasih ini. Saya telah bertanya dalam Dewan ini mengenai dengan soal SUBUR yang bermasalah. Bantuan beras ini. Dalam jawapan yang saya terima ialah bantuan

SUBUR ini ditangguhkan kerana kita mengeluh masih banyak orang yang belum mendapat bantuan tetapi tidak ada dalam e-Kasih.

Di sini Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengatakan bahawa 520,000 pemohon baru yang telah diterima melalui 222 urus setia majlis pembangunan (MPP). Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat adakah statistik ini atau maklumat ini sudah sampai kepada ICU untuk diproses. Setakat mana? Apakah tahapnya? Supaya program SUBUR ini dapat dilaksanakan secepat mungkin. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kepada permintaan...

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [*Bangun*]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Hendak tanya juga? Sekali jawab. Saya habis ini dahulu boleh?

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Ini berkaitan e-Kasih juga. Minta. Tuan Pengerusi, saya terpaksa juga membawa e-Kasih ini dalam Dewan ini tetapi bukan untuk mempersoal tetapi hendak memaklumkan kerana hari ini kita di peringkat PAC telah diberi penerangan dan daripada apa yang kita lihat satu perkara yang wajar diberi perhatian serius pada hari ini oleh kementerian ialah mengenai dengan pengenalan e-Kasih.

■1840

Jumlah murid yang wajar mendapat bantuan di bawah pengurusan Rancangan Makanan Tambahan sekolah-sekolah yang dahulunya – sebelum diperkenalkan e-Kasih, jumlahnya 674,506 orang bagi tahun 2010 tetapi oleh kerana sistem pemberian ini hendak ditukarkan kepada senarai e-Kasih, dimaklumkan tadi bahawa jumlahnya menurun sehingga kepada hanya 57,000 orang daripada 673,000. Terlalu banyak perubahan.

Juga, peruntukan bagi belanja yang setakat ini yang belum habis tahun ini –dalam tahun 2010, jumlah di bawah rancangan RMT ini yang telah dibelanjakan oleh Kementerian Pelajaran ialah RM237.9 juta. Mungkin pada akhir tahun mungkin lebihlah.

Akan tetapi mengikut senarai e-Kasih, pada tahun 2011, jumlah belanjanya dikurangkan kepada RM38 juta. Ini terlalu besar perubahan. Kalau hari ini kata diluluskan bajet, maknanya akan termasuklah dalam peruntukan ini hanya RM38 juta. Jadi, saya minta pihak kementerian – tidak perlu jawablah saya ingat, tetapi hanya melihat secara serius kerana angka ini angka terkini dan bukan saya buat secara – di depan saya, inilah *briefing* yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran dalam perkara ini. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, yang pertama kepada penjelasan yang dipinta oleh Yang Berhormat Lenggong ya. Yang pertama itu, saya akui bahawa dahulunya ada penyalahgunaan dalam sistem penerimaan bantuan kerana terlalu banyak agensi yang menyalurkan dan tidak ada satu penyelarasan dan itulah pokok utama kenapa e-Kasih telah ditubuhkan. Saya akui bahawa memang ada kelemahan kerana kita baru

dua tahun dalam proses ini dan ini merupakan satu perkara yang begitu teknikal. Ini kerana bila kita memberitahu – pemimpin kah, NGO kah, memberitahu ada seorang miskin, dia masuk satu borang sahaja melalui komputer atau borang secara fizikal diberi. Selepas itu ada 23 muka surat verifikasi yang begitu banyak sekali data-data yang perlu diambil termasuk gambar dan sebagainya.

Maka, *focus group* ditubuhkan di peringkat daerah untuk bekerjasama dengan Pengerusi JKKK, tok ampat-tok ampat dan semua ketua jabatan serta pihak-pihak yang berkenaan dan sepatutnya setiap bulan ada mesyuarat. Di peringkat Parlimen saya sendiri sebagai pengalaman, kami begitu berjaya sekali dari segi *focus group* kerana kita memantau dari berapa banyak bantuan yang diberi – setiap keluarga, KIR.

Saya mengakui bahawa kelemahan-kelemahan ini perlu diatasi dalam proses pertama – verifikasi cepat perlu dibuat kerana takut ada yang tertinggal, kedua – pemutihan itu perlu dilakukan kerana ia begitu anjal. Kadang-kadang saya mendapat gaji katakan RM500, tiba-tiba saya diberi bantuan, saya sudah masuk ke *bracket* RM1,000, maka saya sudah keluar daripada miskin tegar atau miskin. So, saya masuk ke dalam *bracket* mudah miskin. Maka, proses ini begitu dinamik.

Cadangan-cadangan yang diberi oleh Yang Berhormat itu tolong sampaikan kepada saya. Saya akan pastikan bahawa perkara ini dibincangkan dalam ICU kerana ICU sendiri sedang dalam proses untuk mencari seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan tadi. Begitu realistik dia punya masalah kerana keupayaan pegawai dan kekurangan staf. Saya akui bahawa pegawai daerah begitu banyak sekali dia punya kerja. Berpuluh-puluh mesyuarat dia kena pengerusikan. Maka dalam proses ini, mungkin akan tertinggal data-data dan kelengkapan data akan cair. Ini saya setuju bahawa saya akan bawa kedua-dua perkara ini. Kalau boleh diberi cadangan, saya boleh terima.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Bangun*]

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tunggu sekejap, Yang Berhormat. Saya hendak beritahu kalau saya dapat, hendak habiskan 7.30 petang, Yang Berhormat. Kita ada 15 hari lagi. Baru satu kementerian sudah dua hari dah. Jadi kalau perkara baru, itu saya ingat tidak payahlah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Itulah, saya minta kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat tolong sampaikan secara bertulis cadangan yang dikatakan tadi dan beri maklum balas dari kawasan sendiri...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Berapa orang yang tercicir dan berapa orang yang belum diversifikasi. Kita bantu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat, perkara ini kita sudah bangkitkan begitu lama. Yang Berhormat jangan anggap bahawa saya tidak masuk dalam mesyuarat *focus group*.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak ada, tidak pernah, Yang Berhormat.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya aktif dalam *focus group*. Saya tahu secara *detail* semua isu yang saya sebutkan tadi. Mungkin Yang Berhormat sebut bahawa ketua kampung main peranan tetapi tidak ada arahan tetap. Kenapa tidak ICU bagi arahan bahawa ketua-ketua kampung yang sudah naik gaji ini, elaun lebih ini, bagi tanggungjawab untuk mereka membantu pegawai-pegawai yang dilantik – tiga orang ICU ini, untuk mereka kenal pasti di kampung-kampung? Ini kerana mereka ini ketua kampung berkenaan macam di...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Itulah saya kata Tuan Pengerusi, saya minta supaya Yang Berhormat sampaikan. Ini kerana di kawasan saya tidak ada masalah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang ini Yang Berhormat, kita banyak kali cakap.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ia bergantung kepada kawasan-kawasan berkenaan. Tolong bagi, oleh kerana kita kesuntukan masa. Minta maaf.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya hendak jawab ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Ini cadangan yang entah ke berapa kali saya cakap.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Cadangkan, cadangkan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Saya harap ia dilaksanakan, Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Dan kepada Yang Berhormat dari Tuan tadi...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya ingin mengatakan bahawa masalah SUBUR itu adalah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Mungkin saya tidak dapat memberi penjelasan *direct* tetapi setakat ini, mengikut maklum balas yang telah diberi oleh ICU, belum dapat lagi yang 500 lebih penerima SUBUR itu dikemaskinikan di peringkat ini, tetapi kami akan selaraskan. Baru saya dapat maklum balas daripada pegawai di belakang. Okey?

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Lualan, lualan. Tentang apa yang Yang Berhormat sebut tadi mengenai *focus group*, saya rasa amat kecewa kerana kami tidak langsung diberi taklimat mengenai e-Kasih dan soal mengenai e-Kasih. Maka, kita Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang juga diminta bekerjasama. Namun, saya tidak pernah dijemput untuk menghadiri *focus group* ini dan senarai yang saya beri pun sampai sekarang tidak menerima penilai-penilainya.

Jadi, saya rasa ini adalah kita sama-sama hendak membantu golongan miskin. Kenapakah kami Ahli-ahli Parlimen daripada pembangkang yang dipilih oleh rakyat tidak termasuk dalam *focus group*? Bukan kita membuat keputusan berseorangan, kita ada satu jawatankuasa, satu kumpulan. Jadi, tidak mungkin timbul tuduhan yang kita mungkin hanya hendak beri kepada penyokong kita ataupun kepada ahli kita. Jadi di manakah keadilannya kepada kami?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, saya ingin menegaskan di sini bahawa ICU membuat pendaftaran e-Kasih tanpa mengira ideologi politik kah, kaum kah atau apa. Kalau mereka miskin, itulah hala tuju kita.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Betul, Yang Berhormat. Akan tetapi kami Ahli Parlimen, kami tahu di mana selok-belok kawasan kita. Ada tempat yang tidak boleh sampai oleh pegawai daerah, pegawai ICU dan kumpulan-kumpulan lain, tetapi kita Ahli Parlimen – sekurang-kurangnya ambillah pendapat kita, cadangan-cadangan kita. Kenapa ini boleh berlaku? Selama ini saya selalu sangat berjumpa Yang Berhormat Menteri di luar, memberi senarai tetapi sampai hari ini senarai yang saya berikan melalui Yang Berhormat dan juga melalui komputer itu, kita masukkan, mereka masih tidak menerima kunjungan daripada penilai-penilai.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, tadi saya sudah beritahu yang kita buat ialah kohort 2008. Untuk tahun 2009 dan 2010 masih ada masalah verifikasi. Saya sudah beritahu terlebih dahulu. Itu sebabnya saya mulakan perbincangan ini dengan cara begitu kerana saya tahu masalah akar umbi. Itu sebabnya sebelum 30 Disember ini, kita telah minta ICU supaya melihat balik bagaimana hendak selesaikan masalah ini. Kalau tidak, ia menjadi isu besar lagi. Kita kasihan, orang yang menjadi sasaran untuk kita bantu akan bakal tidak mendapat bantuan. Kita pun punya hati perut, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pilihan raya, rakyat memilih kerajaan. *So*, soal menguruskan rakyat, biarlah kerajaan yang buat. Rakyat pilih Wakil Rakyat yang tidak kerajaan, dia bersuaralah dalam Dewan Rakyat. Saya rasa jelaslah. Tidak perlu kita pertikaikan.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Di mana dalam Perlembagaan yang mengatakan bahawa yang kami tidak ada peranan di sini untuk membantu? Apa peranannya kami?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ini urusan kerajaan. Rakyat pilih kerajaan. Biar kerajaan selesaikan masalah ini. Jabatan di peringkat kerajaan dan Ahli Parlimen Barisan Nasional, dia juga membantu kerajaan kerana Ahli Parlimen Barisan Nasional lah yang...

■1850

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kalau begitu, jangan cakap di Parlimen ini kita memberi kerjasama dan sama-sama membantu masalah kemiskinan ini.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak apa lah Yang Berhormat, kita sambung lah. Tidak apa, tidak apa, duduk.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Bukan, cakap lain, buat lain. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Lain kali jangan cakap begitu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Jangan marah.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, saya marah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya teruskan.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri, sebelum Yang Berhormat pindah.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Ada perkara penting yang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat sebut SUBUR ini kementerian lain, ini semua sebenarnya ialah bergantung kepada soal e-Kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, Menteri itu tadi sudah ada dah. Beliau akan menjawab nanti.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Tidak, tidak, Yang Berhormat dengarlah. Yang Berhormat ini tidak mahu dengar. Dia ini semua berpunca daripada soal e-Kasih. Jadi, maknanya kementerian Yang Berhormat ini mesti menyelesaikan isu e-Kasih ini supaya dapat menyelesaikan keseluruhan permasalahan yang kita bincangkan.

Kedua, beban tugas Pegawai Daerah sangat berat. Yang Berhormat mesti memperkasakan institusi tersebut. Jangan lagi biarkan Pegawai Daerah mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa yang tidak penting. Akhirnya perkara yang penting sebagaimana yang Ahli Parlimen bincangkan di sini terabai kerana tanggungjawabnya yang sangat berat. Beri juga tugas dan tanggungjawab kepada semua ADO bagi membantu DO mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di peringkat daerah.

Kalau Pegawai Daerah selalu kita sebut sebagai pegawai yang sibuk, akhirnya tanggungjawab kita untuk membela rakyat dengan perancangan yang baik, dengan kewangan yang baik akan terabai. Bayangkan sekarang ini sudah bulan berapa, SUBUR masih lagi kita tidak dapat berikan bantuan kepada rakyat yang sudah pun kita umumkan, ternanti-nanti bantuan ini. Ianya bermula daripada soal kelemahan e-Kasih yang di bawah jagaan Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta sedikit laluan. Hendak beri penjelasan. Saya tertarik apa yang dikatakan oleh Ahli Parlimen dari Kota Raja tadi. Minta Kerajaan Barisan Nasional untuk prihatin terhadap Ahli-ahli Parlimen dari pembangkang. Sedangkan saya Ahli Parlimen di negeri

Selangor, kerajaan negeri tidak pernah menjemput saya untuk membincangkan apa juga perkara. *[Tepuk]*

Majlis Daerah Hulu Selangor tidak menjemput saya apabila diminta. Pejabat Tanah tidak jemput saya apabila diminta. Apa pula, tiba-tiba datang di Parlimen untuk meminta Kerajaan Barisan Nasional pula untuk berbuat demikian. Jaga rumah sendiri dahulu. *[Dewan riuh]*

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kalau begitu, lain kali jangan tuduh bahawa kita tidak turut membantu rakyat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat ada *double standard*.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Kita tidak tuduh, dia yang tuduh.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Okey.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Kita tidak tuduh, yang menuduh Yang Berhormat Kota Raja. Kita tidak tuduh.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, meludah di langit, timpa diri sendiri. Tidak apalah, duduk.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, baik kita teruskan.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Maran, Maran.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, kita teruskan Tuan Pengerusi. Saya menyambut baik ...

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Maran, Maran.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Maran, sedikit, sahabat.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingin peringatkan Yang Berhormat. Tanggungjawab bersama Yang Berhormat. Kita hendak habiskan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, saya tidak ada masa.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jadi, minta tolonglah ringkaskan soalan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Maran.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Tidak, sedikit. Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya setuju dengan Yang Berhormat Hulu Selangor tadi. Saya kalau dengar cakap Yang Berhormat Kota Raja ini nampak cantik. Bahkan dari segi kita kerajaan Barisan Nasional, kita banyak tolong sudah walaupun bukan anak kepada borang Barisan Nasional, semua anak pembangkang kita beri.

Akan tetapi, apabila kita minta dia buat kerja, dia hasut kerajaan, hasut rakyat burukkan kerajaan. Ini benda yang kita tidak suka. Saya, kalau betul-betul buat kerja tidak ada masalah. Ini kerana selama ini pun kerajaan Barisan Nasional beri apa yang tidak beri. Cuba lihat buku teks pun kita beri tetapi kalau beri kepada kita Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab itu kita Barisan Nasional, kita mampu buat.

Cuma, kita hendak Yang Berhormat Timbalan Menteri perbaiki, perkasakan pejabat daerah. Saya bekas pegawai di pejabat daerah. Perkasakan, tidak perlu dah pembangkang ini. Kalau kita beri dia, dia habis hasut. Jadi, biar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Kita hapuskan sahaja demokrasi, tidak payah ada pembangkang lagi.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak payah, tepuk dada tanya selera. [*Dewan riuh*]

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Alamak, tidak payah ada pembangkang? Kerajaan Negeri Selangor jadi dahululah. Yang pasti itu jaga betul...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya minta izin supaya sambung perbahasan saya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya nampak petang ini Yang Berhormat Hulu Selangor bersemangat betullah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: MIC Tuan Pengerusi.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Tuan Pengerusi, memanglah mesti bersemangat. Cakap itu bukan-bukan Yang Berhormat Kota Raja ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila, sila Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Rakan seperjuangan MIC Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya minta supaya pembangkang pun tepuk dada tanya selera.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Cakap tidak serupa bikin.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya setuju dengan Yang Berhormat daripada Ledang. Saya rasa ADO boleh diperkasakan tugasnya. Ini kerana, ada dua, tiga ADO sekarang, ditambah seorang. Maka, ini saya akan sampaikan kepada ICU.

Baik, saya pun ucapkan terima kasih atas semangat Yang Berhormat Maran. Berkobar-kobar tadi.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: [*Bangun*]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sarawak mahu cakap Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kalau tidak beri Sarawak, Sarawak ...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Mengamuk nanti.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. E-Kasih ini, saya ada hendak minta penjelasan e-Kasih dengan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) sebab tempoh hari saya bangkitkan perkara ini juga dan pada hari ini saya tertarik juga dengan peluang ini. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Ini adalah tujuan kerajaan untuk membantu orang miskin, anak-anak murid sekolah yang mendapat KWAPM itu miskin juga. Dua minggu lalu saya di Kapit untuk merasmikan mesyuarat PIBG di Sekolah Menengah Kapit. Saya telah difahamkan oleh pengetua bahawa tahun lepas seramai lebih 300, hampir 400 orang murid di sebuah sekolah yang besar itu mendapat bantuan KWAPM. Akan tetapi, sekarang sistem beralih kepada e-Kasih. Dalam e-Kasih pengetua dan saya terkejut kerana sekarang dalam senarai e-Kasih hanya sepuluh orang sahaja budak sekolah yang masih bersekolah, yang masih miskin juga di sekolah itu mendapat bantuan secara e-Kasih. Sepuluh orang ini dapat.

Tidak mungkinlah dari bilangan yang begitu besar melalui sistem KWAPM itu sekarang hanya sepuluh orang sahaja yang layak mendapat bantuan. Di manakah *equalization* antara dua sistem ini sebab kita tidak hendak mereka yang sepatutnya layak dibantu tidak masuk dalam senarai e-Kasih. Jadi, ini masalahnya. Jadi, di manakah peranan pengetua atau pun pihak sekolah dalam mengemaskinikan senarai e-Kasih ini? Membantu di peringkat pejabat daerah. Sekian, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Baik, terima kasih. Saya menerima baik pandangan Yang Berhormat Kapit tetapi itu menegakkan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Padang Besar tadi mengenai 673,000 tiba-tiba boleh jadi 53,000. Maka, ini adalah selaras dengan apa yang berlaku di sekolah itu. Maka, ini ada tempias, kesan di seluruh negara. Maka, satu cara adalah untuk kita balik kepada yang asal. Maka, kita kena pujuk balik pembuat dasar di peringkat kami dan saya minta sokongan daripada Ahli-ahli Parlimen supaya kita membawa isu ini dan pastikan bahawa kita balik kepada mana-mana yang betul-betul perlukan bantuan seperti dahulu.

Kalau tidak, yang macam dahulu pun macam mana cara hendak buat. Itu, kita perlu lihat mekanisme. Seterusnya, saya hendak bincangkan mengenai Yang Berhormat Kinabatangan yang membawa isu mengenai tujuh projek yang telah beliau majukan tetapi tidak ada kelulusan di peringkat Rancangan Malaysia Kesepuluh. Untuk makluman Yang Berhormat, *rolling plan*, bajet ini adalah sebahagian daripada *rolling plan* pertama, Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Konsep *rolling plan* ini kena faham. Kita akan berkesinambungan daripada pertama, Rancangan Malaysia Kesembilan. So, ada projek-projek yang tidak habis, yang perlu disambung

ke Rancangan Malaysia Kesepuluh tetapi di peringkat *rolling plan* pertama. *Rolling plan* pertama dua tahun sahaja, 2011 dan 2012. Maka, ada juga pada tahun 2013, 2014, 2015 *rolling plan* kedua. Maka, mungkin kalau ada projek-projek yang tercicir di sini akan disambung di peringkat itu.

Saya minta Yang Berhormat Kinabatangan kerana data-data mengenai projek-projek itu ada pada saya. Mungkin boleh bincang secara peribadi, tidak payah saya bincangkan satu persatu. Akan tetapi, ingin beritahu bahawa dalam bidang keberhasilan utama negara NKRA dan bidang ekonomi utama negara NKEA sudah pun ada projek-projek di Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak sentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Maran tadi. Saya ingat ini penting Yang Berhormat. Saya dimaklumkan bahawa, bila borang e-Kasih 48 muka surat itu dihantar kepada DO, DO tidak mempunyai *staff*. Kementerian EPU tidak ada beri *staff* bantuan dan sebagainya. Akhirnya, tiap-tiap hari dia boleh *down lose*. Sebanyak mana pun, satu orang bekerja ialah empat borang sahaja oleh sebab borang begitu tebal.

■1900

Jadi Kerajaan Pusat tidak ada bantu pejabat DO ini. Jadi itulah kelambatan itu tidak boleh masuk. Jadi apa *empowerment* atau memperkasakan pihak DO ini?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Itu sebab Tuan Pengerusi saya sudah kata tadi. Saya rasa perkara ini memang dirasakan begitu serius di peringkat akar umbi. Dalam masa yang terdekat ini kami akan cuba secepat mungkin untuk mencari satu jalan penyelesaian seperti mana yang dikatakan. Saya akan membawa benda ini ke peringkat JPM.

Yang Berhormat Batu Gajah telah menanyakan mengenai projek-projek kecil di bawah peruntukan sebanyak RM1 bilion, yang ada dalam butiran-butiran kod tadi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan projek-projek kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk tempoh projek ini adalah untuk:

- (i) meningkatkan kemudahan asas kepada rakyat;
- (ii) untuk tujuan kecemasan dan bencana seperti yang berlaku sekarang di Alor Setar, Kedah; dan
- (iii) keperluan-keperluan semasa dan keperluan kemasyarakatan.

Maka keseluruhan itu dilonggokkan dalam projek-projek kecil kerana bencana-bencana ini belum kita tahu apa akan berlaku. Maka inilah peruntukan yang dibuat.

Yang Berhormat Kuala Selangor telah membawa kepada jaminan kejayaan dan perbezaan Talent Corporation sekarang dengan inisiatif sama ada pada tahun 2005 dan tahun-tahun sebelumnya sama atau tidak dengan sekarang. Beliau menanyakan macam mana dahulu dan sekarang. Beliau juga ingin tahu adakah penekanan akan diberi kepada *talent* luar negara ataupun membangunkan *talent* tempatan.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor, dahulunya memang ada konsep ini, tetapi konsep ini telah dinaungi di bawah Kementerian Sumber Manusia di mana program itu disebut dengan izin, Returning Expert Programme. Selepas itu di bawah MOSTI, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ada satu program juga bernama Brain Gain Program. Oleh kerana program ini begitu longgar, maka kerajaan bersetuju untuk membuat satu Talent Corporation yang boleh memberi tumpuan kepada konsep membawa *talent* ke Malaysia dan mengekalkan *talent* yang sedia ada. Maka ia merentasi semua kementerian. Dia tidak satu dua tiga kerana konsep Model Ekonomi Baru adalah inovasi dan kreativiti dan *high income* serta modal insan yang begitu tinggi kualiti dia. Kalau itulah fokusnya maka, dia merentasi semua kementerian. Maka dengan cadangan itu, kerjasama pihak swasta dan kerajaan juga perlu juga diperuntuhkan. Maka dengan konteks itu Talent Corporation ini telah diwujudkan.

Yang Berhormat Bandar Kuching juga telah menanyakan soalan yang sama. Tetapi beliau menggunakan konsep angka Malaysian Diaspora, dengan izin. Maka ianya sama dengan Talent Corporation, Malaysian Diaspora. Kenapakah perkara ini begitu penting sekarang? Kerana modal Insan tidak lagi menjadi satu komoditi yang kepunyaan satu sempadan kenegaraan. Ia sudah boleh dieksport dan diimport dan ia berlaku dengan begitu dinamik sekali. Cara Singapura menarik dan juga cara negara-negara yang lain menarik.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Boleh tidak saya habis dahulu Yang Berhormat Padang Besar?

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Okey.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Maka dalam proses ini kalau kita tidak ambil tindakan-tindakan untuk memerangkap '*the brains*', dengan izin dan juga untuk menarik lebih ramai untuk membawa ke *niche market* itu, ke pasaran bitara, *niche market* bitara. Maka akan berlaku rintihan yang boleh menyebabkan parah keadaan negara. Maka dengan ini kita terpaksa membuat satu dasar yang lebih jelas ke arah 2020. Dan dalam konsep ini pertama fokusnya adalah pemuda, *youths* iaitu *student* tempatan, *student* antarabangsa yang mengaji di sini dan mahu pergi ke tempat lain. Yang kedua, *Malaysian professionals* yang dari luar negara kita tarik balik dengan ganjaran-ganjaran tertentu dengan dia punya *career development* yang lebih baik dan juga warga asing yang boleh memberi sumbangan kepada perkara-perkara atau sektor-sektor yang kita rasakan akan jadi *the lead player*. Maka inilah fokusnya. Maka Talent Corporation sekarang hanya ada interim *group* sahaja. Ianya akan mengadakan makmal dan *frameworknya* kemudian. Saya tidak boleh memberikan butiran yang terlalu terperinci.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Tuan Pengerusi, kita memang mengalu-alukan dengan wujudnya Talent Corporation. Tetapi ingin saya maklumkan, dengan pengalaman saya sendiri saya terpaksa membantu anak-anak Malaysia yang balik dari luar negara dengan

kepakaran yang tinggi, dengan pengalaman yang tinggi untuk mereka balik kalau hendak mengirakan gaji, gaji mereka besar. Kalau setakat kerajaan sahaja hendak berikan gaji tidak cukup. Mereka balik dengan pengalaman untuk membuka *business* sendiri. Tetapi dalam membuka *business* sendiri ada beberapa perkara yang perlu mereka lakukan, mewujudkan syarikat. Syarikat yang mereka wujudkan di sini memang tidak ada *track record*, tetapi pengalaman mereka adalah *track record*. Tetapi apabila masuk kepada agensi kerajaan, you hendak *track record*.

Ini antara *problem*, saya terpaksa memaklumkan perkara ini kerana perlu dengan penglibatan saya yang kenal dengan menteri itu, kenal dengan menteri ini kenal dengan pegawai itu dan ini baru dapat menembusi birokrasi. Jadi Tuan Pengerusi, apa yang hendak disebutkan di sini memang cantik di atas, tetapi birokrasinya amat tebal. Oleh itu Talent Corporation haruslah mengiktirafkan bahawa mereka ini pulang bukan untuk mendapat gaji, tidak mampu kita hendak membayar gaji sebanyak mana pun kerana beza. Kalau di Singapura memang wang Singapura itu tinggi dan wang dia besar. Tetapi di Malaysia memang amat rendah. Kalau mereka pulang mereka hendak buat *business* sendiri. Jadi inilah antara perkara yang harus diberikan perhatian bahawa birokrasi itu perlu dilonggarkan dengan sebaik mungkin. Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy : Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tambah sedikit. Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebutkan tentang projek-projek kecil diberikan satu peruntukan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada projek-projek kecil meliputi pertamanya projek-projek kecil infrastruktur. Untuk makluman, pada tahun 2010 ianya tidak dapat dilaksanakan kerana beberapa sebab dan menyebabkan banyak daripada kontraktor-kontraktor Kelas F memang menghadapi satu masalah yang cukup sukar pada ketika ini. Kita tidak dapat melaksanakan terutamanya projek PIER dan PIAS. Adakah untuk RMKe-10 yang bermula pada tahun 2011 nanti projek ini akan melipatgandakan? Itu pertama.

Yang kedua, apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut tentang Talent Corporation tadi, memang satu perkara yang amat rumit sekalilah untuk kita memanggil balik profesional-profesional kita yang dibayar dengan gaji yang bukan sahaja tinggi, tetapi kalau kita lihat dari segi pertukaran asing ianya memang tidak termampu untuk kita bayar. Sekurang-kurangnya mereka adalah satu pelaburan kepada kita. Kerana *reverse investment*, duit yang dia dapat itu dia akan hantar ke kampung. Dia akan balik ke negara Malaysia juga. Yang saya hendak sebut satu Talent Corporation ini, adakah kerajaan pada ketika ini boleh meniru apa yang dibuat oleh Temasek Holdings di mana, syarikat-syarikat Temasek menguasai semua syarikat teknologi di luar negara dan membawa kembali teknologi tersebut ke negara mereka. Ia mempunyai nilai tambah, bukan sahaja mereka dapat melatih anak-anak mereka terlibat dalam teknologi tinggi,

bahkan kita dapat memiliki teknologi tersebut dan sekali gus kita dapat mengambil alih syarikat-syarikat luar negara. Adakah kerajaan akan mengambil pendekatan tersebut? Terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Yang pertama kepada Yang Berhormat Padang Besar tadi. Saya ingin mengatakan bahawa saya faham keluhan Yang Berhormat mengenai masalah birokrasi. Itu sebabnya Talent Corporation ini telah dilakukan atau telah dirangka dengan adanya kajian yang dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi pada 2007, di mana kita membuat satu kajian mengenai *Transformation To A Knowledge-Based Economy, Addressing Policy And Strategy Gaps* mengenai *Data Global Migration, International Labour Organization* dan data-data lain. Didapati ratusan ribu rakyat Malaysia telah keluar dari Malaysia. Maka dari laporan ini, *feasibility study* tadi inilah kita bawa konsep ini. Yang dikatakan tadi oleh Yang Berhormat dan Yang Berhormat yang membawakan cadangan itu masa lap itu tolong melibatkan diri, kerana kerangka itu masih belum dibuat, tetapi akan dibuat. Hanya pegawai empat orang sahaja sekarang bertugas untuk membuat *framework* dan akan memanggil orang untuk melibatkan dalam *framework* ini.

■1910

Dato' Seri Azmi bin Khalid [Padang Besar]: Minta maaf pendek sahaja. Seperti yang saya sebutkan tadi, kenapa orang atas kena masuk? Kenapa *intervention* daripada orang macam kita yang berpengalaman, yang kenal orang, kenapa? Bagaimanakah orang yang tidak kenal orang? Tesis saya ialah bahawa di Malaysia ini kena kenal orang. Tidak kenal orang tidak dapat apa. Datang apa pun, jadi minta maaf. Ini saya sebut untuk memudahkan...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya mengakui dalam birokrasi memang ada masalah. Saya tidak kata kita sempurna semua orang kenal. Akan tetapi kadang-kadang itulah, manusia ini lumrah. Harapkan pagar, bukan pagar makan padi lagi. Harapkan pagar, pagar racun padi. Maka sudah berbeza konsepnya. Maka golongan-golongan ini kita mesti ketengahkan kepada muka keadilan supaya perkara-perkara seperti ini tidak berlanjutan dan melemahkan keadaan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat, saya kena habiskan Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat di sini di hadapan...

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Dari Bakri?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Indera Mahkota, bukan Yang Berhormat Bakri.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Boleh sekejap? [Disampuk]

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ya, secara ringkas Tuan Pengerusi. Spesifik berkenaan dengan *Talent Corporation*. Saya bangun kerana saya mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Padang Besar. Saya bersetuju sebab Yang Berhormat Padang Besar

ada pengalaman. *Credential* ia sebagai bekas seorang Menteri yang khusus menjaga tentang guna tenaga atau tenaga kerja kalau tidak silap saya pada satu masa.

Saya rasa apa yang dibangkitkan itu ada kena mengena dengan kita hendak mencipta keupayaan *Talent Corporation* untuk menyelesaikan banyak perkara yang berkait dengan guna tenaga, terutama sebahagian besarnya untuk membawa balik. Akan tetapi kita jangan tolak juga berkenaan dengan kita menghidupkan tarikan ia, dalaman kita. Maksudnya kita hendak *enrich* kapasiti pekerja-pekerja domestik kita. Berdasarkan kepada apa yang disebut tadi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut bahawa ada empat orang kakitangan yang ditugaskan di dalam membentuk struktur dalam *Talent Corporation*.

Adakah cadangan yang lebih baik yang mungkin di cadang atau difikirkan di mana orang yang pernah terlibat ataupun dengan kata lain bekas-bekas Menteri, ataupun mana-mana yang pernah mempunyai pengalaman ini mungkin disatukan tenaga mereka ini diberi kepercayaan untuk satu jangka masa yang spesifik. Mungkin satu tahun atau dua tahun. Kalau tidak biar kita tukar orang lain.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, itu panjang daripada pendek Yang Berhormat. Cuba pendekkan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Cadangan itu saya terima dengan hati yang terbuka Yang Berhormat. Bolehkah kita teruskan perbahasan kita? Kerana hanya ada 20 minit untuk kita habiskan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kalau diterima itu tidak mengapalah. Tukarlah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Satu soalan.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kerana ini Yang Berhormat Bandar Kuching yang tanya soalan itu. Itu sebab saya terpaksa bagi Yang Berhormat Bandar Kuching. Minta maaf Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih - Bandar Kuching, Bandar Kuching. Sebelumnya Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dan maklumkan kepada Dewan ini, bagaimana kerajaan hendak merancang dan bagaimana langkah-langkah yang akan diambil oleh *Talent Corporation*? Bolehkah Yang Berhormat beri kita angka warga negara kita yang telah pergi keluar negara lain?

Ini kerana ada satu soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Ipoh Timur yang mengatakan senarai 10 negara asing yang mempunyai populasi Diaspora Malaysia yang besar. Jawapan yang diberi adalah angka pada tahun 2000 dan lebih kurang di Singapura ada 300,000. Di Australia ada 78,000 dan seterusnya selepas itu angka-angka yang dibekalkan adalah angka tahun 2000. Selepas itu jawapan yang diberi adalah semenjak tahun 2001 hingga ke Oktober 2010, ada lebih kurang 1,000 permohonan balik ke Malaysia yang telah diluluskan. Kalau 10 tahun hanya 1,000 permohonan yang diluluskan balik ke Malaysia, bagaimanakah badan dan saya ingin tahu dalam...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Bandar Kuching, saya sudah tahu soalan itu dan niat soalan itu saya jawablah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya hendak tanya, dalam 10 tahun itu berapakah orang Malaysia yang keluar ke negara lain? Bolehkah Yang Berhormat Menteri jawab?

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Yang Berhormat Menteri, soalan yang pendek sahaja dari Bakri. Saya hendak tahu...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Yang Berhormat Bakri, Tuan Pengerusi, saya tidak ada masa Tuan Pengerusi. Saya akan terus jawab dan terus ke isu lain. Minta maaf Yang Berhormat Bakri. Nanti, kita beri peluang kemudian. Minta maaf, duduklah.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Tidak, soalan ini penting sebab saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri berkenaan - bolehkah Yang Berhormat Menteri menjelaskan dalam RMKe-10, berapakah peruntukan yang akan diberikan kepada daerah Muar dan Tangkak? Sila senaraikan butiran-butiran mengikut projek-projek yang akan dilaksanakan...*[Dewan riuh] [Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Mana ada daerah Tangkak? Daerah Tangkak tidak ada.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Perbelanjaan yang akan diperuntukkan dalam setiap projek, tujuan projek tersebut dan...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi. Okey...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Mana ada daerah Tangkak, Daerah Ledang.

Tuan Er Teck Hwa [Bakri]: Jangka masa permohonan disiapkan projek tersebut. Saya juga ingin tahu apakah rancangan UPE dalam memastikan perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan awam yang mencukupi di kawasan Bakri dan bandar Muar, memandangkan keadaan trafik yang semakin serius di bandar Muar terutama pada musim raya. Okey, terima kasih.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey, terima kasih. Tuan Pengerusi, kepada soalan dari Yang Berhormat Bandar Kuching.

Yang Berhormat Bandar Kuching, saya tengok cara Yang Berhormat Bandar Kuching tanya, niat mahu lawan buat apa? *Talent Corporation Diaspora* bukan satu...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bukan hendak lawan. Kita...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Oh, ini tidak tahu ini macam mana. Itu senang sahaja.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Okey, okey. Akan tetapi ini kita tanya satu soalan, awak beri angka 2000! Bagaimana dapat terima?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *You* tanya mahu lawan. Adakah Yang Berhormat Bandar Kuching ingat ini satu cadangan yang berniat jahat?

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ini tidak berniat jahat, tidak berniat jahat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *You* jawab soalan saya dahulu, *you* jawab soalan saya dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Akan tetapi soalan ini seolah-olahnya hendak - *to hide the facts*.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: *Talent Corporation* adalah satu cadangan yang dibuat untuk dibuat kajian. Bukan dikutip dari kaki lima. Ia dibuat selepas kita buat *feasibility study*. Saya tahu ada 784,900 orang di luar. 2000, saya tidak mahu jawab tadi kerana saya tahu mesti memberi data yang terkini. Itu sebab kita buat *Talent Corporation* supaya kumpul balik, kaji balik dan mencari penyelesaian. Marilah sama-sama bagi pandangan. Jangan tembak sahaja. Ini Dewan yang mulia Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak kita beri cadangan. Yang Berhormat mesti beri kita maklumat yang terkini. Kita ada tanya soalan...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya sudah beritahu, saya sudah beritahu.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat beri kita maklumat yang 2000.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya sudah beritahu, itulah sebabnya *Talent Corporation* diwujudkan untuk memberi maklumat terkini.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 10 tahun tidak sudah, 10 tahun...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Berbalik kepada konsep, adakah niatnya buat jahat. *You* sudah setuju tidak ada, duduklah sahaja Yang Berhormat. Baik, kita teruskan kepada Yang Berhormat. Kepada Yang Berhormat Bakri,...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Angka terkini, angka terkini.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya akan bagi jawapan secara bertulis.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, angka terkini ada atau tidak? Ada angka terkini?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini *floor* saya, duduk!

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: 2000...

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini *floor* saya, duduk! Duduk Yang Berhormat Kuching.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Bandar Kuching... Soalan baru tidak perlu dijawab Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sopan dibalas sopan Tuan Pengerusi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Itu soalan saya bangkit dalam perbahasan saya, bukan soalan baru. Saya bangkit, saya hendak angka yang terkini. Saya ada bangkit dalam perbahasan saya...

Seorang Ahli: Duduklah.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Okey Tuan Pengerusi, Yang Berhormat daripada Jasin bertanyakan mengenai pembinaan jalan empat lorong Jasin–Tangkak–Air Keroh yang perlu dilaksanakan dalam RMKe-10. Untuk makluman Yang Berhormat Jasin, projek yang ini diluluskan di Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE2) dengan peruntukan sebanyak RM132 juta. Akan tetapi setakat ini hanya dua pakej sahaja dibuat iaitu pakej pertama dari Tangkak ke sempadan iaitu 5.3 kilometer dan pakej keempat dari Bemban ke Seri Negeri – 10.4 kilometer. Projek dua pakej lagi akan disambung pada *rolling plan* yang ke sepuluh pada pakej kedua dan tiga. Seterusnya, saya hanya ada dua Tuan Pengerusi...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, ringkas. Mustahak sedikit, tentang soalan saya tadi. Sebenarnya soalan yang saya timbulkan, memang saya tahu sudah lulus dan pakej ketiga dan keempat akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Apa yang saya timbulkan - sudah dua kali saya timbulkan kerana jajaran tersebut tidak melalui seperti yang telah dirancang. Sepatutnya jalan tersebut melalui bandar Jasin kerana jalan tersebut nama ia, Tangkak–Jasin–Air Keroh. Akan tetapi saya lihat jajaran yang akhir dibuat oleh JKR tidak melalui langsung jalan di Jasin. Kenapakah Ahli Parlimen tidak diambil kira pandangan kita sedangkan JKR mengubah jajaran ini? Saya hendak bertanya begitu.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Pengerusi, saya minta supaya Yang Berhormat Jasin jangan marah, sabarlah. Marah Yang Berhormat Jasin? Okey, baik kita teruskan.

■1920

Baik pakej kedua dan ketiga ini melibatkan jajaran baru seperti yang dikatakan tadi dan memerlukan kerja-kerja mereka bentuk dan mengambil air tanah. Tolong duduk dengan JKR, dengan pihak berkenaan untuk bincang balik. Yang Berhormat...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri, sepatutnya pihak yang berwajib mengambil kira tentang kewujudan kita sebagai Ahli Parlimen.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tetap.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tidak ambil kira langsung.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Barisan lagi, terima kasih mungkin kita tidak ambil kira.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tidak ambil kira langsung. Oleh sebab itu saya bangkitkan perkara ini, apabila saya lihat jajaran itu telah pun diubah dan saya minta kalau boleh direkodkan, kalau boleh jajaran mesti melalui bandar Jasin.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, saya akan sampaikan kepada JKR.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau tidak bandar Jasin akan terus ketinggalan. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Betul dia tidak ambil kira Yang Berhormat Jasin? Betul kah?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Saya teruskan, Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Akan tetapi Tangkak diambil kira.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Ledang.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, minta habis sepuluh minit Yang Berhormat.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Sudah habis, dua sahaja lagi Yang Berhormat. Sudah diuruskan dengan cantik Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya sudah rancang tadi. So, Yang Berhormat Ledang beliau membangkitkan projek lebuhraya Segamat Tangkak, empat lorong tidak dibuat secara berfasa dan supaya ia menjadi satu realiti, terus sekali gus buat. Pampasan diberi kepada tanah-tanah yang diambil dan juga dengan kadar yang bersesuaian.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, siling sebanyak RM50 juta telah disediakan untuk bayaran kos perunding bagi kerja mereka bentuk dan juga mengambil alih tanah. Duit itu sudah ada. Di bawah *rolling* pelan pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, siling sebanyak RM230 juta telah diluluskan untuk pembinaan. Walau bagaimanapun pembinaan ini akan berlanjutan hingga *rolling* pelan kedua, tahun 2013 hingga 2015. Okey, itulah saya rasa projek terkini atau status terkini projek masih dalam proses pengambilan tanah sekarang dan kadar bayaran pampasan akan ditentukan oleh pejabat tanah negeri. Tolong runding dengan pejabat tanah negeri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja, tidak sampai satu minit. Permintaan Ledang ialah Tangkak *bypass* dijadikan sebagai fasa dua selepas fasa satu. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini betul macam Ahli Parlimen menyoal.

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tidak mengapa, terima kasih. Saya ambil sahaja cadangan itu. Yang Berhormat Batu Gajah. Maaf Tuan Pengerusi, saya tidak sihat hari ini kerana rentetan daripada Yang Berhormat Kuching tadi. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Kerana Yang Berhormat Batu Gajah? *[Disampuk]* Tidak ada. Dia batu dan gajah Tuan Pengerusi, mana saya boleh lawan.

Beliau membangkitkan agar 00101 – Projek Khas, yang dinyatakan dalam Bajet 2011 dinyatakan dan dijelaskan perinciannya. Baik untuk makluman Yang Berhormat Batu Gajah, perincian projek khas ini untuk dua, pertama banci ekonomi RM13 juta dan Majlis Keselamatan

Negara RM10.8 juta. Baik untuk makluman Yang Berhormat, banci pertama kita sudah habis tetapi banci ekonomi belum. Banci ekonomi ini melibatkan sektor pertanian, sektor pembuatan, sektor pembinaan, perlombongan, 'pengkuarian' dan juga perkhidmatan di bawah semua pertubuhan swasta ekonomi.

Ia akan dilakukan pada bulan Mac hingga Jun. Sekarang kita hanya banci penduduk. Itu sebabnya aktiviti ataupun duit itu diperuntukkan dan untuk lagi satu RM7.9 juta itu adalah untuk Majlis Keselamatan Negara, di mana kita akan wujudkan satu projek dengan izin, *Emergency Command Centre*. Di mana ada *integrated data base* untuk *monitoring* bencana kerana banyak *catalyst...* telah berlaku di dunia sekarang.

Negara jiran kita sudah ada macam-macam malapetaka. Maka mesti kita sudah bersiap sedia dengan Jabatan Alam Sekitar, Suruhanjaya Pilihan raya dan Agency Remote Sensing supaya ketiga-tiga ini dapat disatukan ke hala tuju ini. Dengan itu Tuan Pengerusi, saya minta izin untuk menghabiskan perbahasan ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM78,050,000 untuk Maksud B.1; RM1,806,000 untuk Maksud B.2; RM136,894,000 untuk Maksud B.3; RM45,000,000 untuk Maksud B.4; RM50,630,000 untuk Maksud B.5; RM5,076,773,000 untuk Maksud B.6; RM1,853,938,000 untuk Maksud B.7; RM178,256,000 untuk Maksud B.8; RM202,280,000 untuk Maksud B.9 dan RM18,000,000 untuk Maksud B.40 di bawah Jabatan Perdana Menteri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Wang sebanyak RM78,050,000 untuk Maksud B.1; RM1,806,000 untuk Maksud B.2; RM136,894,000 untuk Maksud B.3; RM45,000,000 untuk Maksud B.4; RM50,630,000 untuk Maksud B.5; RM5,076,773,000 untuk Maksud B.6; RM1,853,938,000 untuk Maksud B.7; RM178,256,000 untuk Maksud B.8; RM202,280,000 untuk Maksud B.9 dan RM18,000,000 untuk Maksud B.40 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM10,779,257,900 untuk Maksud P.6 dan RM28,385,000 untuk Maksud P.7 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2011 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM10,779,257,900 untuk Maksud P.6 dan RM28,385,000 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2011.

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) tanpa mengira Usul yang terdahulu, saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini ditangguhkan sekarang dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Khamis, 11 November 2010.”

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui,

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan hingga pukul 10.00 pagi hari Khamis, 11 November 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.27 malam.